



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI



KOLEJ KOMUNITI  
BUKIT BERUANG



*e-Digest*

**AHANA**

**INDA**

KOLEJ KOMUNITI  
BUKIT BERUANG MELAKA

**2020**

**VOL.1**





*e-Digest* Wahana Minda 2020 Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka

**KOLEJ KOMUNITI BUKIT BERUANG MELAKA  
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

**EDISI 2020**



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI



Terbitan Edisi 2020

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat, sama ada dengan cara elektronik, gambar dan rakaman serta sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Kolej Komuniti Bukit Beruang, Kementerian Pengajian Tinggi terlebih dahulu.

**Diterbitkan oleh:**

Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersialan  
Kolej Komuniti Bukit Beruang  
Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti  
Kementerian Pengajian Tinggi  
No 23 Jalan BBI 1,  
Taman Bukit Beruang Indah,  
75450 Bukit Beruang Melaka.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data-Pengkatalogan dalam-Penerbitan

eISBN 978-967-16553-3-7

e-Digest Wahana Minda 2020 Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka Vol.1 2020

# *Kata-kata Aluan*

## **SEINDAH BICARA, SEMANIS KATA**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum W.B.T & Salam Sejahtera

Setinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi dengan izin dan rahmat dari –Nya, Wahana Minda 2020 telah berjaya diterbitkan. Dikeempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah dan ribuan terima kasih kepada Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersialan Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka serta semua ahli jawatankuasa sidang redaksi yang terlibat dalam memastikan kejayaan menerbitkan Wahana Minda 2020 Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka Vol. 1. Ucapan jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan idea dan berkongsi ilmu dalam bentuk penulisan dalam penerbitan kali ini. Kepada panel penilai juga, saya ucapkan ribuan terima kasih di atas kerjasama serta masa yang diluangkan bagi membuat semakan serta penilaian bagi artikel penulisan ilmiah yang dihantar oleh pensyarah.

Saya juga berharap pembudayaan penulisan dikalangan para pensyarah dapat diteruskan pada masa akan datang. Ini selaras dengan Pelan Strategik Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti dalam memperkaya bakat penulisan dikalangan para pensyarah serta dapat berkongsi ilmu dengan pihak industri dan juga komuniti melalui penulisan penyelidikan serta penulisan ilmiah.

Akhir kata daripada saya, diharapkan Wahana Minda akan diterbitkan lagi pada masa akan datang dengan dengan lebih banyak penulisan ilmiah daripada para pensyarah. Sekali lagi, ucapan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak dalam menjayakan penerbitan Wahana Minda 2020 Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka Vol. 1.

Tahniah dan syabas.

**Jamalluddin bin Mohd Ali**  
**Pengarah Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka**  
**Kementerian Pengajian Tinggi**



# *Sekapur Sireh*

## SEINDAH BUDI, SEMANIS KATA

Bismillahirrahmanirrahim  
Assalamualaikum W.B.T & Salam Sejahtera

Alhamdulillah, dan syukur ke hadrat Illahi dengan izin dan rahmat dari –Nya, Wahana Minda 2020 Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka Vol. 1 telah berjaya diterbitkan. Ucapan ribuan tahniah kepada Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersialan Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka serta semua ahli jawatankuasa sidang redaksi yang terlibat dalam memastikan Wahana Minda ini diterbitkan secara e-book. Usaha dan masa yang diberikan dalam memastikan kejayaan Wahana Minda ini sangat dihargai.


Idea bagi menerbitkan Wahana Minda secara e-book adalah untuk memberi peluang kepada pensyarah untuk berkarya serta mencurahkan idea dan ilmu pengetahuan yang mereka perolehi. Penerbitan secara e-book, adalah selaras dengan teknologi yang terkini kerana capaian yang lebih mudah dan pantas. Diharapkan juga, melalui penulisan ilmiah dan penyelidikan ini dapat memberi cabaran kepada pensyarah dalam meningkatkan lagi mutu pengajaran dalam proses PdP.

Melalui pembudayaan penulisan ilmiah dan penyelidikan, akan membuatkan para pensyarah akan menjadi lebih kreatif dan dinamik dalam melengkapkan diri bagi bersaing dengan dunia teknologi yang semakin pantas dan mencabar. Para pensyarah juga dapat berkongsi idea serta inovasi yang mereka cipta dengan komuniti dan juga industri.

Akhir kata, saya berharap penulisan akan menjadi satu budaya kerja dalam kalangan pensyarah. Sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua sidang redaksi Wahana Minda, para panel penilai dan juga pensyarah yang bersama-sama dalam memastikan Wahana Minda ini diterbitkan. Besar harapan saya Wahana Minda ini akan dapat memberi impak dalam meningkatkan ilmu pengetahuan dalam kalangan masyarakat.

Tahniah dan syabas.

**Ts. Mohd Jalil bin Ahmad**  
**Timbalan Pengarah Akademik**  
**Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka**



# *Sekalung Penghargaan*

## **Barisan Panel Penilai e-Digest Wahana Minda 2020 Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka**

**DR. AZLAN BIN MUHARAM**

Kolej Komuniti Masjid Tanah Melaka

**DR. AZILAHWATI BINTI ADAM**

Kolej Komuniti Jasin Melaka

**DR. AHMAD ROSLI BIN MOHD NOR**

UiTM Cawangan Negeri Melaka Kampus Bandaraya Melaka

**Ts. DR. SITI MAHFUZAH BINTI MOHAMAD**

Pengarah dan Penerbit Universiti Teknikal Malaysia Melaka

**DR. MUHAMMAD NAZRI BIN ABDUL HALIM**

Politeknik METrO Johor Bahru, Johor

**DR. SHARIFAH NADIYAH BINTI RAZALI**

Kolej Komuniti Selandar Melaka

# Sidang Redaksi

**Pengerusi:**

*En. Jamalluddin bin Mohd Ali*  
Pengarah

**Timbalan Pengerusi 1:**

*Ts. Mohd Jalil bin Ahmad*  
Timbalan Pengarah (Akademik)

**Timbalan Pengerusi 2:**

*Pn. Tuty Farhida binti Sajat*  
Timbalan Pengarah (Pengurusan)

**Setiausaha Program:**

*Cik Siti Norakma binti Abd Muin*

**Ketua Sidang Redaksi:**

*Pn. Nazelira binti A Rahim*

**Ketua Editor:**

*Pn. Noor Suhaina binti Abd Azis*

**Editor:**

*Ts. Azahari bin Abu*

*En. Md Emran bin Saidi*

*En. Mohd Iskandar bin Mohd Yatim*

*Ts. Muhd Abu Bakar bin Muhd Radzi*

*En. Mohd Khairol Nizam bin Mohd Anuar*

*Pn. Wan Nur Fathia binti Zakiudin*

**Pereka Grafik:**

*En. Haslan bin Azis (Ketua)*

*Pn. Suhaniza binti Saleh*

**AJK Teknikal:**

*Pn. Norfadzliah binti Mohamad Yatim (Ketua)*

*En. Mohd Sani bin Mohd*

*Pn. Nazuha binti Mohd Zahar*

*Pn. Nurulhuda binti Salim*

*En. Mohd Hafiez bin Ahmad*

**AJK Panel Penilai:**

*Ts. Mohd Hisham bin Mokhtar (Ketua)*

*Mohd Farid bin Yusuf*

**Pembaca Prof:**

*Cik Rashidah binti Abdul Karim*

# *Senarai Kandungan*

<b>Kata-kala Aluan</b>	i
<b>Sekapur Sirih</b>	ii
<b>Sekalung Penghargaan</b>	iii
<b>Sidang Redaksi</b>	iv
1. Kebolehpasaran Graduan Pelancongan Dalam Kerjaya Di Dalam Sektor Pelancongan: Satu Kajian Ilmiah <i>Irdayani Md. Yusof</i>	1
2. Kajian Kes Pencapaian Pelajar Keusahawanan Ketika Perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) <i>Mohd Khairol Nizam B. Mohd Anuar, Noor Suhaina Bt Abd Azis</i>	9
3. Flipped Classroom, Satu Konsep Pembelajaran Dan Pengajaran Bagi Pelajar Generasi Z <i>Norasmawati Binti Mohd Noor</i>	16
4. Persediaan Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Talian Di Kalangan Pensyarah <i>Siti Norsiah Binti Ahmad, Ahmad Shawal Bin Ali, Datin Sakinah Binti Mupit</i>	23
5. Kemahiran Komunikasi Di Kalangan Pramusaji <i>Nurazlina Binti Mohd Razali</i>	32
6. It Was A Rough Day! Preventative Practices For Effective Classroom Management <i>Zam Zarina Md Zain, Nur Azlin Azhari, Halijah Yusof</i>	37
7. Diukir Cair, Tidak Diukir Pun Cair <i>Mohd Farid Bin Yusoff, Nor Rosmiyana Binti Mahmood, Abdul Radzeem Bin Abdul Rahman</i>	43
8. Flipped Learning, Bersedia Atau Tidak? <i>Nazelira Binti A Rahim, Norfadzliah Binti Mohamad Yatim, Nur Syaza Borhan</i>	46



9.	Amalan Kitar Semula: Kajian Kes Pelajar Sijil Teknologi Senibina Kolej Komuniti Jempol, Negeri Sembilan <i>Muhammad Syawal Bin Yaakob, Nor Samsila Binti Ismail</i>	52
10.	Kompetensi Kerjaya Pelajar Pendidikan Khas Dalam Menceburi Dunia Barista <i>Anwar Jaafar</i>	58
11.	Keperluan Asrama Di Kolej Komuniti Selandar, Melaka <i>Mohd Faiz Bin Abu Bakar, Siti Husoosani Binti Husain</i>	62
12.	Penggunaan Kod Respons Pantas (Kod QR) Bagi Aktiviti Promosi Pengambilan Pelajar <i>Noor Suhaina Bt. Abd Azis, Mohd Khairol Nizam B. Mohd Anuar, Mohd Iskandar B. Mohd Yatim</i>	68
13.	Keberkesanan Penggunaan Kit PdP Pencahayaan & Bayangan Grafik Seni Bina <i>Nor Samsila Binti Ismail, Muhammad Syawal Bin Yaakob</i>	73
14.	Kaedah Pemasaran Teknokafe “Goat2Go Farm” <i>Nazuha Binti Mohd Zahari</i>	82
15.	Penerimaan Pelanggan Terhadap Kek <i>Fondant Icing</i> Bagi Majlis Perkahwinan <i>Hairina Binti Zainal</i>	88
16.	Penggunaan Bahan Alternatif Dalam Latihan <i>Latte Art</i> <i>Siti Norakma Binti Abd Muin</i>	94
17.	Masak Sendiri Atau Makan Di Luar? <i>Nurul Norfadila Binti Adnan</i>	99
18.	Penilaian Sensori Dalam Industri Pembuatan Makanan Dan Minuman <i>Nur Farhani Ramli, Anwar Jaafar</i>	104
19.	Solat: Isu Dan Cabaran Remaja Masa Kini <i>Norhayati Binti Ali</i>	113

20. Pandemik Covid-19: Keganasan Dalam Rumah Tangga 117  
*Asmak Binti Ibrahim, Tan Pey Pey*
21. Tenaga Suria Menjana Pendapatan Pasif 122  
*Ts.Azahari bin Abu, Hj Md. Emran bin Saidi*

# **KEBOLEHPASARAN GRADUAN PELANCONGAN DALAM KERJAYA DI DALAM SEKTOR PELANCONGAN: SATU KAJIAN ILMIAH**

**IRDAYANI MD.YUSOF**

Kolej Komuniti Tangga Batu Melaka

## **Abstrak**

*Kursus Sijil Pelancongan dan Pengembaraan yang ditawarkan di Kolej Komuniti Tangga Batu bertujuan untuk membentuk graduan yang berpengetahuan dan berkemahiran di dalam bidang pelancongan. Hal ini bagi memenuhi permintaan kebolehpasaran pekerjaan di dalam bidang pelancongan yang menjadi penyumbang utama ekonomi negara Malaysia. Namun begitu, tidak semua graduan memilih untuk bekerja di dalam sektor pelancongan. Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti kebolehpasaran graduan yang bekerja di dalam bidang pelancongan dan memilih untuk bekerja di dalam sektor pelancongan. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan borang soal selidik melalui Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) TVET kebangsaan kepada 38 orang pelajar Kolej Komuniti Tangga Batu. Seramai 38 graduan dipilih untuk kajian ini yang terdiri daripada graduan Sijil Pelancongan dan Pengembaraan Kolej Komuniti Tangga Batu pada Tahun 2018. Daripada 38 orang graduan tersebut, seramai 22 orang lulusan telah memilih untuk bekerja. Secara keseluruhannya daripada dapatan kajian, hanya 9 orang lulusan daripada 22 orang graduan yang bekerja dan memilih untuk bekerja di dalam sektor pelancongan. Manakala 13 orang lulusan tidak memilih untuk bekerja di dalam sektor pelancongan. Berbagai faktor yang mempengaruhi kebolehpasaran graduan di dalam bidang pelancongan yang memilih untuk bekerja di dalam sektor pelancongan. Lebih banyak pendedahan dan kerjasama dengan pihak industry perlu dilakukan bagi meningkatkan lagi kebolehpasaran graduan di dalam bidang pelancongan.*

**Kata kunci:** Kebolehpasaran, graduan kolej komuniti, bidang pelancongan

## **Pengenalan**

Industri pelancongan menjadi penyumbang utama dan penting dalam pembangunan ekonomi Malaysia. Ini dapat dilihat di mana sektor pelancongan menyumbang RM84.1 billion kepada pertumbuhan ekonomi negara menerusi ketibaan kira-kira 25.8 juta pelancong antarabangsa ke negara pada tahun 2018 (Laporan Berita Harian Online, Januari 2019). Berdasarkan peningkatan jumlah pelancong ke dalam negara keperluan tenaga kerja dalam bidang pelancongan juga turut meningkat. Antara jenis pekerjaan yang terlibat dalam bidang pelancongan adalah agensi pelancongan, tempat rekreasi, tempat hiburan, restoran, kedai tarikan pelancong, tempat penginapan dan pengangkutan pelancongan. Hal ini membuktikan bahawa terdapat banyak peluang pekerjaan yang boleh diisi oleh lulusan kolej komuniti dalam bidang pelancongan.

Kolej Komuniti Tangga Batu adalah di antara salah satu daripada sebelas kolej komuniti yang menawarkan kursus Sijil Pelancongan dan Pengembaraan. Kursus Sijil Pelancongan dan Pengembaraan di Kolej Komuniti Tangga Batu telah bermula pada tahun 2011. Kursus ini digubal untuk melengkapkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan di dalam industri pelancongan.

Kursus ini memberi penekanan kepada pembinaan asas pengetahuan pelancongan, pengendalian agensi, kejurulatihan rekreasi, teknologi dan ketrampilan berkomunikasi. Lulusan kursus ini berpeluang berkhidmat sebagai:

- i. Pemandu Pelancong
- ii. Jurulatih Rekreasi
- iii. Penyelia agensi pelancongan
- iv. Pengusaha Resort/Hotel

Keperluan tenaga kerja di dalam bidang pelancongan bukan sahaja kepada lulusan ijazah dan diploma, juga lulusan teknikal vokasional. Lulusan teknikal dan vokasional adalah bagi memenuhi keperluan pekerjaan di barisan hadapan dan pengoperasian. Ini menunjukkan bahawa peluang pekerjaan bagi lulusan kolej komuniti dalam bidang pelancongan adalah terbuka luas.

Tujuan kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti lulusan yang bekerja di dalam bidang pelancongan. Hal ini bagi mengetahui bilangan lulusan kolej komuniti bidang pelancongan yang mendapat pekerjaan di dalam sektor perkhidmatan dan bidang pelancongan. Hasil dapatan kajian, satu pelan tindakan dapat dirangka bagi meningkatkan jumlah lulusan yang mendapat pekerjaan di dalam sektor pelancongan.

### **Pernyataan masalah**

Kebolehpasaran graduan bidang pelancongan memerlukan banyak perhatian daripada pelbagai pihak. Di dalam bilik kuliah, graduan telah diberikan dan didedahkan dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan oleh industri terutamanya di dalam bidang pelancongan. Bagi membolehkan para graduan mendapat tempat di dalam industri, pihak kolej telah melengkapkan pelajar dengan pelbagai kemahiran dan ilmu yang berkaitan dengan industri, sama ada melalui kelas praktikal, kajian kes dan juga pembelajaran di dalam kelas (Faeza, 2018). Oleh hal yang demikian, apabila tamat pengajian, graduan akan lebih mudah untuk memenuhi pasaran pekerjaan di dalam sektor pelancongan.

Tetapi persepsi bekerja di dalam bidang pelancongan mempunyai cabaran yang tinggi menyebabkan graduan memilih untuk bekerja di dalam sektor yang lain (Wijesundara, 2015). Kebanyakan graduan yang menamatkan pengajian di Institut Pengajian Tinggi (IPT) sudah semestinya mengharapkan mereka akan memperoleh kerjaya yang bersesuaian dengan bidang pengajian mereka semasa di universiti. Namun realitinya tidak semua graduan bernasib baik dan berjaya memperoleh pekerjaan sebagaimana yang diinginkan kerana pelbagai faktor seperti kesukaran memperoleh pekerjaan, ganjaran yang tidak setimpal, faktor dorongan atau halangan keluarga dan sebagainya (Suhaila, Nor Ayuni, Nor Suhaily & Nuzul Akhtar, 2015). Hal ini menyebabkan ada graduan yang tidak memperoleh atau memilih pekerjaan yang bukan di dalam bidang mereka.

Menurut Yatiman (2015) Pelancongan merupakan antara industri yang memerlukan ramai tenaga kerja seperti pekerja hotel, pemandu pelancongan, pekerja kedai cenderamata dan pekerja kedai kraftangan. Perkembangan industri pelancongan yang menggalakkan di negara kita ini meningkatkan permintaan tenaga kerja yang terlatih dan berpengalaman dalam industri ini pada peringkat pengurusan dan penyeliaan dan golongan pekerja mahir dan separa mahir. Selain itu, industri pelancongan memberikan peluang perniagaan berangkai kepada rakyat. Perkembangan industri ini menjadikan nadi kepada perkembangan pelbagai sektor lain seperti sektor pengangkutan, makanan dan minuman,

bunga-bunga, kraf tangan, pertanian dan penternakan. Hal ini mampu mengurangkan kadar pengangguran di negara kita. Pada masa yang sama, taraf hidup rakyat juga akan meningkat. Pasaran kerja pada hari ini, misalnya sedang memasuki zaman perubahan yang sangat pantas dan dinamik. Hari ini semua pihak bercakap tentang Industri Revolusi 4.0, kecerdasan buatan (AI) dan ledakan teknologi maklumat dan komunikasi (Noor Mohamad Shakil Hameed , 2018).

Ini menunjukkan dengan kepesatan ekonomi, kini, peluang pekerjaan di dalam bidang pelancongan amatlah banyak. Oleh itu, kajian ini adalah untuk mengkaji kebolehpasaran graduan dalam bidang pelancongan di kalangan graduan Kolej Komuniti Tangga Batu.

### **Objektif**

Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji kebolehpasaran graduan Kolej Komuniti Tangga Batu 2018 yang mengambil kursus di dalam Sijil Pelancongan dan Pengembaraan. Antara objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Mengenalpasti lulusan yang bekerja di dalam sektor perkhidmatan.
2. Mengenalpasti lulusan yang memilih untuk bekerja di dalam sektor pelancongan.

### **Sorotan kajian**

Sektor pekerjaan di dalam bidang pelancongan memerlukan pekerja yang tidak berkemahiran atau separuh mahir bergantung kepada kehendak jenis pekerjaan (Nicole, Wifred dan Jane, 2018). Wijesundra (2015) mendapati persepsi graduan terhadap kebolehpasaran dalam bidang pelancongan adalah memerlukan pengetahuan dan kemahiran yang tinggi, jawatan yang baik, memerlukan faedah pekerjaan, masa kerja yang tidak menentu, peluang kerjaya yang besar, persekitaran kerja dan keperibadian diri yang tinggi. Persepsi ini menyebabkan graduan banyak untuk memilih bekerja di sektor yang lain.

Menurut Siti Nor Hayati dan Karimah (2018), pelbagai pendekatan baharu diambil oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam usaha untuk meneruskan pengajian TVET selain mahu mengadaptasikan Industri 4.0. Sejauh mana transformasi KPT ini dapat memastikan Kolej Komuniti terus relevan dengan perkembangan industri semasa dan mampu melonjak peratusan kebolehpasaran graduan masih lagi menjadi persoalan selagi graduan itu sendiri gagal memanfaatkan usaha yang dilakukan ini. Melalui latihan kemahiran yang berkesan akan menghasilkan graduan yang mampu mempunyai tahap pendidikan dan kemahiran yang tinggi sebelum memasuki sesuatu bidang pekerjaan dan pendidikan tinggi dianggap sebagai kunci kepada perkembangan kerjaya seseorang graduan (Zaliza, Arasinah, Tee dan Mohd Hasni, 2016). Tujuan kebolehpasaran adalah untuk membangunkan kemahiran dan pengetahuan bagi pelajar baru dan sesiapa yang mahukan pembangunan diri dan pekerjaan yang bagus (Fayeq, 2016). Menurut beliau juga, majikan memerlukan pekerja yang berpengetahuan di dalam bidang, kemahiran berkomunikasi yang jelas, mempunyai semangat kerja berkumpulan, kemahiran interpersonal, kemahiran teknikal dan komputer, berfikiran kritis, mempunyai perancangan, motivasi diri yang tinggi, berintegritas tinggi, inisiatif tinggi di mana ciri-ciri ini akan membentuk seorang pekerja yang sentiasa maju ke depan di dalam kerjaya mereka.

Bagi menyediakan graduan dengan ciri-ciri pekerja yang di perlukan oleh majikan, graduan perlu banyak didedahkan dengan aktiviti kuliah yang lebih menarik dan juga


*hands-on experiences* Cam, Khuong dan Turner, 2017). Graduan yang mempunyai kebolehpasaran yang tinggi seperti kemahiran penyelesaian masalah, dapat bekerjasama, berfikiran kreatif dan kritis dan sifat yang positif dan bertanggungjawab akan memilih untuk bekerja di dalam bidang yang dipelajari (Normah, Nur Nadiah dan Ana, 2016)

### Metodologi

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kuantitatif dengan menggunakan soal selidik instrumen kajian yang dibina oleh Bahagian Perhubungan Industri dan Pengkomersilan Jabatan Pengurusan IPT, Kementerian Pendidikan Malaysia. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan borang soal selidik melalui Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) TVET kebangsaan kepada 38 orang pelajar Kolej Komuniti Tangga Batu.


Dapatan kajian ini diperoleh daripada borang soal selidik yang merangkumi soalan-soalan yang telah difokuskan jawapannya. Data yang diperoleh ditunjukkan dalam bentuk deskriptif (peratus). Kajian ini merupakan kajian kes yang dijalankan di Kolej Komuniti Tanga Batu yang melibatkan sejumlah 22 orang graduan Sijil Pelancongan dan Pengembaraan. Daripada jumlah tersebut, 22 orang graduan adalah yang bekerja di dalam sektor ekonomi iaitu graduan yang bekerja dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan.

### Analisis data dan Perbincangan



**Rajah 1: Taburan status pekerjaan graduan**

Rajah 1 menunjukkan taburan status pekerjaan/kepolehpasaran lulusan seramai 38 orang lulusan. 28 orang atau 74% lulusan telah memilih untuk bekerja. Sebanyak 4 lulusan atau 11% belum bekerja, 10% melanjutkan pengajian dan 5% lagi sedang menunggu penempatan pekerjaan. Berdasarkan rajah menunjukkan kebanyakan pelajar telah pun mendapat pekerjaan selepas tamat pengajian.




**Rajah 2: Taburan responden mengikut sektor ekonomi pekerjaan.**

Secara keseluruhannya responden telah mendapat pekerjaan di dalam sektor perkhidmatan sebanyak 72.7%. Diikuti dengan sebanyak 27.3% yang bekerja di dalam sektor pembuatan. Berdasarkan data ini menunjukkan lulusan yang bekerja lebih tertumpu kepada sektor perkhidmatan sejajar dengan keperluan bidang pelancongan.

Bil.	Tempat bekerja	Jumlah responden
1.	7 Eleven Malaysia	1
2.	99 Speedmart	1
3.	Demawardah Travel & Tours Sdn Bhd	1
4.	Hatten Group	1
5.	Hme Petronas Service Station Sdn Bhd	1
6.	Hotel Sri Klawang	1
7.	Mac Technology Sdn Bhd	1
8.	Mega Water Sports & Holidays Sdn. Bhd	1
9.	Melaka Duck Tours	1
10.	Menara Optometry	1
11.	Natural Cool	1
12.	Outdoor Recreation Training & Supplier	2
13.	Pnw Multi Enterprise Sdn Bhd	1
14.	Rnz	1
15.	Safeguard Sdn Bhd	1
16.	Safeguard Sdn Bhd	1
17.	The Urban Affairs	1
18.	Upside Down House Gallery	1
19.	Uts Marketing Solution	1
20.	Warehouse 99 Speedmart Sdn Bhd	1
21.	Warung Acu Aiman	1
22.	Warehouse 99 Speedmart Sdn Bhd	1

**Rajah 3: Taburan Tempat Pekerjaan Lulusan**

Berdasarkan rajah 3, adalah dikenal pasti bahawa daripada 22 orang lulusan yang bekerja di dalam sektor ekonomi, seramai 9 orang lulusan yang bekerja di dalam bidang pelancongan iaitu Demawardah Travel And Tours, Hotel Hatten Group, Hotel Sri Klawang, Mega Water Sports And Holidays, Outdoor Recreation Training And Supplier dan Upsize Down House Gallery. Seramai 11 orang lulusan tidak bekerja di dalam sektor pelancongan.



**Rajah 4: Jenis Bidang Pekerjaan Lulusan**

Rajah 4 menunjukkan jenis pekerjaan yang dipilih oleh lulusan. Daripada rajah tersebut seramai 40.9% memilih bidang perkeranian dan juga perkhidmatan. 13.6% pula memilih bidang kraftangan dan perdagangan. Manakala 4.5% memilih untuk bekerja sebagai operator kilang dan mesin serta jurupasang. Berdasarkan hasil dapatan ini menunjukkan bahawa lulusan cenderung untuk memilih bekerja di bahagian operasi atau barisan hadapan. Seterusnya di tempat perniagaan dan perdagangan. Terdapat juga lulusan memilih untuk bekerja di sektor perkilangan dan jurupasang kerana bidang pelancongan sendiri mendedahkan pelajar kepada pekerjaan yang memerlukan *hands-on*.

### **Cadangan dan Kesimpulan**

Kajian ini mendapati graduan bidang pelancongan Kolej Komuniti banyak memilih dan bekerja di dalam sektor perkhidmatan. Walau bagaimanapun, graduan yang bekerja di dalam bidang pelancongan adalah sedikit berbanding memilih untuk bekerja di dalam bidang yang lain. Pelbagai pihak perlu membuat tindakan dalam memastikan graduan akan mendapat pekerjaan dalam bidang pelancongan.

Suatu pendekatan perlu dilakukan kepada bakal graduan yang bakal menghadapi alam pekerjaan oleh pihak kolej serta Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti untuk mewujudkan budaya pelancongan di dalam jati diri pelajar yang belajar di kolej komuniti. Ini bagi menyediakan bakal graduan untuk bersedia bekerja di dalam sektor pelancongan dan juga bimbingan untuk mendapatkan di dalam sektor pelancongan. Antara cadangannya ialah transformasi Kolej Komuniti Tangga Batu sebagai kolej pelancongan secara khususnya seperti Kolej Komuniti Langkawi yang telah ditransformasikan kepada *Langkawi Tourism Academy*. *Langkawi Tourism Academy* menawarkan *dual* program di mana graduan akan memperoleh dual sijil yang dapat memberikan mereka peluang yang luas untuk mendapatkan pekerjaan yang baik. Begitu juga pensyarah dan pegawai yang berkaitan perlu disediakan agar dapat membentuk bakal graduan yang cemerlang dalam sektor pelancongan



Satu panduan kesediaan kerjaya dalam bidang pelancongan harus dihasilkan bagi memberi panduan kepada graduan dalam membantu mencari dan memilih kerjaya di dalam bidang pelancongan. Kerjasama dan rundingan persefahaman di antara pemain industri juga harus dipertingkatkan bagi memberi lebih banyak ruang dan peluang kepada graduan untuk mudah mendapatkan pekerjaan di dalam industri pelancongan. Pihak kolej juga haruslah sentiasa meningkatkan kesedaran kepada pelajar untuk memilih bekerja di dalam sektor pelancongan terutamanya kepada pensyarah dan pegawai yang bertanggungjawab. Laluan dan hala tuju kerjaya kepada graduan bidang pelancongan terutamanya kolej komuniti perlu diberikan perhatian dan dibantu sepenuhnya oleh semua pihak supaya kemahiran dan pengetahuan yang diperolehi semasa belajar dapat digunakan dalam kerjaya mereka.

Kajian lain juga adalah dicadangkan seperti tahap kebolehpasaran graduan pelancongan di kolej komuniti seluruh Malaysia. Hal ini adalah bertujuan untuk melihat keberkesanan dan sumbangan terhadap pasaran kerja di dalam sektor pelancongan. Selain daripada itu kajian berkenaan faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan pekerjaan di kalangan graduan pelancongan juga boleh dilakukan.

### Rujukan

- Hanapi, Z., Kamis, A., Tee, T. K., & Hanapi, M. H. (2016). Jurang integrasi kemahiran employability di Malaysia: Satu kajian empirikal graduan kejuruteraan Kolej Komuniti. *Geografia Malaysian Journal of Society and Space*, 12(3), 145–153.
- Khong, C., Nguyen, T.-H., Lindsay, T., & Ba, H. (2017). Stakeholder Perspectives on Tourism Graduate Employability Skills in Vocational and Higher Education in Vietnam. *October*, 1–19. <http://ijbassnet.com/>
- Siti Nor Hayati M. Yusop, & Karimah Umar. (2018). Kebolehpasaran Graduan Kolej Komuniti Kuala Langat. *Civilizational Studies and Human Sciences BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences Volume*, 1(3), 43–52.
- Suhaila, N., Nor Ayuni, R., Nor Suhaily, B., & Nuzul Akhtar, B. (2015). Faktor keluarga, ganjaran, dan kesukaran memperolehi pekerjaan mempengaruhi kerjaya yang diceburi alumni kuis. *Proceeding of the 2nd International Conference on Management and Muamalah 2015 (2nd ICoMM)*, 2015(November), 321–334.
- Wakelin-Theron, N., Ukpere, W. I., & Spowart, J. (2018). Perception of tourism graduates and the tourism industry on the important knowledge and skills required in the tourism industry. *African Journal of Hospitality, Tourism and Leisure*, 7(4), 1–18.
- Wijesundara, W. G. S. . (2015). An Evaluation of Graduates ' Perception on Employment in Tourism and Hospitality Industry. *Tourism, Leisure and Global Change*, 2(August 2014), 8–10.
- Zakaria, N., Ismail, N. N., & Ana, A. (2017). The Relationship between Employability Skill and Career Choices among Vocational Skill Students. *Innovation of Vocational Technology Education*, 12(2), 81–84. <https://doi.org/10.17509/invotec.v12i2.6210>.
- BH Online,2019. Sektor pelancongan sumbang RM84.1 bilion. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/02/535609/sektor-pelancongan-sumbang-rm841-bilion>
- Utusan Online: Noor Mohamad Shakil Hameed (2018). Beri Penekanan Kebolehpasaran Graduan <https://www.utusan.com.my/rencana/utama/beri-penekanan-kebolehpasaran-graduan-1.627674>

Faeza Nur, (2018). Kebolehpasaran graduan hospitaliti  
<https://instedtonline.blogspot.com/2016/05/kebolehpasaran-graduan-hospitaliti.html>  
Yatiman Yusof (2015). Kepentingan/Faedah/Impak Industri Pelancongan Kepada Malaysia.  
<https://bahasamelayusmktamanmegahria.blogspot.com/2015/04/kepentinganfaedahkebaikan-industri.html>

# **KAJIAN KES PENCAPAIAN PELAJAR KEUSAHAWANAN KETIKA PERLAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

**MOHD KHAIROL NIZAM B. MOHD ANUAR, NOOR SUHAINA BT ABD AZIS**  
Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka

## **Abstrak**

*Kajian dilaksanakan ke atas sampel seramai 52 orang pelajar semester 3 Sijil Servis Kenderaan Ringan berlainan sesi iaitu Sesi Jun 2019 (Kumpulan 1) dan Sesi Disember 2019 (Kumpulan 2) menggunakan kurikulum pembelajaran dan tenaga pengajar yang sama. Objektif kajian ini adalah bertujuan mengkaji perbezaan pencapaian pelajar Semester 3 dalam kursus MPU 1222 Keusahawanan bagi Program Sijil Servis Kenderaan Ringan sebelum (Sesi Jun 2019) dan semasa (Sesi Disember 2019) pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat wabak penyakit Covid-19. Kaedah pemerhatian telah dilaksanakan dengan mengambil data keputusan Rekod Penilaian Markah bagi kedua-dua kumpulan pelajar tersebut. Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat penurunan gred yang ketara bagi pelajar Kumpulan 2 iaitu tiada seorang pelajar pun yang memperoleh Gred A+(Sangat Cemerlang) dan Gred A(Cemerlang) dengan Nilai Mata 4.00. Bilangan pelajar yang memperoleh Nilai Mata 4.00 adalah seramai 35 orang pada sesi sebelumnya (Kumpulan 1). Daripada perbandingan gred ini juga mendapati bahawa keseluruhan pelajar hanya memperoleh Nilai Mata dalam lingkungan 3.00 hingga 2.00 yang berstatus (Kepujian dan Baik) selepas pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Kesimpulannya, pelajar-pelajar yang dinilai (penilaian berterusan) semasa dalam tempoh PKP (Sesi Disember 2019) mempunyai gred yang lebih rendah berbanding sebelum pelaksanaan PKP (Sesi Jun 2019).*

**Kata kunci :** Perintah Kawalan Pergerakan, Gred, Pencapaian Pelajar

## **Pengenalan**

Melalui sumber Wikipedia (2020), pada 25 Januari 2020 Pandemik COVID-19 telah disahkan merebak di Malaysia. Berikutan peningkatan kes pada Mac, Yang di-Pertuan Agong telah menyatakan kebimbangan baginda dan Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan langkah selanjutnya bagi mengatasi penyebaran virus ini di dalam Negara melalui siaran langsung pada 13 Mac 2020. Pada malam 16 Mac 2020, akibat peningkatan drastik kes sejak hari sebelumnya, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan sebuah tindakan yang dinamakan sebagai Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang melibatkan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Antaranya adalah melibatkan penutupan semua institut pendidikan tinggi awam dan swasta serta institut latihan kemahiran di seluruh negara.

Hal ini demikian telah membawa kepada penutupan semua institusi dibawah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Justeru itu, lanjutan daripada penutupan ini mengakibatkan proses pentaksiran dan penilaian di institusi terhenti. Pada 27 Mac 2020, pihak JPPKK telah mengeluarkan satu garis panduan iaitu berkaitan dengan pelaksanaan pentaksiran dan penilaian program pengajian diploma dan sijil bagi Politeknik dan Kolej Komuniti Sesi Disember 2019 berikutan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebagai rujukan para pensyarah untuk menyelesaikan baki pengajian pada sesi tersebut.

Beberapa objektif kajian bagi memenuhi tujuan kajian ini adalah seperti berikut :

- i. Mengetahui perbezaan pencapaian gred pelajar sebelum dan semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)
- ii. Mengenalpasti kesan pelaksanaan PKP terhadap pencapaian gred pelajar

### **Pernyataan Masalah**

Dalam usaha menangani penyebaran wabak *Covid-19*, walaupun berlakunya penutupan pusat-pusat institusi diseluruh Malaysia akibat PKP, sistem pembelajaran tetap diteruskan bagi menyelesaikan baki pentaksiran dan penilaian. Bagi memastikan pelajar tidak ketinggalan dalam mengikuti pembelajaran, warga pendidik mula menggunakan opsyen menjalankan kelas secara dalam talian. Pelbagai kegusaran yang timbul apabila ingin melaksanakan kaedah pentaksiran dan penilaian secara atas talian ini. Ada pelajar yang tidak mempunyai gajet atau telefon pintar peribadi, ada yang tidak mempunyai cukup data internet dan ada pula yang tidak mempunyai capaian internet langsung. Bagi pendidik pula, wujud kesangsian platform manakah yang sesuai untuk menjalankan pembelajaran secara atas talian dan kebanyakannya menggunakan kaedah cuba jaya, iaitu menggunakan mana-mana platform dan lihat kepada kesesuaian.

Menurut Ehwan Ngadi (2020), tiga implikasi utama dilihat menjadi cabaran besar kepada pendidik bagi menjalankan pembelajaran secara atas talian, iaitu kebolehcapaian internet dan kestabilan platform pengajaran, pengurusan emosi serta pentaksiran secara holistik. Hal ini demikian mungkin menyebabkan berlakunya perubahan dalam pencapaian gred pelajar sama ada memberi kesan positif atau negatif. Secara tidak langsung ianya juga akan memberi impak kepada pencapaian institusi.

Oleh itu, kewujudan kajian ini adalah untuk melihat sama ada terdapat perbezaan pencapaian sebelum dan semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan menjurus kepada kursus MPU 1222 Keusahawanan bagi pelajar semester 3 program Servis Kenderaan Ringan.

### **Tinjauan Literatur**

Akibat daripada Pandemik ini, pendekatan pembelajaran dan pengajaran institusi di bawah (JPPKK) telah berubah daripada kaedah pertemuan bersemuka kepada secara dalam talian sepenuhnya. Berdasarkan Garis Panduan Pentaksiran dan Penilaian Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti (27 Mac 2020), pelaksanaan secara bersemuka di semua Politeknik & Kolej Komuniti ditamatkan mulai 18 Mac 2020. Penilaian Berterusan (PB) yang belum dilengkapkan boleh menggunakan kaedah-kaedah pembelajaran jarak jauh (remote) seperti penilaian melalui tugasan, perbincangan berkumpulan secara online dan pembelajaran sendiri mengikut kesesuaian. Pendedahan komponen amali boleh dilaksanakan melalui video, virtual simulation atau kaedah-kaedah lain yang bersesuaian.

Menurut Rozita Talha (2020), impak daripada pandemic Covid-19 bukan sahaja tertumpu kepada ekonomi negara malahan ia juga memberi kesan kepada aspek sosial penduduk. Penduduk akan mengalami perubahan gaya hidup harian berbanding kehidupan sebelumnya seperti pekerjaan yang boleh menjejaskan pendapatan dan perbelanjaan, pendidikan, kesihatan, keselamatan, kebajikan, aktiviti keagamaan dan hubungan sosial. Dalam sektor pendidikan, golongan yang terkesan adalah seperti murid sekolah, pelajar

institusi pengajian tinggi (IPT), guru dan pensyarah. Beberapa kelebihan dan kelemahan telah disenaraikan. Antaranya seperti Jadual 1 dibawah:

**Jadual 1: Kelebihan dan kelemahan dalam sektor pendidikan**

Kelebihan	Kelemahan
Meningkatkan literasi komputer	Bahan rujukan yang terhad
Sesi pembelajaran dirumah	Kurang komunikasi lisan
Merapatkan hubungan murid atau pelajar dengan ibu bapa	Akses internet terhad
Meningkatkan kemahiran mengajar secara online	Pindaan sesi pengajian dan ujian

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia, Newsletter (2020)

Kursus MPU 1222 Keusahawanan merupakan kursus teras bagi semua pelajar semester 3 program Sijil Servis Kenderaan Ringan yang ditawarkan di Kolej Komuniti Malaysia. Kursus ini meliputi Topik 1 - Asas Keusahawanan, Topik 2 – Campuran Pemasaran, Topik 3 – Business Pitching dan Topik 4 – Pengurusan Kos. Selain itu, hasil pembelajaran yang diharapkan bagi kursus ini adalah pelajar dapat Menjelaskan konsep asas keusahawanan, Mencadangkan idea perniagaan secara offline dan online dan Menyediakan kos pelaksanaan projek dan pengiraan untung rugi perniagaan. Pelajar yang mengikuti kursus ini akan dinilai secara teori dan amali. Keputusan Pencapaian gred pelajar pula adalah berdasarkan gred yang diperolehi selepas sesuatu sesi pengajian tamat merujuk kepada (Panduan Penulisan Item Pentaksiran Edisi 2013). Manakala Sistem Gred yang digunapakai di Kolej Komuniti (Peraturan Peperiksaan dan Kaedah Penilaian Kolej Komuniti Edisi 5 2017) adalah seperti pada Rajah 1.


Markah	Gred	Nilai Mata	Status
90 – 100	A+	4.00	Sangat Cemerlang
80 – 89	A	4.00	Cemerlang
75 – 79	A-	3.67	Kepujian
70 – 74	B+	3.33	
65 – 69	B	3.00	
60 – 64	B-	2.67	Baik
55 – 59	C+	2.33	
50 – 54	C	2.00	
47 – 49	C-	1.67	Lulus Bersyarat
44 – 46	D+	1.33	
40 – 43	D	1.00	
0 – 39	F	0.00	Gagal

**Rajah 1: Sistem Gred**

Oleh itu, pencapaian gred pelajar adalah bergantung kepada penguasaan dan pemahaman terhadap apa yang telah dipelajari daripada para pensyarah atau tenaga pengajar mereka. Dengan perubahan kaedah atau format pentaksiran dan penilaian akibat pelaksanaan PKP, pelbagai jangkaan yang bermain diminda pensyarah yang mengajar sama ada dapat membantu pelajar menguasai ilmu yang disampaikan ataupun tidak.

## Metodologi Kajian

Kajian yang dijalankan adalah secara kuantitatif iaitu dengan pengumpulan data sekunder yang diperolehi daripada Unit Peperiksaan, Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka (KKBBM). Data tersebut merupakan markah Rekod Penilaian Keseluruhan bagi Kursus MPU 1222 Keusahawanan bagi Program Sijil Servis Kenderaan Ringan semester 3 Sesi Jun 2019 dan Sesi Disember 2019. Data markah ini melibatkan seramai 37 orang pelajar sesi Jun 2019 dan 15 orang sesi Disember 2019 dengan menggunakan kurikulum dan tenaga pengajar yang sama. Rajah 2 menunjukkan carta alir proses kajian dijalankan.



Rajah 2: Carta Alir proses kajian

## Analisa Data Kajian

Dapatan kajian terbahagi kepada dua kumpulan iaitu sebelum pelaksanaan PKP (Kumpulan 1) dan pencapaian pelajar semasa pelaksanaan PKP (Kumpulan 2). Jadual 2 dan 3 menunjukkan analisa bilangan pelajar mengikut pencapaian gred bagi kedua-dua kumpulan pelajar tersebut.

Jadual 2 : Analisa Pencapaian Gred pelajar bagi Kursus MPU 1222 Keusahawanan sebelum pelaksanaan PKP (Kumpulan 1)

Gred	Status	Nilai Mata	Bilangan Pelajar (Kumpulan 1)	Peratus Gred (Kumpulan 1)
A+	Sangat Cemerlang	4.00	8	21.6
A	Cemerlang	4.00	27	73.0
A-	Kepujian	3.67	2	5.4
B+	Kepujian	3.33	0	0
B	Kepujian	3.00	0	0
B-	Baik	2.67	0	0
C+	Baik	2.33	0	0
C	Baik	2.00	0	0
C-	Lulus Bersyarat	1.67	0	0
D+	Lulus Bersyarat	1.33	0	0
D	Lulus Bersyarat	1.00	0	0

Jadual 2 di atas menunjukkan pencapaian gred yang diperolehi pelajar Kumpulan 1 bagi kursus MPU 1222 Keusahawanan. Berdasarkan jadual tersebut, seramai 8 orang pelajar

memperoleh Gred A+ (21.9 %), 27 orang pelajar memperoleh Gred A (73%) dan 2 orang pelajar memperoleh Gred A- (5.4%). Selain itu, jadual ini juga menunjukkan bahawa tiada pelajar yang memperoleh gred dibawah A-.


**Jadual 3: Analisa Pencapaian Gred pelajar bagi Kursus MPU 1222 Keusahawanan semasa pelaksanaan PKP (Kumpulan 2)**

Gred	Status	Nilai Mata	Bilangan Pelajar (Kumpulan 2)	Peratus Gred (Kumpulan 2)
A+	Sangat Cemerlang	4.00	0	0
A	Cemerlang	4.00	0	0
A-	Kepujian	3.67	0	0
B+	Kepujian	3.33	0	0
B	Kepujian	3.00	1	6.7
B-	Baik	2.67	5	33.3
C+	Baik	2.33	5	33.3
C	Baik	2.00	4	26.7
C-	Lulus Bersyarat	1.67	0	0
D+	Lulus Bersyarat	1.33	0	0
D	Lulus Bersyarat	1.00	0	0

Jadual 3 pula menunjukkan pencapaian gred yang diperolehi pelajar Kumpulan 2. Berdasarkan jadual tersebut seramai 1 orang pelajar memperoleh Gred B (6.7%), 5 orang pelajar memperoleh Gred B- dan C+ (33.3%), dan 4 orang pelajar memperoleh Gred C (26.7 %). Jadual tersebut juga menunjukkan tiada pelajar memperoleh gred B+ ke atas. Keputusan ini menunjukkan penurunan pencapaian gred yang ketara kerana tiada pelajar yang memperoleh status Sangat Cemerlang (A+) dan Cemerlang (A) berbanding Kumpulan 1 yang kebanyakan pelajar memperoleh status Cemerlang.

**Jadual 4: Analisa Perbandingan Pencapaian Gred Pelajar mengikut Kumpulan**

Gred	Status	Nilai Mata	Bilangan Pelajar Kumpulan 1	Peratus Gred Kumpulan 1	Bilangan Pelajar Kumpulan 2	Peratus Gred Kumpulan 2	Peratus Peningkatan/ Penurunan
A+	Sangat Cemerlang	4.00	8	21.6	0	0	-21.6
A	Cemerlang	4.00	27	73.0	0	0	-73.0
A-	Kepujian	3.67	2	5.4	0	0	-5.4
B+	Kepujian	3.33	0	0	0	0	0
B	Kepujian	3.00	0	0	1	6.7	+6.7
B-	Baik	2.67	0	0	5	33.3	+33.3
C+	Baik	2.33	0	0	5	33.3	+33.3
C	Baik	2.00	0	0	4	26.7	+26.7
C-	Lulus Bersyarat	1.67	0	0	0	0	0
D+	Lulus Bersyarat	1.33	0	0	0	0	0
D	Lulus Bersyarat	1.00	0	0	0	0	0
<b>Jumlah Keseluruhan Pelajar</b>			<b>37</b>		<b>15</b>		



**Rajah 3: Graf Perbezaan Peratus Pencapaian Status Penilaian Mengikut Kumpulan**

Berdasarkan Jadual 4 dan Rajah 3 di atas, pencapaian gred pelajar Kumpulan 1 adalah lebih baik berbanding Kumpulan 2. Keputusan ini menggambarkan bahawa terdapat penurunan pencapaian pelajar akibat pelaksanaan PKP bagi kursus tersebut. Perbezaan graf pada Rajah 2 menunjukkan peratus pencapaian terbaik pelajar Kumpulan 1 adalah pada status Sangat Cemerlang iaitu sebanyak 21.6 %. Manakala pencapaian terbaik Kumpulan 2 adalah pada status Kejujukan iaitu sebanyak 6.7%.

Apabila pelaksanaan PKP, pertemuan bersemuka antara pelajar dan pensyarah (norma biasa) adalah tidak dibenarkan. Segala bentuk pentaksiran dan penilaian adalah secara maya. Antara bentuk penilaian yang perlu dilaksanakan adalah berbentuk kuiz, ujian, tugas dan amali. Faktor tidak bersemuka mungkin menyebabkan kurangnya komitmen pelajar terhadap keperluan penilaian yang perlu dihantar kepada pensyarah dan ini menyebabkan markah yang diperolehi rendah. Berbanding dengan norma biasa pelajar mudah untuk bertemu dengan pensyarah dan akses secara talian yang memerlukan kos dan kemahiran tidak diperlukan dalam penghantaran dokumen penilaian.

### **Perbincangan dan Cadangan**

Secara umumnya, melalui kajian ini dijangka jika tempoh PKP ini diteruskan atau berlanjutan, ianya akan memberi kesan penurunan terhadap prestasi pencapaian gred pelajar. Walau bagaimanapun, kajian lanjut perlu dilakukan terhadap kursus-kursus yang lain bagi memperoleh perbezaan keseluruhan pencapaian para pelajar sebelum dan semasa pelaksanaan PKP. Ianya juga adalah bagi memastikan kualiti pelaksanaan pentaksiran dan penilaian terhadap pelajar melalui kaedah tidak bersemuka (maya) dapat dilaksanakan dengan adil dan berkesan. Dicadangkan juga agar pihak institusi mendedahkan atau memberi latihan secukupnya kepada para pelajar dan pensyarah dalam menguasai pembelajaran dan pengajaran secara dalam talian selaras dengan keperluan pembelajaran abad ke 21. Ketidakselarasan gred pencapaian pelajar yang berlaku ini juga mungkin disebabkan oleh faktor kemudahan teknologi pelajar itu sendiri\



## **Kesimpulan**

Kesimpulannya, akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini dapat menjadi kayu pengukur terhadap tahap kesediaan atau kemampuan para pelajar dan pensyarah dalam mengatasi kekangan-kekangan yang wujud dalam pembelajaran suasana normal baharu. Diharapkan, pihak institusi akan mengambil langkah bersedia dalam menangani isu seperti ini supaya prestasi pencapaian pelajar sentiasa konsisten dan ke arah lebih baik.

## **Rujukan**

- Ehwan Ngadi (2020). COVID19: Implikasi Pengajaran dan Pembelajaran Atas Talian. Diambil dari <https://www.usim.edu.my/news/in-our-words/covid19-implikasi-pengajaran-dan-pembelajaran-atas-talian/>
- Garis Panduan Pentaksiran dan Penilaian JPPKK (27 Mac 2020)
- Kamus Dewan (2005). Edisi Ke-4. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka
- Panduan Penulisan Item Pentaksiran Kolej Komuniti (Edisi 2013)
- Peraturan Peperiksaan dan Kaedah Penilaian Kolej Komuniti (Edisi 2017)
- Rozita Talha (2020). Kajian Kes Impak Perintah Kawalan Pergerakan Kepada Penduduk Malaysia. Diambil dari [https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/6\\_Newsletter/Newsletter%202020/DOSM\\_BPPD\\_1-2020\\_Siri-17.pdf](https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/6_Newsletter/Newsletter%202020/DOSM_BPPD_1-2020_Siri-17.pdf)
- Wikipedia (2020). Pandemik COVID-19 di Malaysia. Diambil dari [https://ms.wikipedia.org/wiki/Pandemik\\_COVID-19\\_di\\_Malaysia](https://ms.wikipedia.org/wiki/Pandemik_COVID-19_di_Malaysia)

# **FLIPPED CLASSROOM, SATU KONSEP PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN BAGI PELAJAR GENERASI Z**

**NORASMAWATI BINTI MOHD NOOR**

Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka

## **Abstrak**

*Pembelajaran dan pengajaran telah berevolusi seiring dengan era digital masa kini. Kaedah chalk and talk dilihat tidak relevan terutamanya bagi pelajar Generasi Z kerana mereka telah terdedah dengan teknologi dan dikenali sebagai digital native generation. Walaupun mahir dengan teknologi digital, mereka kurang mahir dengan literasi maklumat dan kemudahcapaian kadangkala memerlukan bimbingan terutamanya dari tenaga pengajar. Maka, flipped classroom dilihat sebagai salah satu kaedah pembelajaran dan pengajaran yang bersesuaian dengan keperluan digital pelajar Generasi Z ini. Pengajar boleh menggunakan kaedah flipped classroom ini dengan menyediakan material pembelajaran dan pengajaran secara digital dan menggunakan aplikasi teknologi terkini untuk menarik minat pelajar. Pembelajaran secara tradisional kini boleh berubah secara interaktif dan sesi kelas dapat ditukar menjadi sesi pembelajaran yang aktif.*

**Kata kunci:** digitalisasi, flipped classroom, generasi Z

## **Pengenalan**

Teori dan konsep pembelajaran dan pengajaran semakin berkembang seiring dengan keperluan pendidikan semasa. Pelbagai kaedah terkini dalam pembelajaran dan pengajaran dikenal pasti bagi memberikan pendidikan yang lebih bermakna sama ada dari segi menambahkan pengetahuan pelajar, selain dapat membantu dalam membina kemahiran generik mereka agar generasi ini kekal relevan apabila berlakunya transisi dari sesi pembelajaran ke alam pekerjaan. Secara tradisionalnya, pensyarah merupakan rujukan utama dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Konsep *chalk and talk* yang telah berabad lama digunakan kini telah mengalami satu revolusi yang dikenali sebagai pembelajaran berorientasikan pelajar, di mana pelajar tidak lagi bergantung secara total kepada pengajar sebaliknya mereka perlu aktif untuk mencari maklumat berkaitan dengan subjek pembelajaran mereka.

Perkembangan arus teknologi yang sangat pantas bukan hanya merubah dunia malahan bidang pendidikan juga turut terkesan dengan tempas perkembangan drastik teknologi sama ada dalam bentuk gajet mahupun perisian yang berkonsepkan pendidikan alam maya. Aplikasi dan perisian moden ini secara langsung berjaya menarik minat Generasi Z untuk belajar sama ada di sekolah mahupun di IPT. Generasi Z yang rata-ratanya lahir pada tahun 1998-2000 merupakan generasi teknologi di mana pada mereka capaian terhadap internet dan gajet adalah sangat mudah (Muhazir & Ismail, 2015) dan mereka merupakan golongan yang sedang memonopoli sektor pendidikan tinggi negara. Oleh yang demikian, keperluan penggunaan gajet dan aplikasi perisian yang canggih bukanlah merupakan satu pilihan malahan merupakan satu keperluan buat pengajar supaya proses pembelajaran dan pengajaran dapat menarik perhatian pelajar (Roehl, Reddy & Shannon, 2013). Lantaran itu, bentuk pembelajaran dan pengajaran yang baharu dan berkonsepkan penggunaan teknologi iaitu *flipped classroom* bagi pelajar generasi Z akan diterangkan dalam artikel ini.

### ***Flipped Classroom***

*Flipped classroom* ini bermula dari situasi di mana dua guru mata pelajaran Kimia iaitu Jonathan Bergmann dan Aaron Sams cuba mencari kaedah untuk mengajar semula pelajar yang tidak dapat hadir ke kelas. Risau akan keadaan pelajar yang tertinggal akibat tidak hadir dan kekangan masa yang dihadapi untuk mengulang kembali pelajaran membuatkan mereka melabur duit poket mereka sebanyak 50 dolar untuk membeli satu perisian. Perisian ini membolehkan mereka merakam video dan menjelaskan tentang topik pelajaran dan kemudiannya memuat naik dalam talian (Tucker, 2012). Hasilnya, bukan pelajar yang ketinggalan kelas sahaja menonton video itu, malahan pelajar yang hadir ke kelas pun turut sama memanfaatkan video pelajaran tersebut. Mereka menggunakan peluang dari video pelajaran tersebut untuk mengulangkaji dan memperkukuhkan pelajaran dalam kelas yang dihadiri.

Bertitik tolak dari kejadian ini, Jonathan Bergmann dan Aaron Sams mula sedar bahawa mereka mempunyai cara yang baharu tentang bagaimana mereka menggunakan waktu kelas. Lantas konsep ini dinamakan sebagai “the flipped classroom”, di mana idea sebenarnya adalah *flip* atau terbalikkan teknik pengajaran yang biasa. Jika sebelum ini sesi pembelajaran dan pengajaran bermula di dalam kelas, *flipped classroom* pula adalah sebaliknya. Guru membuat video pelajaran secara interaktif, muat naik atas talian dan pelajar menonton terlebih dahulu sebelum kelas secara fizikal berlangsung. Semasa sesi kelas, pembelajaran dan pengajaran lebih terarah kepada penyelesaian masalah tentang isu pelajaran dan pelajar terlibat secara langsung dalam pembelajaran kolaboratif (Tucker, 2012).

### **Pelajar Generasi Z**

Bagi mengetahui tentang profil pelajar generasi Z ini, Isaacs, Scott dan Nisly (2020) telah meringkaskannya seperti di bawah.



**Rajah 1: Ringkasan pelajar Generasi Z**

### 1.3 Flipped Classroom Bagi Pelajar Generasi Z

Bagi Generasi Z, pendidikan bukan hanya sebagai satu tempoh masa untuk didedahkan dan mempelajari tentang perkara baru. Pendidikan dilihat sebagai satu bentuk persediaan ke alam pekerjaan dan juga kejayaan dalam kewangan. Mereka juga sanggup untuk melibatkan diri jika mereka melihat kepentingan pengetahuan dan kemahiran tersebut dapat digunakan pada masa akan datang (Powell, 2018). Lantaran itu, pendidikan yang berbentuk individu, segera, menarik perhatian, menggunakan teknologi dan berasaskan visual merupakan salah satu strategi pengajaran dan pembelajaran yang sesuai bagi generasi ini (Chicca & Shellenbarger, 2018)

Pada 2016, Prof. Dato' Dr. Mohamed Amin Embi dalam syarahan perdananya di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), menyarankan agar para pendidik menggunakan inisiatif dalam mencipta pengalaman pembelajaran yang baru bagi pelajar generasi ini. Beliau turut mencadangkan agar para pendidik menerokai semula reka bentuk pembelajaran menggunakan tiga dimensi utama pembelajaran iaitu, Pembelajaran 1.0, Pembelajaran 2.0 dan Pembelajaran 3.0. Pada Pembelajaran 3.0 inilah, pelajar Generasi Z akan dapat melalui pengalaman pembelajaran aktif melalui kaedah *flipped classroom* (Nasir, 2016).

Swanzen (2018) dalam kajiannya ada menerangkan integrasi antara keperluan mengajar dan garis panduan pengajaran untuk Generasi Z yang telah diringkaskan dalam jadual di bawah.

**Jadual 1 : Integrasi antara keperluan mengajar dan garis panduan pengajaran untuk Generasi Z**

	<i>Garis panduan untuk mengajar</i>	<i>Keperluan mengajar</i>
1.	Gunakan teknologi dan aplikasi jika boleh	Maklum balas berdasarkan keperluan individu pelajar
2.	Gunakan bacaan yang boleh dilengkapkan pada tablet atau telefon pintar	Pembelajaran kolaboratif
3.	Galakkan pembelajaran kolaborasi atau kooperatif melalui penggunaan laman media sosial seperti Facebook, Tumblr, Twitter, blogs dan perbincangan kumpulan	Kaedah seperti <i>flipped classroom</i> dan pembelajaran aktif membolehkan pelajar melibatkan diri secara aktif (contoh: kajian kes, projek kumpulan, aplikasi undian, blog dan tugas pemikiran kritis)
4.	Minta pelajar mencari atau membuat video YouTube mengenai apa sahaja subjek mereka belajar	Pengukuhan konsep dengan video YouTube
5.	Guna permainan interaktif untuk menggalakkan pemikiran kritis (contoh: Jeopardy, Kahoot dan Socrative)	Proses pembelajaran yang menyeronokkan dan menggunakan kaedah moden
6.	Menggabungkan kemahiran amali dalam kelas	Bergantung kepada enjin carian dan video untuk kajian
7.	Rakaman kemahiran kerja yang sebenar untuk tontonan pelajar dan kemudiannya pelajar akan menilai dan melaporkan tentang dapatan dari video	Penambahan pengetahuan dengan lebih melalui pemerhatian dan berdasarkan pengalaman
8.	Membataskan pembacaan dengan mengambil informasi yang penting sahaja	Pengajar mesti berinteraksi (dua hala) dengan lebih dan kurangkan kuliah (ceramah sehalu)
9.	Sertakan perbincangan tentang inklusif dan toleransi	Menjangkakan jawapan segera

10.	Gunakan naratif dan penceritaan apabila mengajar pelajar dari pelbagai latar belakang	Perlu tahu kaitan antara informasi dengan keperluan kursus
11.	Gunakan kerja kumpulan untuk menggalakkan pandangan berbeza	Perlu belajar berdasarkan perbuatan
12.	Gunakan kaedah pembelajaran berorientasikan inkuiri seperti WebQuest untuk membantu pelajar mendapatkan informasi dari laman web	Lahir dalam dunia digital, pelajar perlu belajar cara bagaimana untuk menggunakan informasi yang mudah di dapati
13.	Minta pelajar menjadi penulis tentang kuliah dan bahan pembelajaran – pelajar menyediakan nota pembelajaran untuk pelajar lain	

Berdasarkan dari jadual di atas, penggunaan *flipped classroom* sangat sesuai dengan keperluan pembelajaran pelajar dari golongan Generasi Z ini.

### **Keberkesanan *Flipped Classroom***

Keberkesanan kaedah *flipped classroom* ini telah banyak dibincangkan dalam beberapa kajian yang lepas. Antara kebaikan kaedah ini adalah pengajar dapat menggunakan masa dalam kelas dengan lebih optimum. Pelajar telah diberikan material pembelajaran terlebih dahulu dan apabila tiba waktu kelas sebenar, aktiviti perbincangan dan pengukuhan tentang topik pelajaran lebih diutamakan (Lo & Hew, 2017). Situasi kelas menjadi lebih menarik melalui sesi pembelajaran berpusatkan pelajar yang sangat bermakna. Umpama ungkapan peribahasa bahasa Inggeris, '*killing two birds with one stone*', kaedah ini dapat memberikan faedah kepada dua jenis pelajar dalam kelas, iaitu pelajar aktif dan pelajar pasif.

a) Pelajar aktif

Bagi pelajar yang aktif, mereka mudah memahami topik pelajaran semasa kelas berlangsung. Ini disebabkan mereka cuma memerlukan sedikit penambahan pengetahuan setelah meneliti material pembelajaran sebelum kelas bermula. Pengajar boleh menggalakkan mereka untuk pembelajaran sendiri (*independent learning*)

b) Pelajar pasif

Bagi pelajar yang pasif pula, pengajar dengan mudah dapat mengenal pasti golongan pelajar ini. Ini membolehkan pelajar pasif ini dibantu di dalam kelas dengan meluangkan masa kepada mereka untuk penerangan yang lebih mendalam lagi tentang topik pelajaran. Kepercayaan antara pengajar dan pelajar dapat dibina melalui komunikasi dua hala antara pelajar dan pengajar (Martínez-Jiménez dan Ruiz-Jiménez, 2020).

***Flipped Classroom* – Panduan Untuk “Beginner”** Jadi bagaimana para pendidik boleh mulakan langkah bagi *flipped classroom* ini? Berikut merupakan panduan yang dicadangkan oleh Trach (2020) kepada para pendidik. Panduan yang dicadangkan ini merupakan panduan kepada para pendidik yang baru ingin memulakan kaedah *flipped classroom* ini.

i. Tentukan jenis teknologi yang ingin digunakan

Kaedah mengajar secara ‘terbalik’ atau *flipped* ini sangat bergantung kepada teknologi untuk mencipta dan berkongsi video pembelajaran. Oleh kerana itu, pemilihan jenis teknologi yang ingin digunakan sangat penting kerana ia akan

membantu pengajar untuk merakam, edit dan berkongsi video tersebut. Pengajar juga perlu memilih perkhidmatan ‘hosting’ (*hosting service*) dan menentukan bagaimana pelajar akan mengakses semua kandungan pembelajaran dan pengajaran. Progres pembelajaran dan pengajaran juga perlu dipantau, maka penggunaan *Learning Management System (LMS)* dapat membantu perjalanan proses pembelajaran dan pengajaran dalam satu tempat.

- ii. Mencipta video dan kandungan video  
Apabila mula merakam video, pastikan video tersebut *short and sweet*. Maksudnya, pastikan video tersebut ringkas tetapi padat dan yang paling penting ialah menarik minat. Tidak mustahil kuliah selama 15 minit dapat dilaksanakan dalam video yang berdurasi 5 minit. Pendidik perlu mencuba untuk berlakon dengan berkesan di dalam video yang dirakam. Kata kuncinya adalah *entertaining*. Jika kurang pasti bagaimana untuk menjadi *entertaining*, pengajar boleh melihat video-video interaktif yang tersedia bagi mencari idea untuk kandungan video.
- iii. Berlaku jujur dengan pelajar  
Sebelum bermula, pengajar perlu menjelaskan apa sebenarnya kaedah pembelajaran *flipped* ini dan mengapa kaedah ini akan dilaksanakan. Pelajar telah terbiasa dengan kaedah tradisional. Perubahan pembelajaran secara drastik akan membuatkan pelajar menjadi sangat keliru ditambah perlu mengubah corak pemikiran mereka terhadap kaedah pembelajaran baru ini. Jadi untuk mengurangkan tekanan akibat kekeliruan ini, pendidik perlu peka terhadap sebarang perubahan pelajar dan bersedia untuk menjawab ‘bagaimana’ dan ‘mengapa’ dari pelajar.
- iv. Pastikan pelajar menjadi seorang yang bertanggungjawab  
Pengajar perlu sedar bahawa kaedah pembelajaran *flipped* ini sangat bergantung kepada penglibatan pelajar. Jika pelajar tidak mengikuti material pembelajaran dan pengajaran di rumah, perjalanan kelas akan terganggu kerana pelajar tidak bersedia untuk sesi pembelajaran aktif di dalam kelas. Pengajar boleh mencuba alternatif peranti pengesan untuk mengesan bilangan pelajar yang menonton video dan durasi tontonan mereka. Cara yang lebih mudah lagi adalah dengan melaksanakan kuiz sebagai *entry ticket* sebelum melaksanakan aktiviti kelas selanjutnya. Melalui jawapan kuiz ini, pengajar dapat mengetahui siapa yang telah melakukan ‘kerja rumah’ atau tidak.
- v. Pastikan ianya berterusan  
Pengajar perlu menguruskan jadual atau menggunakan sistem peringatan yang sesuai untuk memastikan sesi merakam video, merangka pelan pembelajaran dan pengajaran dan penilaian menjadi satu rutin. Sebaik sahaja semua jadual dan material pembelajaran dan pengajaran berada dalam keadaan yang tersusun dan lengkap, pengajar dapat memanfaatkan perkara lain seperti fokus kepada perkembangan pelajar dengan lebih baik lagi.

### **Kesimpulan**

Kini, kita berada dalam dunia yang didorong oleh kebergantungan teknologi dan kepantasan sistem digital menjadikan bahawa Teori Hierarki Keperluan yang dipelopori oleh Maslow telah ditakrifkan semula (Bhandari, 2019). Jika sebelum ini di bahagian

Keperluan Psikologi dalam Teori Hierarki Keperluan adalah makanan, minuman dan tempat tinggal, di era digital ini, Bhandari (2019) dalam artikelnya menyebut bahawa telefon pintar, komputer riba, liputan rangkaian, penyediaan internet dan bateri yang penuh mempolori sebagai keperluan asas bagi Generasi Z.

Generasi Z mempunyai ciri-ciri pembelajaran yang tersendiri, berbeza dari generasi sebelumnya (Seibert, 2020). Dibesarkan dengan pengaruh teknologi dan seterusnya menjadi pengguna teknologi, mereka suka kepada perkara yang mudah pantas (Chicca & Shellenbarger, 2018) dan bersedia untuk terlibat dengan pembelajaran dalam talian sebanyak mungkin jika pembelajaran tersebut berkait rapat dengan kepentingan peribadi mereka (Chicioreanu & Amza, 2018). Selaras itu, penggunaan teknologi ini perlu digunakan oleh pengajar bagi mencapai kesesuaian dan persefahaman antara kaedah belajar pelajar dan proses pembelajaran dan pengajaran. Ini terbukti dalam kajian Poláková & Klímová (2019) di mana pelajar yang menggunakan teknologi mudah alih menunjukkan peningkatan dalam penguasaan bahasa berbanding kumpulan yang tidak didedahkan dengan teknologi tersebut.

Jika pengajar masih berterusan untuk menggunakan kaedah tradisional, sesi pembelajaran aktif tidak dapat dilaksanakan. Rentetan dari pendedahan yang terlalu lama dengan teknologi, pelajar Generasi Z ini mudah hilang fokus seawal 7 hingga 10 minit selepas kuliah disampaikan (Poláková & Klímová, 2019). Ini akan mengakibatkan bukan sahaja pelajar tidak dapat mencapai objektif pembelajaran dan pengajaran, pengajar turut akan merasa kecewa dengan sikap pelajar dan membandingkan sikap mereka ketika zaman pengajar menjadi pelajar. Inilah perbezaan antara generasi.

Justeru, untuk mengelakkan perkara yang dinyatakan di atas seawal permulaan semester, pengajar sepatutnya sudah mula merangka penggunaan teknologi dalam kaedah pengajaran. *Flipped classroom* antara salah satu kaedah yang terbukti berkesan dalam mencipta sesi pembelajaran aktif pelajar. Seiring dengan golongan pelajar Generasi Z.

## Rujukan

- Bhandari, S.(2019). *Maslow's Hierarchy of Needs: The Millennial Perspective*. Retrieved from <https://yourstory.com/mystory/maslows-hierarchy-of-needs-redefined-for-millennial>
- Chicca, J., & Shellenbarger, T. (2018). Connecting with Generation Z: Approaches in Nursing Education. *Teaching and Learning in Nursing*, 13(3), 180-184. Doi: 10.1016/j.teln.2018.03.008
- Chicioreanu, T.D. & Amza, C.G. (2018). Adapting your teaching to accomodate the Net Generation/Z- Generation of learners. *Elearning & Software for Education*, 3, 13-20. Doi: 10.12753/2066-026X-18- 143
- Isaacs, A. N., Scott, S. A. & Nisly, S. A. (2020). Move out of Z way Millennials. *Currents in Pharmacy Teaching and Learning*. Doi: 10.1016/j.cptl.2020.07.002
- Lo, C. K., & Hew, K. F. (2017). A critical review of flipped classroom challenges in K-12 education: Possible solutions and recommendations for future research. *Research and Practice in Technology Enhanced Learning*, 12(4).
- Martínez-Jiménez, R. & Ruiz-Jiménez, M.C. (2020). Improving students' satisfaction and learning performance using flipped classroom. *The International Journal of Management Education*, 18(3)
- Muhazir, Siti Mahani & Ismail, Nazlinda (2015). *Generasi Z: Tenaga Kerja Baru dan Cabarannya*. Artikel Psikologi Tahun 2015. Jabatan Perkhidmatan Awam.

- Nasir, N. (2016). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Baru bagi Generasi Z*. Muat turun dari [https://www.ukm.my/news/Latest\\_News/kaedah-pengajaran-dan-pembelajaran-baru-bagi-generasi-z/](https://www.ukm.my/news/Latest_News/kaedah-pengajaran-dan-pembelajaran-baru-bagi-generasi-z/)
- Poláková, P., & Klímová, B. (2019). Mobile technology and Generation Z in the English Language Classroom – A preliminary study. *Educational Sciences*, 9(3). Doi:10.3390/educsci9030203
- Powell J. (2020, Ogos 10). *Generation Z in the Workplace*. Muat turun pada dari <https://www.montreat.edu/about/reflection/spring-2018/genz-workplace/>.
- Roehl, A., Reddy, S. L., & Shannon, G. J. (2013). The flipped classroom: an opportunity to engage millennial students through active learning strategies. *Journal of Family and Consumer Sciences*, 105, 44–49.
- Seibert, S.A. (2020). A strategy to foster generation z’s critical thinking and preseverence. *Teaching and Learning in Nursing*. Doi:.1016/j.teln.2020.09.002
- Swanzen, R. (2018). Facing the generation chasm: the parenting and teaching of Generation Y and Z. *International Journal of Child, Youth & Family Studies*, 9(2), 125-150.
- Trach, E. (2020). *A beginner’s guide to flipped classroom*. Muat turun dari <https://www.schoology.com/blog/flipped-classroom>
- Tucker, B. (2012). The flipped classroom. *Education Next*, 12(1), 82-83.



# PERSEDIAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM TALIAN DI KALANGAN PENSYARAH

SITI NORSIAH BINTI AHMAD, AHMAD SHAWAL BIN ALI, DATIN SAKINAH BINTI MUPIT  
Kolej Komuniti Segamat 2

## Abstrak

*Akibat penularan wabak COVID-19, dunia pendidikan berubah. Pendidik perlu bersiap siaga mengimpelentasi alternatif terbaik bagi memastikan sesi pembelajaran tidak tergendala. Tinjauan dilaksanakan kepada 35 orang pensyarah bagi mengenal pasti tahap keberkesanan Bengkel Persediaan Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian (PdPDT) yang telah dilaksanakan secara dalaman sebelum ini. Instrumen kajian menggunakan borang soal selidik secara dalam talian. Reka bentuk kajian menggunakan kaedah deskriptif dan prosedur Paired-Samples T Test bagi mengukur kewujudan perbezaan min di antara sebelum dan selepas responden menghadiri Bengkel PdPDT. Analisa nilai pekali kebolehppercayaan instrument kajian adalah tinggi iaitu 0.980 dengan menggunakan model Alpha (Cronbach). Hasil janaan analisa Paired-Samples T Test, keputusan analisa hipotesis alternatif diterima di mana terdapat perbezaan yang signifikan di antara min skor pengetahuan dan pengalaman sebelum dengan skor selepas menghadiri Bengkel PdPDT. Pihak pengurusan tertinggi perlu menyediakan fasiliti dan prasarana yang lengkap bagi menyokong proses PdPDT berjalan lancar seperti yang dirancang. Semoga tenaga yang digembeling mampu menghasilkan generasi digital yang berkualiti, tidak keciciran, celik teknologi maklumat, proses penyampaian ilmu tidak terjejas dan menjadi kaedah alternatif terbaik dalam penyesuaian norma kehidupan kebiasaan baharu.*

**Kata kunci:** Keberkesanan Bengkel Persediaan Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian

## Pengenalan

Sinar Harian (2020), dunia digemparkan dengan krisis global penularan wabak koronavirus 2019 bermula di Wuhan, China. Malaysia, antara negara yang menerima tempias penularan bermula akhir bulan Januari 2020. Susulan itu (MyMetro, 2020), Perdana Menteri mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan selama 14 hari bermula 18 Mac sehingga 31 Mac, di Malaysia. Perutusan Perdana Menteri, menyatakan dalam tempoh ini, bekerja dari rumah dan duduk di rumah merupakan pengorbanan besar para pekerja dalam membantu Kerajaan menangani penularan COVID-19 (JPM, 2020).

Pertubuhan Kesihatan Sedunia telah mengisytiharkan COVID-19 sebagai pandemik selepas mengambil kira peningkatan ketara kes di negara-negara selain China (MyMetro, 2020). Kes keseluruhan di Malaysia semakin meningkat di mana situasi semasa pandemik mencecah 9175 pada 15 Ogos 2020 (KKM, 2020). Situasi ini memberi impak kepada sektor pengajian tinggi di mana kuliah perlu ditangguhkan dalam tempoh yang lama dan setiap daripada warganya perlu bekerja dari rumah. Kehadiran fizikal ke lokasi pendidikan tidak dibenarkan sama sekali demi memastikan wujud jarak fizikal dan sosial atas kepentingan nyawa agar tidak terancam.

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap keberkesanan kesediaan pensyarah sebelum dan selepas menghadiri bengkel PdPDT. Kedua, mengenal pasti keperluan bagi menyokong proses PdPDT. Tujuan terakhir adalah bagi melihat tahap motivasi pensyarah bagi pelaksanaan PdPDT kelak.

### **Pernyataan Masalah**

Wabak COVID-19 tidak berakhir dalam masa yang singkat. Pergerakan pendidik dan pelajar amat terbatas. Namun, proses pembelajaran perlu diteruskan sesuai dengan era Revolusi Industri 4.0. Dr. Hayati (2020) menyatakan maklumat yang terdapat di hujung jari perlu dimanfaatkan sepenuhnya bagi memastikan bahawa sekiranya mereka tidak dapat hadir ke sekolah, sekolah perlu hadir kepada mereka dalam mod yang pelbagai, tertumpu dan berbeza.

Pembelajaran maya boleh diteruskan dengan dua acara iaitu dalam ruang kerja peribadi dan kolaboratif memerlukan pelajar bertukar maklumat menggunakan pelbagai pendekatan, sama ada pembelajaran dalam talian secara bersemuka (*synchronous learning*) ataupun secara tidak bersemuka (*asynchronous learning*) dalam global *village* yang dibina oleh laman-laman sesawang (web) sehingga pengguna dihubungkan melalui teknologi telekomunikasi (Zahiah & Abdul Razaq, 2010). Helena Lazaro (2017) menyatakan Teknologi Pendidikan (juga dikenal sebagai "EdTech") merujuk pada bidang teknologi yang dikhaskan untuk pengembangan dan aplikasi alat (termasuk 'software', perkakasan, dan proses) yang dimaksudkan untuk mempromosikan pendidikan.

Namun begitu hakikat sebenar hasil pemerhatian dan dapatan soal selidik sebelum pelaksanaan Bengkel PdPDT mendapati, majoriti staf akademik kurang berkeyakinan bagi pelaksanaan PdPDT berdasarkan faktor sudut pengalaman, pengetahuan, kemahiran, penguasaan teknologi digital, pengusahaan ilmu 'e-learning' dan keyakinan keupayaan prasarana ICT. Ini menggambarkan sikap kesiap siagaan masih di tahap rendah dalam menerima norma baharu dunia pendidikan. Unit Pembelajaran Digital (UPDi) telah mengambil inisiatif, merencana sebuah Bengkel PdPDT dalam kalangan pensyarah KKS2 agar tidak ketinggalan mendepani evolusi dunia pendidikan norma baharu dalam masa yang singkat.

### **Tinjauan Literatur**

Secara umum, pembelajaran masa kini dilihat daripada perspektif yang lebih luas yang mana penggunaan teknologi dalam pembelajaran telah banyak mengubah kaedah pembelajaran. Kaedah e-pembelajaran yang semakin popular di pelbagai peringkat pendidikan, iaitu sekolah rendah, sekolah menengah dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) menjadi dominan penting dalam pembelajaran masa kini. Pendidik pada zaman Revolusi Industri 4.0 perlu bersedia dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) menyampaikan pembelajaran secara maya dalam dunia digital. Era berasaskan ilmu pengetahuan merupakan satu penerokaan baru yang mustahil dilaksanakan dengan cekap sebelum ini. (Hendradi, 2020) Evolusi ketiga pendidikan yang disebut E-learning era, sebenarnya terdiri daripada dua jenis, iaitu apabila Sistem E-Pembelajaran di web sering disebut sebagai E-Pembelajaran Tradisional dan apabila Sistem E-Learning berdasarkan *Cloud Computing*. Bagi E-pembelajaran tradisional, sebahagian besar sumber disediakan oleh institusi, sementara e-pembelajaran berasaskan awan adalah sebahagian daripada sumber yang menggunakan cloud kemudahan perkhidmatan sehingga dapat meningkatkan keberkesanan dan kecekapan.

Pendidik perlu melakukan perubahan dalam pelaksanaan PdP mereka daripada konvensional iaitu bersemuka kepada pembelajaran dalam talian. Fenomena ini memberi banyak manfaat kepada pendidik dan pelajar seperti menjimatkan masa, kos dan lebih kreatif. Sokongan untuk pembelajaran mudah alih untuk pelajar membolehkan akses mudah dengan menggunakan telefon bimbit, peranti yang dimiliki oleh pelajar (Hendradi,

2020). Pendidik perlu mengetahui bahawa pelajar pada zaman sekarang sangat bersedia untuk melaksanakan pembelajaran dalam bentuk digital. Hasil kajian (Wida, 2017), mendapati tahap kesediaan pelajar terhadap penggunaan *M-Learning*, tahap kesesuaian *M-Learning* kepada pelajar dan tahap penerimaan pelajar terhadap penggunaan *M-Learning* berada pada tahap yang tinggi. Perkara ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar di Kolej Komuniti Jasin bersedia menggunakan pembelajaran mudah alih ini dalam pada masa yang sama, mereka juga boleh menerima kehadiran *M-Learning* di dalam dunia pendidikan. Justeru itu, pendidik perlu meningkatkan ilmu penggunaan dengan pelbagai aplikasi ‘*e-learning*’ semasa antaranya seperti mengikuti persidangan video atau kuliah ‘*online*’, *Microsoft Teams*, *Google Meet*, *Cisco Webex* dan sebagainya bagi membantu dalam penyampaian ilmu dan latihan melalui pembelajaran maya.

Penerimaan e-pembelajaran bukan sahaja mampu menukarkan modul tradisional, kos program dan bilik darjah dalam bentuk versi dalam talian, bahkan pelajar tidak perlu rasa malu untuk mengulangi tajuk pembelajaran yang sama untuk mencapai tahap fleksibel dan kurang tekanan kerana ianya boleh dilakukan di mana sahaja asalkan ada kemudahan peranti mudah alih dan internet (Wida, 2017). Perubahan kaedah PdP dan kesan pasca wabak penularan COVID-19 telah membuka mata kepada semua pendidik supaya lebih bersedia untuk melaksanakan PdP secara digital. Ini penting untuk kelangsungan dan kesinambungan penyampaian ilmu bagi mengelakkan kegagalan hak pendidikan yang perlu disampaikan kepada pelajar- pelajar institusi masing-masing.

### Metodologi

Tentatif pengisian disusun bagi memenuhi keperluan pembelajaran maya pensyarah sebelum semester baru bakal bermula. Penceramah dan fasilitator dipilih dikalangan pensyarah KKS2 mengikut pembahagian topik yang diberi. Bengkel selama sehari (8.00 pagi – 5.00 petang) pada Isnin, 20 Julai 2020 dipenuhi dengan pelbagai topik aplikasi ‘*e-learning*’ terkini yang berada dipasaran.

Lokasi kajian dilaksanakan di Kolej Komuniti Segamat 2 (KKS2). Populasi kajian terdiri daripada 40 staf akademik. Maklumat daripada persampelan rawak seramai 35 orang responden dianalisis bagi menghasilkan keputusan statistik yang diperlukan. Pemboleh ubah bersandar bagi kajian ini adalah tahap kesediaan sebelum dan selepas Bengkel PdPDT

Instrumen kajian menggunakan borang soal selidik yang merupakan penilaian sendiri pensyarah sebelum dan selepas menghadiri Bengkel PdPDT. Instrumen kajian mempunyai 5 bahagian bagi menjawab persoalan kajian.

**Jadual 1: Ketekalan Dalaman Model Alpha Cronbach**

<i>Cronbach's Alpha</i>	<i>Cronbach's Alpha Based on Standardized Items</i>	N
.980	.982	80

Prosedur *Split-Half* dipilih bagi melihat aras konsisten dalaman yang dipunyai oleh instrument. Jika Model kebolehpercayaan *Alpha (Cronbach)* digunakan, nilai pekali yang kurang dari 0.6 dianggap instrumen yang digunakan di dalam kajian mempunyai nilai kebolehpercayaan yang rendah. Merujuk Jadual 1, nilai pekali kebolehpercayaan bagi data kajian adalah tinggi iaitu 0.980.

Hasil dapatan statistik deskriptif menggunakan tafsiran skala skor min seperti yang dikemukakan oleh Lendell K (1997).

Bengkel di laksanakan secara langsung. Pensyarah boleh mengikuti program melalui dua kaedah sama ada menghadiri diri di Dewan Utama KKS2 atau menyertai bengkel secara maya secara siaran langsung. Sebelum bermulanya Bengkel PdPDT, peserta perlu mengisi penilaian sendiri berkenaan tahap pengetahuan dan pengalaman mereka terhadap penggunaan aplikasi yang bakal dipelajari. Kemudian, penceramah dan fasilitator yang dilantik bergilir-gilir berkongsi dan tunjuk cara berdasarkan topik dan jadual yang dirancang. Berakhirnya Bengkel PdPDT, peserta diberi sekali lagi maklum balas penilaian sendiri berkenaan dengan pengisian Bengkel PdPDT yang selesai dijalankan. Maklumat yang diberi, diproses bagi janaan hasil akhir statistik yang diperlukan.

## Dapatan Kajian

**Jadual 2: Bilangan Responden Mengikut Jantina**

	Kekerapan	Peratus(%)	Peratus Kumulatif
Lelaki	14	40.0	40.0
Perempuan	21	60.0	100.0
Jumlah	35	100.0	

Jadual 2 menunjukkan bilangan responden mengikut jantina. Seramai 21 (60%) orang pensyarah perempuan telah menyertai Bengkel PdPDT manakala selebihnya iaitu 14 (40%) orang terdiri daripada pensyarah lelaki. Jumlah keseluruhan staf akademik di KKS2 adalah seramai 40 orang. 5 orang pensyarah tidak dapat mengikuti Bengkel PdPDT atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.

**Jadual 3: Bilangan Responden Mengikut Program**

	Kekerapan (N=35)	Peratus (%)	Peratus Kumulatif
DTS	5	14.3	14.3
SKE	9	25.7	40.0
STM	7	20.0	60.0
STS	9	25.7	85.7
UPA	5	14.3	100.0

Hasil analisa Jadual 3, memaparkan maklumat bilangan responden berdasarkan wakil setiap program. Nilai tertinggi iaitu 9 (25.7%) orang terdiri daripada Program Sijil Teknologi Elektrik (SKE) dan nilai yang sama merupakan pensyarah daripada Program Sijil Teknologi Senibina (STS). Staf akademik daripada Program Sijil Teknologi Maklumat hanya diwakili seramai 7 (20%) orang manakala selebihnya terdiri daripada mereka daripada Program Diploma Teknologi Solar Fotovoltan (DTS) dan Unit Pengajian Am (UPA) dimana kedua-duanya mewakili nilai seramai 5 (14.3%) orang peserta.

**Jadual 4: Taburan Responden Mengikut Tahun Perkhidmatan**

	Kekerapan(N=35)	Peratus (%)	Peratus Kumulatif
15 tahun ke atas	11	31.4	80.0
10-14 tahun	17	48.6	48.6
5 hingga 9 tahun	7	20.0	100.0

Hasil taburan responden mengikut tahun perkhidmatan di Jadual 4, mendapati secara majoritinya staf akademik merupakan mereka yang telah berkhidmat selama 10 hingga 14 tahun iaitu seramai 17 (48.6%) orang. Kemudian diikuti dengan mereka yang telah 15 tahun ke atas dalam perkhidmatan iaitu seramai 11 (31.4%) orang manakala selebihnya hanya 7 (20%) orang yang baru berkhidmat selama 5 hingga 9 tahun dalam dunia pendidikan.

Persoalan 1: Tahap Keberkesanan Kesiediaan Pensyarah Sebelum dan Selepas Menghadiri Bengkel PdPDT

**Jadual 5: Nilai Skor Min bagi Fasiliti Bengkel PdPDT**

	N	Minimum	Maksimum	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Masa & tempoh kursus	35	1.0	5.0	3.257	1.1464	Sederhana
Kesesuaian tempat	35	1.0	5.0	3.971	.9544	Tinggi
Kandungan kursus	35	2.0	5.0	3.857	.9121	Tinggi
Pengisian membantu ABM	35	1.0	5.0	3.714	1.1000	Sederhana

Berdasarkan laporan di Jadual 5, mendapati tahap kepuasan responden hanya di tahap sederhana bagi keseluruhan kemudahan fasiliti yang disediakan sepanjang Bengkel PdPDT iaitu memperoleh nilai min 3.70. Masa dan tempoh kursus memperoleh nilai min sebanyak 3.257. Bagi kesesuaian tempat kursus, nilai min 3.971 di tahap tinggi. Lokasi bengkel dijalankan di Dewan Utama. Namun, peserta berpendapat bahawa mereka lebih selesa menjalankan Bengkel PdPDT di makmal komputer yang dilengkapi dengan peralatan yang lengkap bersesuaian dengan suasana pembelajaran digital. Bagi item kandungan kursus, taburan min memperoleh 3.857 manakala bagi item pengisian membantu alat bantu mengajar (ABM) majoriti responden berpendapat di tahap sederhana iaitu nilai min 3.714. Majoriti pensyarah terdiri daripada program teknikal yang memerlukan tunjuk ajar secara amali dan praktikal. Atas faktor ini, mereka berpendapat sebahagian aktiviti kuliah secara dalam talian masih terbatas.

**Jadual 6 : Taburan Nilai Min bagi Tahap Penyampaian Penceramah Bengkel PdPD**

	N	Jumlah	Min	Sisihan Piawai	Varian	Tahap
Penyampaian	35	140.75	4.0214	.80305	.645	Tinggi

Hasil statistik Jadual 6, mendapati taburan purata kumulatif responden bagi penyampaian isi kandungan dan penyampaian penceramah Bengkel PdPDT secara keseluruhannya di tahap tinggi. Nilai skor min yang diperolehi adalah 4.0214. 10 topik mewakili 10 aplikasi telah disebar luas sepanjang bengkel iaitu Pengenalan PdPDT, Penggunaan *Microsoft Team*, Penggunaan *Sway*, *GSuite & Google Classroom*, Penggunaan *One Note*, *Kahoot*, *Quizziz*, *Mentimeter*, *Whatsapps* dan *Telegram*. Taburan min tertinggi diperolehi daripada hasil penyampaian Topik *Microsoft One Note* iaitu 4.114 (tahap baik). Manakala nilai min terendah diperolehi daripada hasil penyampaian Topik *GSuite & Google Classroom* di tahap tinggi di mana nilai min ialah 3.886.

Persoalan 2: Perbezaan Tahap Kesiediaan yang Signifikan di Antara Min Sebelum dengan Selepas Menghadiri Bengkel PdPDT Melalui Maklum Balas Kendiri Pensyarah

Prosedur *Paired-Samples T Test* digunakan bagi menguji kewujudan perbezaan min bagi sepasang pemboleh ubah yang bersandar antara satu sama lain untuk satu kumpulan populasi.

**Jadual 7 : Statistik Sampel Berpasangan**

		Min	N	Sisihan Piawai	Std. Error Mean
<i>Pair 1</i>	Sebelum	2.9000	35	.82576	.13958
	Selepas	3.4540	35	.75905	.12830

**Jadual 8: Ujian Sampel Berpasangan**

		Perbezaan berpasangan				<i>t</i>	<i>df</i>	<i>Sig. (2-tailed)</i>	
		Min	Sisihan Piawai	Std. Error Mean	95% Confidence Interval of the Difference				
					Lower				Upper
<i>Pair 1</i>	Sebelum - Selepas	-.55397	1.02453	.17318	-.90591	-.20203	-3.199	34	.003

Janaan analisa *Paired-Samples T Test* pada Jadual 8 menunjukkan, sekiranya  $\mu_{\text{sebelum}} = \mu_{\text{selepas}}$ , kebarangkalian memperoleh perbezaan sekurang-kurangnya sebesar perbezaan yang ditunjukkan dalam sampel adalah dianggarkan sebesar 0.003.

**Jadual 9: Ringkasan Hasil Ujian Hipotesis**

Formula matematik	Butiran Hipotesis	Keputusan
$H_0: \mu_{\text{sebelum}} = \mu_{\text{selepas}}$	Hipotesis Nul: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min skor pengetahuan dan pengalaman sebelum dengan skor selepas menghadiri Bengkel PdPDT	Ditolak
$H_a: \mu_{\text{sebelum}} \neq \mu_{\text{selepas}}$	Hipotesis Alternatif: Terdapat perbezaan yang signifikan di antara min skor pengetahuan dan pengalaman sebelum dengan skor selepas menghadiri Bengkel PdPDT	Diterima

Jadual 9 merupakan ringkasan jadual keseluruhan hasil hipotesis yang telah diuji. Memandangkan kebarangkalian berlakunya fenomena ini adalah kecil (kurang dari 0.025 atau 2.5%), maka  $H_0$  ditolak. Ini bermakna terdapat perbezaan min secara signifikan iaitu  $H_a: \mu_{\text{sebelum}} \neq \mu_{\text{selepas}}$  diterima. Taburan tertinggi bagi purata perbezaan adalah bagi item 'kandungan pengajaran saya boleh dilaksanakan dalam bentuk PdPDT' iaitu 3.457 pada sebelum manakala pada selepas menghadiri Bengkel PdPDT nilai meningkat pada 3.714 pada tahap yang sama iaitu sederhana.

**Persoalan 10: Penambahbaikan Keperluan bagi Menyokong Proses PdPDT**

	N	Jumlah	Min	Sisihan Piawai	Varian	Tahap
Keperluan	35	116.83	3.3381	.83869	.703	Sederhana

Merujuk Jadual 10, kajian mendapati tahap sederhana bagi keperluan sedia ada di KKS2. Ini bermakna, penambahbaikan perlu dipertingkatkan berdasarkan item 'capaian internet di rumah saya berupaya menyokong pelaksanaan PdPDT' di mana nilai yang diperoleh paling rendah iaitu 3.029. Manakala nilai tertinggi adalah min 3.543 mewakili item 'capaian internet di institusi saya berupaya menyokong pelaksanaan PdPDT'. Item lain bagi menilai keperluan proses PdPDT adalah 'saya mempunyai kemudahan perkakasan yang sesuai bagi kegunaan PdPDT' janaan min 3.429, 'kandungan pengajaran saya boleh

didapati dalam bentuk digital daripada pelbagai sumber' taburan min sebanyak 3.457 dan 'saya bersedia mengeluarkan perbelanjaan sendiri bagi pelaksanaan PdPDT saya' memperoleh min 3.286.

#### Persoalan 4: Tahap Motivasi Pensyarah Bagi Pelaksanaan PdPDT Kelak

**Jadual 11 : Taburan Min Motivasi Diri**

	N	Jumlah	Min	Sisihan Piawai	Varian	Tahap
Motivasi	35	122.58	3.5024	.73278	.537	Sederhana

Responden menyatakan tahap motivasi diri yang sederhana bagi keseluruhan taburan min iaitu 3.5024. Jadual 11, dihasilkan daripada 12 item iaitu 'pengurusan KKS2 sentiasa memberi motivasi untuk pelaksanaan PdPDT' nilai min 3.971, 'kursus membantu pensyarah menggunakan teknologi bersesuaian' memperoleh min 3.914, 'institusi menyokong dasar pelaksanaan PdPDT' nilai min 3.857, pensyarah berpendapat 'institusi yakin menggunakan menggunakan pengetahuan dan kemahiran PdPDT sebagai alternatif PdP' hasil min 3.771 dan 'pensyarah bersedia melaksanakan PdPDT' nilai min 3.714 . Tambahan lagi, taburan min bagi item selebihnya iaitu 'keyakinan penyampaian kandungan pengajaran secara PdPDT boleh mencapai hasil pembelajaran kursus (CLO)' memperoleh min 3.6 , 'PdPDT merupakan budaya kerja di KKS2 ' nilai min 3.2, 'kesediaan memberi latihan PdPDT kepada pendidik sekitar komuniti' hasil nilai min 3.029, 'saya pernah menggunakan PdPDT dalam pengajaran saya' nilai min 3.0 dan 'pembelajaran digital adalah sesuatu kebiasaan dalam PdP saya' hasil min 2.914. Ini bermakna, beberapa faktor dan kaedah lain perlu digunakan bagi memastikan tahap motivasi pensyarah meningkat di masa akan datang.

#### Perbincangan

**Jadual 12: Min Latihan Tambahan**

	N	Jumlah	Min	Sisihan Piawai	Varian	Tahap
Latihan Tambahan	35	146.0	4.171	.9231	.852	Tinggi

Dari segi maklum balas analisa jadual 12, responden memerlukan latihan tambahan bagi meningkatkan kemahiran untuk pelaksanaan PdPDT di masa akan datang dimana nilai min berada di tahap tinggi iaitu 4.171. Responden memerlukan aktiviti pengukuhan dari masa ke semasa. Mereka memerlukan pengulangan dan pembudayaan perlu dilakukan secara berterusan. Bengkel yang telah dijalankan bersifat pendedahan, amali perlu ditekankan. Responden memerlukan masa yang lebih panjang dan pengalaman penggunaan bagi kemahiran dalam pelaksanaan PdPDT.

Seramai 5 (14%) orang responden bersetuju kaedah PdPDT berpotensi untuk diketengahkan dan sesuai dijadikan sebagai pendekatan pembelajaran bagi kehidupan norma baharu. Garis panduan yang tepat perlu disediakan bagi memastikan kelancaran pelaksanaan PdPDT tersebut. Perlaksanaan bengkel wajar dilaksanakan dengan penambahbaikan dari pelbagai sudut. Penggunaan PdPDT perlu digunakan secara meluas dan sangat baik diaplikasikan bagi memudahkan urusan PdP di Kolej Komuniti Segamat 2.

Walaupun bagaimanapun, 3 (8%) orang responden berpendapat pelaksanaan PdPDT hanya sesuai dilaksanakan kepada program tertentu sahaja. Contohnya, kaedah pembelajaran Program Sijil Teknologi Senibina lebih kepada amali dan lawatan tapak adalah lebih

berkesan. Hanya 1 (2%) orang responden berpendapat kaedah ini tidak sesuai untuk capaian pelajar. Nilai responden yang sama juga berpendapat pelaksanaan PdPDT akan terjejas sekiranya berlakunya masalah capaian rangkaian di lokasi pengguna. Masih terdapat ruang bagi pensyarah meningkatkan lagi profesionalisme dalam kerjaya seorang pendidik.

### **Rumusan**

Kajian mendapati majoriti responden berpendapat tahap kesediaan pensyarah bagi pelaksanaan PdPDT adalah sederhana. Pensyarah perlu meningkatkan lagi prestasi terhadap peningkatan kemahiran, kompetensi, penguasaan literasi teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) dan menguasai ilmu berkaitan *e-learning*. Pensyarah perlu mempunyai penerapan anjakan paradigma akan sikap kesediaan perubahan evolusi teknologi semasa dalam jati diri, proaktif dalam mendepani arus perubahan teknologi bagi melahirkan generasi yang cemerlang dan tidak keciciran di masa akan datang. Pensyarah berperanan sebagai '*role model*' terdekat dalam membentuk acuan pelajar yang kreatif dan inovatif menghadapi cabaran realiti karier pekerjaan mendatang.

Faktor jurang digital perlu ditangani dengan bijak. Pensyarah berperanan mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif bagi tidak menafikan hak pendidikan kepada mahasiswa agar tidak hilang semangat menuntut ilmu. Manakala jati diri pensyarah perlu lebih kental menghadapi cabaran pendidikan normal baharu agar tidak hilang semangat untuk menyampaikan ilmu. Ini membuktikan krisis penularan COVID-19 merupakan titik tolak sebagai agen transformasi dan pemangkin utama pelaksanaan pembelajaran digital dioptimumkan.

Pembelajaran dalam talian ialah penyampaian ilmu pendidikan dan latihan melalui internet dan digital melalui mod peralatan seperti komputer, telefon pintar, tablet dan sebagainya. Melalui kaedah ini, pembelajaran akan menjadi lebih menarik dan membentuk pemikiran yang kreatif. Pendidik perlu bersedia melakukan perubahan secara besar-besaran untuk melaksanakan PdP secara maya. Menurut (Prof Madya Dr Mohd Izani Mohd, 2020), belajar untuk berubah dan mengenal hakikat penubuhan untuk terus berkesinambungan. Perubahan dalam kesinambungan ini akan membentuk bagaimana rupa baharu pendidikan tinggi negara.

Hasil daripada rumusan, beberapa cadangan dikemukakan bagi membuka minda dan meningkatkan tahap kesediaan pendidik bagi pelaksanaan PdPDT. Antara cadangan yang dikenal pasti adalah pertama mewujudkan bengkel berkala bagi membudayakan amalan PdPDT di KKS2. Tempoh dan masa dipanjangkan bagi memberi ruang yang lebih selesa kepada setiap peserta. Kedua, menganjurkan latihan yang khusus bagi pensyarah yang kurang mahir menggunakan aplikasi Teknologi Maklumat bersesuaian dengan PdP yang diperlukan. Fokus dan tumpuan akan lebih terarah kepada responden dan topik yang berkaitan. Pengurusan tertinggi atau JPPKK berperanan mengatur strategi dari segi pengisian dan kewangan untuk bantu pensyarah / pelajar yang kurang berkemahiran dengan teknologi pengajaran. Ketiga, beberapa strategi perlu disusun bagi memastikan terdapat alternatif mekanisme dalam mengatasi kekangan batasan penggunaan pendekatan sebahagian program yang dinyatakan. Semoga mekanisme yang dibina merangkumi aspek pembelajaran teori dan praktikal. Keempat, mempertingkatkan kemudahan dan pasaran IT bagi kegunaan pensyarah dan pelajar. Pendekatan pembelajaran *asynchronous* dapat diaplikasikan dengan perkongsian *cloud* yang lebih global dan meluas. Kelima, menggunakan perkhidmatan pengajar profesional luar yang lebih berpengalaman bagi



melihat kaedah pendekatan yang pelbagai. Rumusan terakhir, prosedur *Oneway* ANOVA (Helena, 2017) boleh diuji di masa akan datang bagi melihat hasil analisis adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara min skor kesediaan di antara responden yang mempunyai tahap kemahiran teknologi maklumat yang berbeza.

## Rujukan

- Dr Hayati, I. (2020). COVID-19 memangkin perubahan pendidikan. pp. Akses daripada: <https://www.usim.edu.my/ms/berita/in-our-words-ms/covid-19-pemangkin-perubahan-dalam-pendidikan/> (Akses pada 20 Ogos 2020).
- Helena. (2017). What Is Edtech and Why Should it Matter To You? Di akses : <https://generalassemb.ly/blog/what-is-edtech/> (Di akses pada 06 Oktober 2020).
- Hendradi. (2020). Artificial Intelligence Influence In Education 4.0 To Architecture Cloud Based E-Learning System. *International Journal of Information*, Akses daripada <http://ijair.id/index.php/ijair/article/view/109>. (Akses pada :06 Oktober 2020).
- JPM. (2020, Mei 1). Perutusan Khas Perdana Menteri sempena Hari Pekerja 2020. *Teks Perutusan Khas Perdana Menteri Sempena Hari Pekerja*, pp. Akses daripada : <https://www.pmo.gov.my/2020/05/perutusan-khas-perdana-menteri-sempena-hari-pekerja-2020/> (Akses pada 20 Ogos 2020).
- KKM. (2020, Ogos 15). Situasi Semasa Pandemik di Malaysia. *COVID-19 Malaysia*, pp. Akses daripada: <http://covid-19.moh.gov.my/> (Akses pada 20 Ogos 2020).
- Lazaro, H. (2017). What is Edtech and Why Should it Matter To You? *WHAT IS EDTECH AND WHY SHOULD IT MATTER TO YOU?*, Akses daripada: <https://generalassemb.ly/blog/what-is-edtech/> (Akses pada 06 Oktober 2020).
- Lendell, K. (1997). *Management by Menu*. Landon. Wiley and Sons Inco.
- MyMetro. (2020, Mac 17). Kronologi Covid-19 di Malaysia sehingga 16 Mac 2020. pp. Diakses daripada : <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/03/555424/kronologi-covid-19-di-malaysia-sehingga-16-mac-2020> (Akses pada 20 Ogos 2020).
- Prof Madya Dr Mohd Izani Mohd, Z. (2020). *Pendidikan tinggi di Malaysia pasca COVID-19: Perubahan dalam kesinambungan*, pp. diakses daripada: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/pendidikan-tinggi-di-malaysia-pasca-covid-19-perubahan-dalam-kesinambungan-241929>.
- Sinar, H. (2020, Mac 13). Ancaman Covid-19 di China bermula sejak November 2019. *Koronavirus*, pp. Akses daripada : <https://www.sinarharian.com.my/article/73742/KHAS/Koronavirus/Ancaman-Covid-19-di-China-bermula-sejak-November-2019>. (Akses pada 21 Ogos 2020).
- Wida, Z. d. (2017). Penggunaan Mobile Learning (M-Learning) Di Kalangan Pelajar Kolej Komuniti Jasin. Akses daripada : [https://www.academia.edu/30930963/PENGGUNAAN\\_MOBILE\\_LEARNING\\_M\\_LEARNING\\_DI\\_KALANGAN\\_PELAJAR\\_KOLEJ\\_KOMUNITI\\_JASIN?auto=download](https://www.academia.edu/30930963/PENGGUNAAN_MOBILE_LEARNING_M_LEARNING_DI_KALANGAN_PELAJAR_KOLEJ_KOMUNITI_JASIN?auto=download) (Di akses pada : 06 Oktober 2020) .

# KEMAHIRAN KOMUNIKASI DI KALANGAN PRAMUSAJI

NURAZLINA BINTI MOHD RAZALI

Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka

## Abstrak

*Bahasa Inggeris merupakan bahasa antarabangsa yang digunakan secara meluas diseluruh dunia khususnya di dalam industri perhotelan. Namun begitu kebanyakan pramusaji yang menjalani latihan di Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka (KKBBM), mempunyai masalah komunikasi khususnya menggunakan bahasa Inggeris. Penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pramusaji adalah penting bagi memastikan aktiviti penyajian berjalan dengan lancar dan mengurangkan ketidakpuasan di kalangan pelanggan. Pelbagai aktiviti dilaksanakan dalam tempoh kurang enam bulan bagi menarik minat pramusaji meningkatkan kemahiran komunikasi semasa latihan di KKBBM atau di industri kelak disamping membudayakan penggunaan bahasa Inggeris didalam aktiviti harian pramusaji. Secara tidak langsung ia menjadikan penguasaan bahasa Inggeris menjadi salah satu indikator pramusaji cekap berbahasa, berkomunikasi dan berhujah, dalam menyelesaikan masalah dan seterusnya sebagai persediaan untuk kerjaya pada masa akan datang.*

**Kata kunci:** Komunikasi, Pramusaji, Penguasaan Bahasa Inggeris

## Pramusaji

Pramusaji dan komunikasi tidak dapat dipisahkan. Pramusaji merupakan orang yang bertanggungjawab dalam menyediakan perkhidmatan makanan dan minuman dan memastikan kepuasan pelanggan tercapai. Antara tugas utama pramusaji adalah mengambil dan mencatat pesanan pelanggan dan menghantar makanan dan minuman dalam tempoh yang tertentu. Selain itu, pramusaji juga diminta untuk membuat cadangan menu, menjawab soalan dan berkongsi maklumat tambahan dengan pelanggan restoran pada satu-satu masa.

## Komunikasi

Menurut Nurul Salmi Mohd Dazali dan Mohd Isha Awang (2014), kemahiran komunikasi merupakan suatu elemen penting yang harus ada dan dikuasai oleh setiap pelajar, sama ada bagi memenuhi keperluan mereka ketika proses pelajaran, persiapan untuk menempuh alam pekerjaan ataupun dalam interaksi sosial. Individu boleh berbicara dan menggunakan bahasa di dalam melakukan aktiviti-aktiviti seharian. Walau bagaimanapun, mereka juga berpendapat bahawa terdapat perbezaan antara istilah 'fasih berbahasa' dan 'menguasai bahasa'. Hal ini kerana mereka yang fasih di dalam sesuatu bahasa tetapi tidak berjaya menguasai bahasa berikut dalam aspek-aspek tatabahasa dan sebagainya. Penguasaan bahasa akan meliputi empat kemahiran asas iaitu membaca, mendengar, menulis dan bercakap.

## Cabaran Penggunaan Bahasa Inggeris

Bahasa Inggeris merupakan bahasa yang paling utama atau bahasa nombor satu dunia. Ia menjadi sangat penting kerana globalisasi dan pengantarabangsaan telah mengubah struktur kerjaya, mempengaruhi pendidikan, latihan kemahiran dan mencabar reka bentuk kurikulum dalam budaya majmuk serta pendidikan kosmopolitan. Penggunaan bahasa Inggeris seharusnya dipertingkatkan bukan hanya untuk kemahiran bertutur dan menulis atau memenuhi keperluan asas pendidikan tetapi juga ia merupakan salah satu aspek yang

penting untuk pramusaji menyesuaikan diri dalam era globalisasi dan alam pekerjaan yang mencabar. Hal ini kerana antara tugas pramusaji adalah menyambut kedatangan pelanggan, memberi cadangan menu, menghantar sajian yang dipesan serta mengiringi pelanggan keluar restoran setelah selesai. Kepelbagaian bangsa dan agama di kalangan pelanggan membuatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pramusaji adalah sangat penting. Maka dengan itu adalah menjadi keperluan untuk mencari penyelesaian kepada permasalahan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pramusaji untuk membolehkan pihak kolej melahirkan pramusaji yang berketrampilan dimana mereka berkeupayaan menguasai bahasa Inggeris disamping bijak menyelesaikan masalah, mengawal emosi dan mempunyai sifat kepimpinan sejajar dengan permintaan pihak industri.

### **Kepentingan Bahasa Inggeris dalam Komunikasi**

Bahasa Inggeris merupakan bahasa komunikasi dunia ataupun lebih dikenali sebagai bahasa global. Mengapa? Mungkin semua orang di dunia ini lebih selesa menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pertuturan antara satu sama lain. Menurut Nurul Najwa, A. Y., & Noor Raudhiah, A. B. (2017) Malaysia kini berhadapan dengan cabaran era globalisasi yang kini semakin rancak merentasi Malaysia dan penggunaan serta kemahiran bahasa Inggeris amat penting dalam meningkatkan daya saing dan meningkatkan kualiti pendidikan bertaraf dunia untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Sebagai seorang pramusaji yang prihatin dengan hasrat negara ke arah menjadikan bahasa Inggeris menjadi teras Industri 4.0 maka pramusaji perlu mengambil langkah bagi meningkatkan kemahiran komunikasi terutamanya bahasa Inggeris. Penguasaan bahasa Inggeris yang baik dalam kalangan generasi muda meningkatkan kebolehpasaran dan daya saing modal insan tempatan di peringkat global. Seterusnya, menggalakkan hubungan kerjasama dengan negara asing terutamanya dalam bidang teknologi Industri 4.0.

### **Latar belakang pendidikan pramusaji**

Latar belakang pendidikan di kalangan pramusaji juga turut mempengaruhi keyakinan mereka untuk berkomunikasi menggunakan bahasa Inggeris sewaktu menjalani aktiviti penyajian. Hal ini kerana bilangan pramusaji yang mendapat kepujian adalah rendah berbanding dengan keputusan gagal. Secara tidak langsung ia memberi kesan kepada tahap keyakinan mereka untuk bertutur menggunakan bahasa Inggeris apabila berhadapan dengan pelanggan di restoran.


## Tahap penguasaan Bahasa Inggeris Pramusaji



**Rajah 1: Keputusan SPM (Matapelajaran Bahasa Inggeris)**

Pramusaji yang dirujuk adalah 30 orang pelajar semester empat(4) iaitu 13 orang lelaki dan 17 orang perempuan yang telah menjalani latihan *Food and Beverage Service* di Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka pada tahun 2018

Tahap penguasaan bahasa Inggeris pramusaji berada di tahap sederhana seperti yang ditunjukkan di rajah 1. Hal ini menunjukkan pramusaji di KKBBM hanya mencapai 40% sahaja yang mampu membaca dan cuma 12% sahaja bilangan pramusaji yang mampu berkomunikasi menggunakan bahasa Inggeris .



**Rajah 2: Tahap Penguasaan Bahasa Inggeris**

Penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pramusaji masih berada pada tahap yang sederhana dimana majoriti pramusaji tidak yakin atau 'tidak pasti' dengan kemampuan membaca bahan bacaan dengan lancar, kebolehan menulis tanpa kesalahan tatabahasa dan berkomunikasi menggunakan bahasa Inggeris dengan baik dalam aktiviti harian mereka. Kebanyakan pramusaji mempunyai pandangan negatif terhadap mata pelajaran bahasa Inggeris dan mereka tidak mempunyai keyakinan diri dalam menguasai bahasa tersebut. Kemahiran-kemahiran ini bukan sahaja digunakan dalam menuntut ilmu, tetapi ia juga akan digunakan dalam kerjaya mereka kelak contohnya seperti mendengar arahan pihak atasan, membaca ilustrasi, menggunakan tulisan seperti memo, surat bertaip, notis, bercakap seperti berbual, berucap, memberi arahan dan sebagainya. Oleh itu, para pramusaji perlu menguasainya dalam memantapkan lagi kemahiran-kemahiran mereka supaya dapat memberikan satu sesi pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan.

### **Cadangan Penyelesaian Dan Penambahbaikan**

Beberapa cadangan penyelesaian boleh dikemukakan kepada pihak pengurusan kolej seperti memberi penerangan kepada pramusaji tentang kepentingan berbahasa Inggeris. Sebelum kelas dimulakan, nyatakan objektif pengajaran dijalankan agar pramusaji mendapat matlamat yang jelas tentang tujuan PdP dijalankan pada waktu tersebut. Sesi motivasi dan kaunseling bagi pramusaji yang lemah dan tidak berminat untuk mempelajari bahasa Inggeris perlu diberikan untuk membantu pramusaji tersebut agar tidak terus berasa malu untuk menggunakan bahasa Inggeris. Selain daripada pelaksanaan kelas tambahan bahasa Inggeris yang dijalankan seminggu sekali selama 2 jam pihak kolej juga dicadangkan untuk menyediakan pusat khidmat tutor bahasa Inggeris kepada pramusaji yang lemah secara percuma pada setiap hujung minggu. Antara pengisian yang boleh dilaksanakan adalah pengajaran 4 komponen utama dalam bahasa Inggeris iaitu membaca, mendengar, menulis dan berkomunikasi secara lisan. Pelaksanaan program ini bukan bertujuan untuk meningkatkan pencapaian gred pramusaji semata-mata, tetapi ia haruslah lebih menerapkan aplikasi bahasa Inggeris di luar kelas khususnya apabila pramusaji berhadapan dengan dunia sebenar perkerjaan perhotelan.

Selain daripada itu aktiviti berkumpulan dan latihan intensif perlu diperbanyakkan serta penggunaan alat bantu mengajar yang menarik semasa kelas tambahan bahasa Inggeris dapat membantu pramusaji untuk mempelajari dan menguasai bahasa Inggeris dengan baik. Sebagai contoh ICT dan media sosial boleh digunakan untuk mengembangkan pelbagai kemahiran dalam bahasa Inggeris, termasuklah membaca, menulis, bertutur dan mendengar dan sekaligus dapat menarik minat serta motivasi pramusaji untuk terus menguasai bahasa Inggeris secara berterusan. Antara contoh *online* aktiviti yang boleh diikuti ialah *camby.com*.

Penggunaan bahasa Inggeris dalam sesi pengajaran dan pembelajaran khususnya di dalam Kursus *Food and Beverage Service* memberikan peluang kepada pramusaji dan pensyarah untuk menimba ilmu dengan lebih mendalam lagi. Hal ini kerana banyak istilah-istilah/bahan bacaan yang berkaitan dengan *Food and Beverage Service* adalah menggunakan bahasa Inggeris. Ketidakupayaan pramusaji menguasai bahasa Inggeris menimbulkan kesan ke atas sesi pembelajaran *Food and Beverage Service* dimana pramusaji ragu-ragu dengan kemampuan mereka menjalankan aktiviti penyajian menggunakan bahasa Inggeris.

### **Penutup**

Secara kesimpulan, dapat disimpulkan bahawa tahap penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pramusaji *Food and Beverage Service* Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka adalah pada tahap sederhana. Kelemahan utama adalah dari segi kemahiran berkomunikasi dan kemahiran menulis. Pramusaji kurang berkeyakinan untuk bertanya kepada pensyarah menggunakan bahasa Inggeris. Selain itu, mereka juga belum menguasai sepenuhnya kemahiran menulis dalam bahasa Inggeris. Pramusaji juga memerlukan persekitaran yang sesuai untuk mendorong penggunaan bahasa Inggeris dalam kehidupan seharian. Walaupun mereka tidak begitu fasih berbahasa Inggeris, mereka akan merujuk kamus apabila berhadapan dengan perkataan yang tidak difahami, malah mereka bersikap positif untuk meningkatkan kemahiran berkenaan dengan bersedia mengikuti kelas tambahan bahasa Inggeris yang diadakan oleh pihak kolej.

Usaha penambahbaikan kemahiran berbahasa Inggeris boleh dilakukan kerana tahap penerimaan mereka yang positif memandangkan keperluan yang besar dalam dunia moden

masa kini. Semua pihak yang terlibat juga perlu memberi perhatian dan mengambil langkah yang berkesan dalam usaha memperkembangkan kemahiran komunikasi pramusaji terutamanya di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka bagi menyediakan tenaga kerja yang memenuhi kehendak pasaran kerja semasa dan masa depan seterusnya memastikan negara terus maju dan mampu bersaing di peringkat antarabangsa. Malaysia amat memerlukan modal insan yang mampu berdaya saing untuk mencapai taraf negara maju

Akhir sekali, tidak dapat dinafikan bahawa dengan menguasai pelbagai bahasa seseorang lebih mudah untuk memperoleh peluang pekerjaan. Hal ini disebabkan seseorang pekerja yang berkemahiran bertutur dalam pelbagai bahasa dianggap mempunyai banyak kelebihan serta keistimewaan kerana mampu bertutur dengan pelbagai pihak. Oleh yang demikian, pramusaji *Food and Beverage Service*, KKBBM mestilah mengambil sikap yang bersungguh-sungguh untuk terus menguasai penggunaan bahasa Inggeris dalam kehidupan seharian dan sebagai persediaan untuk memasuki alam pekerjaan yang sebenar kelak.

### **Rujukan**

- Nurul Salmi Mohd Dazali, Mohd Isha Awang (2014) Tahap Kemahiran Komunikasi dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan IPTA di Utara Semenanjung Malaysia
- Nadzalinda Binti Hj. Kamsur (2015) Tahap Penguasaan, Sikap dan Minat Pelajar Kolej Kemahiran Tinggi Mara Terhadap Mata Pelajaran Bahasa Inggeris
- Maharam Mamat (2016) Penguasaan Bahasa Inggeris Dalam Kalangan Pelajar Tahun Satu Di UKM
- Nurul Najwa, A. Y., & Noor Raudhiah, A. B. (2017). Tahap penguasaan bahasa Inggeris dan faktor-faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhinya di kalangan pelajar sebuah IPTS di Selangor. *Malaysian Online Journal of Education*, 1(1), 20–28.

**IT WAS A ROUGH DAY!  
PREVENTATIVE PRACTICES FOR EFFECTIVE CLASSROOM  
MANAGEMENT**

**ZAM ZARINA MD ZAIN<sup>1</sup>, NUR AZLIN AZHARI<sup>1</sup>, HALIJAH YUSOF<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>Kolej Komuniti Selandar

<sup>2</sup>Kolej Komuniti Pagoh

**Abstract**

*Classroom management is a daunting challenge for every educator. Effective classroom management consists of microscopic percentage of being academically productive yet an extensive role of organizing, keeping students on track, control disruptive behaviour and restoring positive relation with students. It is a dilemma for educators to balance between attaining learning objectives and ensuring class runs smoothly without compromising the delivery of instructions. Under these circumstances, educators often experience exhaustion, burn- out and eventually walked away from this challenging physical condition, emotional stress and unrealistic expectations. Dealing with human cognitive requires set of skills and techniques. Educators need to possess an outstanding level of passion and numerous strategies in classroom management including best practices to ensure lesson is well- executed and encourage surrounding that facilitate learning. Integrating variety of acclaimed models for classroom management, this article will outline some of the best preventative practices for educators to implement in their classroom. The three key preventative practices include being a reflective practitioner, building positive relationship through effective communication and establishing quality and organized classroom. Effective classroom management enforces organization and order, impede rowdy situation and maximize the opportunity in learning for both educators and students. A strong foundation of knowledge in classroom management makes teaching profession great again.*

**Keywords:** *Classroom management, best practices, Educators' role*

**Introduction**

Teaching is one part educating and imparting instructions while the other is keeping it together. Juggling between expectations from administrative tasks, curriculum, parents and accountability on students' future, this often leaves educators with exasperation and pressured. Among all these challenges, managing students in class can be the crux of the matter. Classroom management is a vital component in teaching and often being discussed by educators as well as scholars. Occasionally, it is ignored as it is an endless episode and it gets too irritating for educators to mind. Dealing with classroom discipline, motivation, coping with differences, scaffolding every single students' need and preparing adequate materials can be a massive challenge and responsibility for educators daily. The questions of have we done enough and what went wrong regularly play on educators' mind right after every unfulfilling lesson. At that point, educators will begin to wonder whether they are fit enough to be in this position of educating students, conveying knowledge and remain sane and calm. To sink means educators will walk away from it and throw in the towel or to swim by putting their best foot forward, keep on moving and strive for the best. The purpose of the review intends to highlight findings from research that might indicate changes that could be helpful. This will outline some of the best preventative practices for educators to implement in their classroom.

## **Classroom Management**

### *Definition of Classroom Management*

Classroom management is described as knowledge and practice to govern students in classroom to ensure class and lesson run smoothly and free from any disorderly behaviour that can risk the delivery of instructions. It focuses on educators' actions in dealing with human being including handling undesirable noise, instilling discipline, efficient use of time and incorporating morality. Another viewed it as rules and regulations to get hold of students' attention and participation in class. Classroom management is also related to students' level of involvement and achievement. These aspects have become the integral part of teaching, therefore the urge to have strong training and support in classroom management are necessary (Coalition for Psychology in Schools and Education, 2006). This customary interpretation of classroom management advances equivalent to the current needs as students' behaviour and state of thinking evolved through times.

Throughout years, classroom management is refined as set of skills employed to retain students' attention, order, focus, motivation, participation and being academically productive. Psychologists Jacob Kounin (1970) described it as controlling behaviour and discipline. Educators need to set clear instructions rather than exerting pressure on students. Classroom management is regards as a fundamental of effective teaching. It engages actions taken by educators to maintain safe and productive learning environment and expand instructions to the fullest (Cooper et al., 2018; Evertson & Weinstein. 2006). Defined by Jones (2015), classroom management posits as collaboration of effective educators and students in minimizing disruptive behaviours, intervene appropriately when it occurs and expand engagement in academic learning activities. Larrivee (2005) proposed that effective classroom management is the central plan that includes meaningful content, powerful teaching strategies and a structure to support productive learning.

### **Issues in Classroom Management**

Educational environment shifted from time to time and this drastic change of behaviour and way of thinking affect how educators need to cater the students. Situation in classroom becomes more diverse and complex. Variations of attitudes and social backgrounds generate challenges to new educators when they are not culturally educated and unable to understand the new ambience (Gay, 2002). According to Borden (2013), result from the interview on challenges in classroom management showed that half of the problems came from the students' behavioural challenges. The study suggested behavioural challenges vary from disruptive behaviours, disciplines and engagement in learning.

Studies also found out that new educators faced challenges when they need to deal with classroom management including curriculum planning and implementation, operating assessments and other call of duty. As a result, many leave this profession after only a few years (Grossman & Thompson, 2008). Recurrent pressure and disappointment from unsuccessful and ineffective strategies implemented lead to burn out and dissatisfaction. This critical matter become a great concern to authority including parents, administrators, policy makers and education field as it may leave a big impact on students learning (Simonsen, Fairbanks, Briesch, Myers, & Sugai, 2008). As mentioned by Evertson and Harris (1999), classroom management term has been drastically changed from disciplinary practices and behavioural interventions to serving a holistic headline for educators' actions in orchestrating supportive learning environment and building community.

As points taken, managing classroom resembles hardship, exhaustion, frustration and requires passion. Therefore, educators are obliged to revise and evaluate their methods to



stay in the field and keeping their job for the next twenty to thirty years. Therefore, this article will focus on three best preventative approaches proposed by various scholars from the educational psychologist community.

### **Preventative Practices for Effective Classroom Management**

#### *Being a Reflective Practitioner*

Teaching profession is a reciprocal journey for both educators and students. Students are there to learn and acquire knowledge to become a holistic individual in the future while the educators need to always become better version of themselves by reflecting and embracing discovery, feedbacks and criticism. Reflective teaching has long been discovered by educational psychologist all over the world. Rodgers (2002) described being a reflective teacher means a person finds himself confronted with conditioned situation and accumulating what is present and absent and able to accept. He added reflective thought is defined as being active, persistent and having a fair judgement and consideration of belief. As teacher, they need to adjust themselves in every condition and be ready for any approaching challenges and flexible to shape themselves into any situation.

In addition, being reflective is a process of self- evaluation regarding teaching in which educators will constantly examines their methodologies in pedagogy, enunciating strengths and weaknesses of their strategies and always prepared to identify areas for improvements. Being a reflective practitioner means educators need to be critical about their teaching from time to time and have an excellent problem- solving character to cater recurring issues (Brookfield, 2017). According to a study, educators can use variety of tools and approaches to reflect themselves including self- assessment by having reflection journal, teaching inventories, self- recordings and portfolios. Apart from that, external assessment from students or peer evaluation can also be utilized to obtain feedbacks and criticism for improvement.

Larrivee (2010) suggested that educators' beliefs are often self- generated and very authoritative at one point. It is unchallenged and reckless sometimes. It is also difficult for them to accept changes and criticism. This unfortunately will lead to unexamined judgements, assumptions and false expectation. Lesson may work for educators, sadly it may leave a different impact for students. Students become uninterested and class become unmanageable after some time. By practicing critical reflection, it infuses many opportunities to make lesson become more meaningful for both students and educators. Meanwhile, Nikolov (2015) suggested that self or peer- correction help educators to become more responsible by having healthy discussions and critical comments. This means educators can find ways to decide classroom context and plan for future undertake.

### **Building Positive Relationship through Effective Communication**

Richard (2019) defined communication as a process of sending and relaying messages through verbal and non- verbal meaning including speech, oral communication, writing, signals as well as behaviour, emotions and thoughts. Consists of sender, receiver, message and interpretation, communication is regarded as an effective tool to build relationship. Effective communication regardless verbal or non- verbal becomes one of the key components for students' success. It motivates students to explore and enhance their abilities to the limit. Educators should have a bundle of initiatives and channels to communicate with students (Asrar et. al, 2018). Nowadays, communication meaning expands to a different level where it is no longer entirely depends on face- to – face interaction. Educators can provide interaction platform virtually and still managed to accommodate students' need.

In classroom management context, effective communication is a mandatory piece in building positive relationship between educators and students. It offers a long- lasting constructive impacts within students in both academic as well as development of individual. Rimm-Kaufman (2010) proposed that building a good rapport with educators or students does not entirely guarantee achievement, yet students who latch on positive relationship with their educators will usually attain higher levels of achievement compared to ones who conflicted. A strong bonding through communication between educators and students provides a platform of constructive guidance and criticism. Therefore, it is critical for teacher to communicate effectively with their students to ensure and prolong their engagement in learning, sustain excellence behaviour and perform well academically. Nurturing positive relationship through communication is also a fundamental aspect as it fosters sense of belonging and encourage cooperative as well as developing confidence within students. Lumley (2019) added effective communication between educators and students improves learning experience and create positive inspiring environment. It empowers students to set goals without being afraid of failures as they are well- aware that their educators will always have their back to provide guidance, support and advice. Extensive opportunity to communicate problems with educators can also reduce inhibition and anxiety in learning. It cultivates creativity and improves students' mental health. Educators need to train themselves to be an engaging listener to the students. Students appreciate it when the educators go the extra mile to assist their growth. An engaging listener develops a positive and healthy rapport as well as understanding and trust.

### **Establishing Quality and Organized Classroom**

An effective classroom management includes providing positive climate or environment in the classroom. Ryan & Grolnick (1986), suggested that the ambience of learning area specifically classroom, influences students' social- emotional and academic outcomes. It is associated with empowering self -esteem, anticipate cognitive competence, internal locus of control and promote motivation. Students who are at their very safe and comfortable surroundings will be free to express their feelings and able to grasp self-satisfaction as learning is meaningful to them. Meanwhile, a poor classroom environment with poor peer relation and lack of academic focus will initiate higher level of aggression among students (Kellam, Ling, Merisca, Brown, & Ialongo, 1998). Educators as a manager should be able to identify any flaw and shortcoming that can jeopardized positive learning environment to establish quality instructions. Well- managed classrooms are characterized as safe environments where learning occurs freely (Dibapile, 2012).

Additionally, educators also accountable to provide quality physical environment for their students. This includes students' seating arrangement, placement of furniture, learning centres and materials to optimize learning and reduce distractions (Educational Review Office, 1998). Facilities to accommodate students' learning are also crucial to enhance the quality of classroom. An overcrowded seating and arrangement may lead to discomfort and disrupt lesson. Incorporation of technology were found to be very helpful in students' learning and it should be integrated in classroom to create collaborative learning environment (Ranasinghe & Leisher, 2009). To achieve a quality classroom, educators need to be sensible in assimilating all sorts of materials and strategies. This includes updating themselves with latest inventions, trends and ideas to teach the 21<sup>st</sup> century students.

On top of that, the responsibility of the learning institution itself shall not be left behind. Intervention programs as well as students' empowerment courses alter the classroom

setting and climate. A supportive and active administration contributes to both educators and students' performances. It endorses belief and skills in perceiving, understanding and regulating emotions whenever they feel stressed and overwhelmed by workloads that may impact the quality of teaching and learning as well as interactions among them (Conduct Problems Prevention Research Group [CPPRG], 1999). A high and healthy involvement from administration and community initiate a harmonious and quality classroom as both educators and students' welfare and need are acknowledged and appreciated.

### **Conclusion**

All things considered, there are still plenty of strategies that educators can apply to improve their classroom experience. Students' time is numbered. They will leave the classroom sooner than they can imagine. As educators with passion, satisfaction came after they witnessed their students succeed with flying colours and they are part of it. Educators need to get the hang of effective classroom management strategies to ensure instructions delivered smoothly, students managed to acquire knowledge and at the same time avert burn-out and disappointment right after every lesson. Classroom management skills and techniques can be learned and practiced. Educators need to be proactive and flexible to apply all types of classroom management approaches to create positive learning environment and at the same time to prevent similar negative occurrences to happen again. This is an effort to assist educators to amend and update their methodologies in classroom management, creates rooms for improvement and bending over backwards to face all the dilemmas. Adopting these approaches can be one last ditch effort by educators before considering giving up and quitting.

### **References**

- Asrar, Z., Tariq, N., & Rashid, H. (2018). The Impact of Communication Between Educators and Students: A Case Study of the Faculty of Management Sciences, University of Karachi, Pakistan. *European Scientific Journal, ESJ, 14*(16), 32.
- Borden, D. (2013). *Classroom management: research for beginning educators* (Doctoral dissertation, Evergreen State College).
- Brookfield, S. D. (2017). *Becoming a critically reflective teacher*. John Wiley & Sons.
- Cooper, J. T., Gage, N. A., Alter, P. J., LaPolla, S., MacSuga-Gage, A. S., & Scott, T. M. (2018). Educators' self-reported training, use, and perceived effectiveness of evidence-based classroom management practices. *Preventing School Failure: Alternative Education for Children and Youth, 62*(1), 13-24.
- Dewey, J. (1933). *How We Think: A Restatement of the Relation of Reflective Thinking to the Educative Process*. Boston, MA: D.C. Heath & Co Publishers.
- Dibapile, W. T. S. (2012). A review of literature on teacher efficacy and classroom management.
- Evertson, C. M., & Harris, A. H. (1999). Support for managing learning- centred classrooms: The classroom organization and management program. In H. J. Freiberg (Ed.), *Beyond behaviorism: Changing the classroom management paradigm* (pp. 59–74). Needham Heights, MA: Allyn and Bacon.
- Gay, G. (2002). Preparing for culturally responsive teaching. *Journal of teacher education, 53*(2), 106-116.
- Grossman, P., & Thompson, C. (2008). Learning from curriculum materials: Scaffolds for new educators?. *Teaching and teacher education, 24*(8), 2014-2026.
- Jones, V., & Jones, L. (2015). *Comprehensive classroom management: Creating communities of support and solving problems, enhanced Pearson e- Text with updated loose-leaf version-access card package*. Pearson.

- Kellam, S. G., Ling, X., Merisca, R., Brown, C. H., & Ialongo, N. (1998). The effect of the level of aggression in the first- grade classroom on the course and malleability of aggressive behaviour into middle school. *Development and psychopathology*, 10(2), 165-185.
- Kounin, J. S. (1970). *Discipline and group management in classrooms*. New York: Holt, Reinhart & Winston Inc
- Larrivee, B. (2005). Transforming Teaching Practice: Becoming the critically reflective teacher. *Reflective Practice*, Vol 1:3, 293-307.
- Larrivee, B. (2010). What we know and don't know about teacher reflection. *The purposes, practices, and professionalism of teacher reflectivity: Insights for twenty-first-century educators and students*, 137-162.
- Lumley, U. (2019, February 24). *5 Tips to Improve Communication Between Educators and Students Proven tips to help develop communication between Educators and Students*. Thrive Global. Retrieved from <https://thriveglobal.com/stories/5-tips-to-improve-communication-between-educators-and-students/>
- Nikolov, N. (2015). Drama and Language Self-/Peer-Evaluation: An Innovative Tool for Fostering EFL Students'speaking Skills. (Bulgaria: New Bulgarian University, 2015).124.
- Ranasinghe, AI., & Leisher, D. (2009). The benefit of integrating technology into the classroom. *International Mathematical Forum*, 4, 2009, no. 40, 1955 – 1961
- Rimm-Kaufman,S.(2010). *Improving students' relationships with educators*. American Psychological Association. Retrieved from <http://www.apa.org/education/k12/relationships>.
- Richard, N. (2019, September 19). *What Is Communication? The Art of Communicating and How to Use It Effectively*. Thoughtco. Retrieved from <https://www.thoughtco.com/what-is-communication-1689877>
- Rogers, C. Defining reflection: Another look at John Dewey and reflective thinking. *Teachers college record*. 104 (4), 842-866
- Ryan, R. M., & Grolnick, W. S. (1986). Origins and pawns in the classroom: Self-report and projective assessments of individual differences in children's perceptions. *Journal of personality and social psychology*, 50(3), 550.
- Simonsen, B., Fairbanks, S., Briesch, A., Myers, D., & Sugai, G. (2008). Evidence-based practices in classroom management: Considerations for research to practice. *Education and treatment of children*, 351-380.

## DIUKIR CAIR, TIDAK DIUKIR PUN CAIR

MOHD FARID BIN YUSOFF, NOR ROSMIYANA BINTI MAHMOOD, ABDUL  
RADZEEM BIN ABDUL RAHMAN  
Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka

### Pengenalan

Joseph F (1948) sejarah penghasilan ukiran dan arca ais ini bermula dari pembinaan tempat kediaman masyarakat dikawasan bersalji yang dikenali sebagai IGLOO. Ianya dibina sebagai tempat berlindung dari cuaca sejuk dan haiwan menggunakan salji sepenuhnya seni ukiran ais adalah satu penghasilan bentuk arca yang menggunakan bongkah ais sebagai bahan utama . Arca ukiran ais ini boleh dibentuk atau dipersembahkan dalam bentuk abstrak atau realistik dan boleh dipamerkan dalam pelbagai jenis majlis. Kisah penciptaan hidangan *Peach Melba* menceritakan bahawa Chef Auguste Escoffier menggunakan angsa ais untuk mempersembahkan hidangannya. Dalam hidangan buffet beberapa restoran dan hotel yang besar akan menggunakan arca ais untuk menonjolkan kawasan hidangan buffet.

Arca ukiran ais ini umumnya diukir dari blok ais. Blok-blok ini mesti dipilih dengan teliti yang sesuai untuk tujuan memahat dan perlu bebas daripada kekotoran yang tidak diingini. Sejarah penghasilan blok ais ini menggunakan blok ais semula jadi yang dipotong mengikut saiz yang dikehendaki dari sungai-sungai beku atau dari "kuari ais,". Blok ais yang besar mesti digerakkan oleh jentera berat dan digunakan untuk acara-acara pertandingan ukiran ais atau sebagai sebahagian daripada hotel ais. Biasanya, ukiran ais yang ideal ialah yang diperbuat daripada air bersih. Penghasilan ais adalah hasil daripada proses pembekuan air. Proses ini menggunakan mesin tertentu dimana ia membenarkan proses pembekuan air secara perlahan bagi menghasilkan blok ais yang jernih (clear ice). Ais yang jernih amat digemari oleh pengukir ais. Terdapat juga ais putih yang kelihatan seperti salji. Ia bergantung kepada jenis air yang digunakan. Kini, terdapat juga blok ais yang berwarna. Di mana ia dihasilkan dengan menambah pewarna pada ais dan ia juga boleh diukir. Dalam sesetengah keadaan, ais jernih dan ais berwarna digabungkan untuk menghasilkan corak dan bentuk yang dikehendaki. Dalam menghasilkan seni ukiran ais ini, terdapat beberapa faktor penting yang perlu dititikberatkan sebelum, semasa dan selepas penghasilan ukiran. Hal ini kerana, ia terdedah kepada beberapa kesukaran disebabkan oleh kebolehubahan dan ketidaktentuan bahan. Ais boleh diukir dalam pelbagai suhu dan ciri-ciri ais akan berubah mengikut suhu dan sebagai suhu sekitarnya.

Penghasilan ukiran ais adalah terbahagi kepada berberapa faktor dan situasi iaitu :

i. **Sebelum Penyediaan**

a) Suhu dan cuaca

Suhu dan cuaca adalah faktor yang perlu diutamakan dalam penghasilan ukiran ais. Sebolehnya elakkan dari melakukan kerja-kerja mengukir di tempat yang terdedah dengan cahaya matahari serta aingin yang kuat. Ini kerana faktor-faktor tersebut akan menyebabkan blok ais yang hendak dan akan diukir itu mencair dengan cepat.

b) Peralatan

Peralatan yang hendak digunakan adalah sangat penting dan perlu dalam keadaan yang baik dan sentiasa tajam. Kegagalan dalam memastikan peralatan dalam keadaan yang baik dan tajam akan menyebabkan pengukir akan menggunakan tenaga yang lebih dan mengganggu mental dan fizikal pengukir.

c) Ruang Kerja

Sebelum kerja-kerja mengukir dijalankan, pengukir perlu membuat keputusan yang tepat dalam pemilihan ruang yang sesuai dan selamat. Ruang kerja yang selesa dan selamat akan membantu pengukir dapat menghasilkan hasil ukiran yang baik.

**ii. Semasa Penyediaan**

a) Waktu dan jangka masa kerja-kerja mengukir

Pengukir hendaklah menganggarkan jangka masa penyediaan yang diperlukan untuk setiap ukiran. Hal ini kerana kerja-kerja mengukir perlu dilaksanakan dalam masa yang cepat, teliti dan cermat. Faktor ini perlu diutamakan bagi memastikan ukiran yang dihasilkan tidak mencair sebelum waktunya.

b) Waktu dan jangka masa ukiran dipamerkan

Pengukir juga perlu memastikan masa dan tempoh ukiran itu di pameran. Saiz dan bentuk ukiran yang hendak dihasilkan perlulah disesuaikan adalah bagi memastikan hasil ukiran yang dipamerkan dalam keadaan yang baik dan masih tersergam indah ketika majlis berlangsung.

**iii) Selepas Penyediaan**

a) Mengendalikan hasil ukiran

Bongkah ais yang belum atau siap diukir adalah sangat sensitif dan mudah pecah. Pengendalian hasil ukiran memerlukan ketelitian dan komitmen yang sangat tinggi, bagi memastikan hasil ukiran dapat dipersembahkan dalam keadaan yang tanpa ada kerosakan disebabkan kelalaian mengendalikan hasil ukiran.

b) Penyimpanan dan Mempersembahkan

Dari segi penyimpanan hasil ukiran pula, pengukir perlu merancang dan mengambil kira dari segi semua aspek iaitu keselamatan, keperluan dan cara penyimpanan. Ini semua bagi mengelak berlakunya kemalangan dan kerosakan kepada hasil ukiran.

c) Ruang dan Peluang seni ukiran ais

Seni ukiran ais merupakan satu kemahiran yang semakin dilupakan dalam industri perhotelan khususnya dan secara amnya di institusi-institusi pengajian yang menawarkan bidang kulinari pada masa ini. Hal ini disebabkan penggunaan arca atau reka bentuk dari ukiran ais ini jarang di persembahkan di hotel- hotel. Di samping itu, pendedahan seni ukiran ais ini kurang dikomersilkan. Kekurangan tenaga pengajar mahir/pakar dalam bidang seni ukiran ais adalah merupakan salah satu faktor yang sangat mendorong dan penyebab seni ini kurang berkembang di negara kita.

Oleh yang demikian, artikel ini adalah usaha yang cuba dikongsi dan diketengahkan oleh penulis untuk memartabatkan kembali seni ukiran ais. Berikut merupakan beberapa cadangan dan usaha yang perlu dilaksanakan dalam mempertabatkan seni ukiran ais, iaitu :

- i. Memperluas kefahaman tentang konsep perkongsian kemahiran ukiran ais yang tidak terbatas dengan kemahiran individu.
- ii. Berkongsi kemahiran berasaskan pengalaman mengajar yang sentiasa dilakukan
- iii. Melahirkan pelajar dan tenaga pengajar yang mahir dan berketerampilan dalam kemahiran ukiran ais.
- iv. Menjalankan kolaborasi dengan pihak industri.

Dalam usaha untuk mempertingkatkan seni ukiran ais, beberapa faktor penting perlu dipertimbangkan antaranya:

- i. Kemampuan fizikal
- ii. Kesediaan dalam pembahagian masa latihan
- iii. Kesediaan Peralatan dan bahan mentah
- iv. Minat dan komitmen

### **Perbincangan dan cadangan**

Kemahiran ukiran ais ini adalah kemahiran yang berpotensi tinggi dan mempunyai prospek yang sangat bernilai dan berguna kepada pelajar-pelajar dan masyarakat yang berminat. Ia juga perlu diberi pendedahan yang berterusan dalam memperluaskan lagi promosi tentang seni ukiran ais kepada pelajar-pelajar dan masyarakat setempat. Cadangan ini akan berjaya sekiranya kita mendapat sokongan dari pihak-pihak berwajib dalam mengkomersilkan kemahiran seni ukiran ais ini. Kerjasama dari semua pihak sangat diperlukan bagi memastikan kemahiran ini kekal dan berterusan.

### **Kesimpulan**

Sebagai kesimpulannya, seni ukiran ais ini perlu diperkembangkan dan di komersilkan bagi mengekalkan keseniannya dan membangkitkan minat pelajar-pelajar di intitusi pendidikan yang menawarkan program kulinari. Hal ini juga dapat mengelakkan ilmu kesenian ini tidak berkubur dengan begitu sahaja. Ketrampilan dan kemahiran pengukir yang terdiri dari individu, tenaga pengajar dan chef yang berkemahiran dalam ukiran ais dalam memperjuangkan kemahiran ini akan memberi kekuatan dan pengharapan kepada generasi yang akan datang. Secara keseluruhannya, ia berkait rapat dengan tajuk penulisan ini iaitu "DIUKIR CAIR, TIDAK DIUKIR PUN CAIR" yang membawa maksud ilmu dan kemahiran yang kita ada jika tidak dikongsi dengan orang lain akan hilang dan tidak diwarisi setelah kita menuju ke penhidupan yang abadi. Perkara ini amat merugikan generasi yang akan datang amnya dan peribadi itu sendiri kerana tiada aliran kebaikan yang akan dibawa bersama hasil perkongsian ilmu dan kemahiran tersebut.

### **Rujukan**

Joseph F. Durocher, Jr. (1948). *Practical Ice Carving. A CBI Book*. Van Nostrand Reinhold Company.

## ***FLIPPED LEARNING*** **BERSEDIA ATAU TIDAK?**

**NAZELIRA BINTI A RAHIM, NORFADZLIAH BINTI MOHAMAD YATIM,  
NUR SYAZA BORHAN**  
Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka

### **Abstrak**

*Perubahan zaman dan teknologi yang semakin pesat mendorong kepada keperluan merubah metodologi pembelajaran daripada tradisional kepada pembelajaran abad ke 21. Flipped learning merupakan salah satu kaedah yang boleh diaplikasikan dalam pembelajaran abad ke 21. Namun demikian, adakah pendidik pada hari ini telah bersedia sepenuhnya untuk membuat perubahan ini?. Dalam melaksanakan flipped learning, pengetahuan terhadap konsep, kelebihan dan langkah pelaksanaan adalah perlu diterapkan kepada pendidik. Pelaksanaan flipped learning ini merupakan satu pendekatan baharu yang mampu membawa perubahan positif dalam dunia pendidikan.*

**Kata kunci :** *Pembelajaran, berbalik, abad 21*

### **Apakah Maksud *Flipped Learning*?**



*Flipped learning* sering ditafsirkan secara mudah sebagai “*school work at home and home work at school*” yang bermaksud kerja sekolah dilakukan di rumah dan kerja rumah dilakukan di sekolah. *Flipped learning* merupakan pendekatan yang membolehkan pendidik melaksanakan pelbagai metodologi pengajaran dalam bilik darjah.

Terdapat kekeliruan yang berlaku di dalam memahami maksud *flipped learning*. Ramai menganggap kelas berbalik “*flipped cassroom*” adalah sama dengan pembelajaran berbalik “*flipped learning*”. Oleh hal yang demikian, Lembaga *Flip Learning Network (FLN)* telah mengumumkan definisi rasmi istilah tersebut.

*Flipped Learning Network (FLN)*. (2014) mendefinisikan *flipped learning* sebagai satu pendekatan pedagogi yang membolehkan bimbingan pengajaran daripada ruang pembelajaran secara berkumpulan kepada pembelajaran secara individu. Melalui kaedah ini persekitaran pembelajaran tersebut diubah menjadi lebih dinamik dan interaktif yang membolehkan pendidik membimbing pelajar mengaplikasikan konsep secara kreatif dalam isi pelajaran. Ramai pendidik pada hari ini mungkin sudah melaksanakan kelas berbalik “*flipped classroom*” dengan meminta pelajar membaca teks, menonton video atau menyelesaikan masalah tambahan. Mohamad Amin dan Ebrahim Panah (2014) telah mendefinisikan *flipped learning* sebagai konsep pedagogi yang menggantikan kelas




formal kepada ruang dan peluang untuk pelajar mengetahui konsep dan maklumat berdasarkan bahan-bahan pembelajaran yang dibekalkan di luar kelas. Namun bagi melaksanakan *flipped learning*, pendidik mestilah memasukkan empat elemen utama di dalam latihan mereka.

*Flipped learning* merupakan satu konsep pedagogi baharu yang mula diaplikasikan dalam kaedah penyampaian baharu pengajaran dan pembelajaran. Konsep pedagogi ini ialah dengan menggantikan kuliah tradisional dalam kelas dengan peluang meneroka dan mendapatkan bahan-bahan di luar kelas melalui bahan-bahan bacaan dan tayangan video. Oleh itu, melalui pelaksanaan *flipped learning* ini penerimaan maklumat dan pengetahuan adalah secara sendiri dalam bentuk tugas kerja rumah. Seterusnya, masalah berkaitan maklumat yang diperolehi akan dibincangkan melalui aktiviti kolaborasi dengan rakan-rakan di dalam kelas dengan bimbingan guru.

### **Empat Rukun *Flipped Learning***

Rukun *flipped learning* merupakan perkara asas yang perlu difahami dalam memudahkan pelaksanaan *flipped learning* (Robert, 2012). Seorang pendidik yang berhasrat untuk melaksanakan *flipped learning* mestilah mempunyai pengetahuan yang baik terhadap keempat-empat tonggak penting ini yang merangkumi persekitaran yang fleksibel, budaya pembelajaran, kandungan yang bertujuan dan sikap pendidik yang profesional.



**Rajah 1: Rukun *Flipped Learning***

Berdasarkan rajah 1 di atas terdapat 4 rukun yang perlu dipenuhi dalam memastikan kejayaan pelaksanaan pendekatan *flipped learning*. Berikut adalah perinciannya:-

#### **F: *Flexible Environment* (Persekitaran yang Fleksibel)**

Persekitaran yang fleksibel sangat penting dalam memastikan *flipped learning* ini dapat dilaksanakan. Perkara ini membolehkan pendidik menggunakan pelbagai pendekatan pengajaran dengan kerap menyusun semula ruang pembelajaran secara fizikal bagi

memenuhi pelbagai jenis pembelajaran seperti kerja berkumpulan, demonstrasi dan penilaian. Robert (2012), dalam kajiannya mendapati, pendidik dapat mewujudkan persekitaran yang fleksibel ini dengan memberi peluang kepada pelajar untuk memilih bila dan di mana mereka belajar. Tambahan pula pendidik yang melaksanakan *flipped classroom* sememangnya telah menetapkan jangka masa pelajar untuk belajar dan jangka masa pendidik untuk membuat penilaian pelajar.

### **L: Learning Culture (Budaya Pembelajaran)**

Pembelajaran secara tradisional adalah berpusatkan lebih guru kerana guru adalah pusat yang utama bagi segala sumber maklumat. Sebaliknya dalam pendekatan *flipped learning*, ia telah berubah kepada pendekatan berpusatkan pelajar. Wang, Hsu dan Green (2013) menyatakan bahawa guru harus membenarkan pelajar meneroka bahan kursus sebelum kelas dan menggunakan waktu kelas untuk meneroka topik dalam konteks yang lebih besar. Hasil daripada budaya pembelajaran yang baharu ini, pelajar akan dapat terlibat secara aktif dalam memperkasakan pengetahuan mereka dengan mengambil bahagian dan menilai pembelajaran mereka dengan cara yang lebih bermakna.


### **I: Intentional Content (Kandungan Yang Bertujuan)**

Pendidik yang ingin mengaplikasikan *flipped learning* perlulah merancang kandungan pembelajaran yang bertujuan untuk mengalakkan pelajar untuk berfikir lebih kritis, tersusun dan berpusatkan pelajar dalam aktiviti di dalam dan di luar kelas. Pendidik akan menggunakan kandungan yang bertujuan ini dengan maksimum dalam waktu kelas dan menggunakan kaedah pembelajaran aktif bergantung kepada isi pelajaran serta tahap pelajar. Menurut Mohammed Fahad (2018), pendidik perlulah menggunakan kandungan bertujuan ini dengan memasukkan kaedah pengajaran seperti pembelajaran bersama rakan sebaya, strategi pembelajaran aktif, dan pembelajaran berasaskan masalah. Oleh hal yang demikian, pendidik mestilah memastikan pendekatan berpusatkan pelajar diaplikasikan sepanjang proses ini.

### **P: Professional Educator (Pendidik Profesional)**

Dalam *flipped learning*, pendidik profesional merujuk kepada pemerhati aktif yang mampu memberikan penilaian dan maklum balas yang tepat pada masanya dan relevan serta sentiasa melakukan refleksi semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Pendidik profesional perlulah sentiasa menilai semula amalan mereka, berusaha dari semasa ke semasa memperbaiki arahan mereka, menerima kritikan yang membina dan bertolak ansur dengan kekacauan terkawal di dalam bilik darjah mereka. Oleh hal yang demikian, sikap pendidik yang profesional ini sangat penting bagi membolehkan *flipped learning* ini dapat dilaksanakan di dalam kelas.

## Implikasi *Flipped Learning* Kepada Pendidik Dan Pelajar



Rajah 2: Implikasi *Flipped Learning*

Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh *The Flipped Learning Network* (2012), menunjukkan 67 % responden yang terdiri daripada seramai 453 dalam kalangan pendidik melihat peningkatan skor pelajar mereka apabila mereka mengaplikasikan model *flipped learning* ini. Sebanyak 80 % melaporkan bahawa kaedah ini berjaya meningkatkan motivasi pelajar mereka. Hasil kajian ini juga menunjukkan pendidik berpendapat bahawa pendekatan *flipped learning* ini berjaya memberikan manfaat kepada pelbagai kategori pelajar sama ada pelajar biasa hinggalah kepada pelajar yang berkeperluan khas.

Menurut tinjauan yang sama, pendidik turut mendapat faedah dalam pelaksanaan kaedah ini kerana hasil kajian mendapati sebanyak 88 % pendidik mendapat peningkatan kepuasan kerja. Selain itu, sebanyak 99 % mengatakan mereka akan meneruskan pendekatan *flipped learning* ini pada tahun seterusnya. Data ini menunjukkan bahawa secara keseluruhannya kaedah *flipped learning* ini mampu memberikan implikasi yang positif kepada pendidik dan pelajar.

Selain itu, menurut Rahman, Yunus dan Hashim (2019) pendekatan *flipped learning* ini berupaya meningkatkan tingkah laku dan pencapaian pelajar. Pendekatan ini juga sesuai untuk semua bidang dan dapat membantu pendidik untuk menyampaikan idea baharu dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Namun demikian, dengan pembelajaran berubah-ubah, pendidik perlu lebih kreatif dalam menggunakan teknologi semaksimum mungkin supaya pelajar dapat terlibat sepenuhnya dalam pembelajaran aktif.

### **Kaedah Pelaksanaan *Flipped Learning***

Konsep *flipped learning* telah diteliti oleh Eric Mazur dari Universiti Harvard semenjak awal tahun 90-an. Berikut adalah perkara utama dalam pelaksanaan *flipped learning*:-



**Rajah 3: Kaedah Pelaksanaan *Flipped Learning***

4.1 Pelaksanaan *flipped learning* dimulakan dengan pelajar membuat persiapan untuk topik kelas dengan menonton video, mendengar *podcast*, membaca artikel dan menjawab persoalan-persoalan yang diberikan oleh guru berdasarkan pengetahuan sedia ada mereka.

4.2 Setelah pelajar dapat meneliti semua kandungan pelajaran ini, mereka perlu mengimbas semula pengetahuan yang mereka perolehi dan menyenaraikan serta menyusun persoalan berkaitan topik yang masih mengelirukan mereka.

4.3 Seterusnya, pelajar akan mendaftar masuk ke laman sosial yang digunakan sebagai platform komunikasi kelas untuk memuat naik persoalan-persoalan mereka berkaitan topik yang diberikan.

4.4 Pendidik akan menyusun soalan-soalan yang dikemukakan oleh pelajar melalui laman sosial sebelum masuk ke kelas. Seterusnya, pendidik akan mengaturkan semua soalan-soalan ini dan menyediakan bahan mengajar dan senario yang dapat menjawab kekeliruan pelajar. Oleh itu, pendidik tidak perlu menyediakan bahan pengajaran yang telah difahami oleh pelajar mereka.

4.5 Dalam kelas, pengajar akan menggunakan kaedah *Socratic* sebagai kaedah mengembangkan pengetahuan pelajar. Menurut Chesters (2012) kaedah Sokratik telah diperkenalkan oleh seorang ahli falsafah Yunani sekitar 470- 300 S.M yang terkenal dengan cara pemikirannya melalui pertanyaan dan memberikan hujah bagi setiap jawapannya. Bagi mengaplikasikan kaedah ini, pelajar akan bekerjasama untuk menjawab soalan dan masalah yang diajukan sebelum ini. Sepanjang proses ini, pendidik berperanan untuk mendengar perbualan dan berinteraksi dengan individu atau kumpulan mengikut keperluan.

## **Kesimpulan**

Pendekatan *flipped learning* merupakan pendekatan yang boleh diaplikasikan oleh pendidik dalam mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran melalui kaedah yang lebih relevan dengan generasi hari ini. Oleh itu, pendidik perlulah bersedia untuk membuat perubahan ini dengan memahami dan memenuhi 4 rukun utama *flipped learning*. Persiapan dan sikap keterbukaan pendidik amat penting dalam memastikan kaedah ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Sepanjang proses melaksanakan pendekatan ini, pendidik perlu sentiasa berusaha menambah baik kaedah dan material pengajaran dari semasa ke semasa. Selain itu, sokongan dan galakan daripada pelbagai pihak terutamanya pengurusan, sangat penting dalam memastikan pendidik hari ini sentiasa berusaha mengadaptasi pelbagai metodologi baru dalam pembelajaran abad ke- 21. Selain itu, sokongan teknologi juga sangat penting dalam menjayakan pendekatan ini kerana pendidik dan pelajar perlu menggunakan platform teknologi bagi mengakses bahan berkaitan. Oleh hal yang demikian, kesediaan semua pihak dalam meneroka pendekatan baharu pengajaran dan pembelajaran ini sangat penting dalam memastikan dunia pendidikan tidak ketinggalan dalam arus perubahan. *Flipped learning*, adakah kita telah bersedia?

## **Rujukan**

- Alan November, Brian Mull. (2012). *Flipped Learning: A Response To Five Common Criticisms*. November Learning.
- Alsobaie, Mohammed Fahad, "Effective Teaching and Learning: Flipped Learning in the Classroom" (2018). Dissertations. 3280.  
<https://scholarworks.wmich.edu/dissertations/3280>
- Chesters, S. D. (2012). *The Socratic Classroom* (1 st). Rotterdam, Netherlands: Sense Publishers.
- Flipped Learning Network (FLN). (2014) *The Four Pillars of F-L-I-P™* Reproducible PDF can be found at [www.flippedlearning.org/definition](http://www.flippedlearning.org/definition).
- Green, S., Hsu, H.-Y., & Wang, S.-K. (2013). Using Social Networking Sites To Facilitate Teaching And Learning In The Science Classroom. *Science Scope*, 36(7), 74–80.
- Jonathan Bergmann, Aaron Sams. (2014). *Flipped Learning: Gateway to Student Engagement*. United State Of America: International Society For Technology in Education.
- Mohamed Amin Embi & Ebrahim Panah (2014). Overview of Flipped Learning. Centre For Teaching & Learning Technologies: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rahman, S. F., Yunus, M. M., & Hashim, H. (2019). An Overview of Flipped Learning Studies in Malaysia. *Arab World English Journal*, 10 (4) 194-203.
- Robert, L. (2012). AccessAbility: Enabling Technology for Life Long Learning Inclusion in an Electronic Classroom - 2000. *Journal of Educational Technology & Society*, 5(1), 148– 153.

**AMALAN KITAR SEMULA:  
KAJIAN KES PELAJAR SIJIL TEKNOLOGI SENIBINA  
KOLEJ KOMUNITI JEMPOL, NEGERI SEMBILAN**

**MUHAMMAD SYAWAL BIN YAAKOB, NOR SAMSILA BINTI ISMAIL**  
Kolej Komuniti Jempol

**Abstrak**

*Penghasilan sisa harian dalam kalangan rakyat Malaysia semakin meningkat seiring dengan pertumbuhan populasi penduduk. Pengurusan sisa yang berkesan dapat meningkatkan kualiti kehidupan dan menjadikan rakyat dapat menikmati hidup yang selesa tanpa pencemaran. Pelaksanaan program pengasingan sisa di punca dan amalan kitar semula perlu dipraktikkan dan dijadikan tabiat di kalangan penduduk. Justeru, kajian ini bertujuan untuk melihat amalan kitar semula di kalangan pelajar Sijil Teknologi Seni Bina Kolej Komuniti Jempol, Negeri Sembilan. Fokus kajian ini adalah untuk mengenal pasti pengetahuan pelajar berhubung kitar semula, dan mengenal pasti amalan kitar semula dan seterusnya mencadangkan kaedah untuk meningkatkan kesedaran serta memupuk amalan kitar semula di kalangan pelajar Sijil Teknologi Seni Bina Kolej Komuniti Jempol. Seramai 36 responden terlibat dengan kajian ini. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini berbentuk soal selidik. Hasil kajian mendapati 78% pelajar mengetahui kebaikan mengamalkan kitar semula dan mempunyai pengetahuan asas mengenai kitar semula cuma tidak mengaplikasikannya secara meluas di kolej. Oleh itu, semua pihak perlu mengambil langkah-langkah proaktif seperti pihak pengurusan kolej menyediakan tong kitar semula di sekitar kolej, menganjurkan program gotong-royong perdana dan menganjurkan kempen kesedaran kitar semula. Pensyarah perlu menerapkan kepentingan amalan kitar semula dalam sesi PdP untuk memupuk budaya kitar semula di kalangan pelajar. Sementara pelajar pula perlu melibatkan diri secara aktif dengan program kitar semula yang dianjurkan oleh kolej dan menerapkan amalan kitar semula kepada ahli keluarga masing-masing.*

**Kata kunci:** *Kitar semula*

**Pengenalan**

Sampah sarap atau sisa pepejal seperti plastik, kertas, kaca dan logam didefinisikan sebagai suatu bahan atau sumber yang tidak lagi digunakan kerana tidak mempunyai nilai ekonomi sebelum ia melalui proses akhir. Menurut Akta Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) kitar semula bermaksud memungut dan mengasingkan sisa pepejal bagi maksud menghasilkan keluaran. Kitar semula berlaku apabila bahan-bahan diproses dan menghasilkan produk yang sama. Kitar semula mengubah bahan-bahan yang sepatutnya menjadi sisa kepada sumber-sumber yang bernilai. Sebagai tambahan, ia menjadi sumber kepada alam sekitar, kewangan dan faedah sosial. Bahan-bahan yang boleh dikitar semula seperti plastik, kertas, kaca dan logam dikumpul, diasingkan dan dihantar ke pusat pemprosesan untuk ditukarkan kepada produk atau bahan baru. Berbanding dengan negara maju seperti Jepun, pengurusan sisa pepejal mereka jauh ke hadapan. Rakyat mereka telah diterapkan untuk mengasingkan sampah sejak di rumah lagi mengikut kategori seperti sampah boleh bakar, plastik, kertas dan kain, botol dan tin serta sampah tak boleh bakar. Selain itu, terdapat jadual dan hari membuang sampah mengikut kategori yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Contohnya, hari isnin adalah untuk sampah boleh dibakar, hari Selasa untuk kertas dan kain, hari Rabu untuk botol dan tin dan seterusnya.

Kajian mengenai pengurusan kitar semula sisa pepejal telah lama dilakukan. Pelbagai usaha dan program berkenaan kitar semula telah dilaksanakan, namun perkara ini dianggap kurang penting dan tidak menjadi keutamaan bagi segelintir masyarakat. Kajian oleh

Jereme, Innocent & Chamhuri, Siwar & Alam, Md Mahmudul. (2014) menyatakan bahawa Malaysia masih jauh ketinggalan dalam amalan pengurusan sisa lestari, terutama dalam bidang kitar semula. Pengkaji turut membuat perbandingan kaedah pengurusan sisa pepejal di negara maju di mana program kitar semula telah menjadi budaya dalam kehidupan seharian mereka. Kebanyakan negara tersebut menerima baik pelaksanaan program 'bayar apa yang anda buang' menjadikan penduduk lebih berusaha untuk mengurangkan sisa dan memilih untuk mengitar semula barangan yang terpakai.

Pelbagai bentuk usaha telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi mengurangkan kos pengurusan sisa pepejal. Antaranya ialah pada tahun 2015, penduduk di enam negeri iaitu Pahang, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Perlis, Kedah serta dua wilayah persekutuan akan diwajibkan mengasingkan sisa pepejal mengikut kategori (Berita Harian 2015). Hanya negeri- negeri ini menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 atau Akta 672 walaupun ia sepatutnya dijalankan di seluruh semenanjung. Namun demikian, usaha kerajaan ini dipandang sepi oleh rakyat.

Maka, kajian ini dihasilkan bertujuan untuk mengetahui tentang pengetahuan pelajar Sijil Teknologi Senibina Kolej Komuniti Jempol mengenai kitar semula. Selain itu, kajian ini juga bertujuan mengenal pasti amalan pelajar berkaitan kitar semula di Kolej Komuniti Jempol. Seterusnya, mencadangkan aktiviti dan program pendedahan bagi memupuk budaya kitar semula di kolej.

### **Pernyataan masalah**

Rakyat Malaysia menghasilkan kira-kira 37,890 tan sisa setiap hari dengan sekurang-kurangnya 1.17 kilogram dijana bagi setiap individu (Berita Harian 2019). Angka ini adalah membimbangkan kerana pengurusan sisa yang kurang berkesan akan menyebabkan timbulnya masalah peningkatan kos pengurusan, pencemaran alam sekitar dan akan menjejaskan kualiti kehidupan seperti masalah kesihatan. Masyarakat sepatutnya mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap amalan kitar semula. Namun sebaliknya, masyarakat turut menyumbang ke arah penghasilan sampah dan memandang ringan terhadap usaha kerajaan untuk melaksanakan kitar semula.

Oleh itu, sebagai langkah awal, golongan pelajar perlu diberi pendedahan dan kesedaran untuk mengamalkan kitar semula sebagai menyokong usaha-usaha kerajaan. Hasil tinjauan awal mendapati masih ramai pelajar Sijil Teknologi Senibina Kolej Komuniti Jempol memandang ringan terhadap sampah yang dihasilkan. Mereka tidak mengasingkan sampah yang boleh untuk dikitar semula. Lebih malang lagi, mereka tidak mementingkan kebersihan dengan membuang sampah merata-rata. Maka, hal ini telah mendorong penyelidik menghasilkan kajian mengenai amalan kitar semula ini bagi mendapatkan maklumat- maklumat berkaitan yang boleh digunakan untuk manfaat bersama.

### **Metodologi**

Borang diedarkan kepada 40 orang responden dan hanya 36 borang yang lengkap diterima dan dianalisis. Borang soal selidik merangkumi pengetahuan pelajar terhadap kitar semula, pelaksanaan amalan kitar semula, dan sikap pelajar terhadap program kitar semula yang dianjurkan pihak kolej. Data yang diperolehi telah dianalisis dan digambarkan melalui carta pai bagi melihat sikap dan amalan pelajar terhadap kitar semula.

Borang soal selidik merangkumi pengetahuan pelajar mengenai kitar semula, peranan pelajar dalam memupuk budaya kitar semula, serta aktiviti harian pelajar. Berikut

merupakan soalan yang terkandung dalam borang soal selidik yang mesti dijawab oleh responden. Pilihan jawapan adalah Setuju, Tidak Setuju dan Tidak Pasti:

- i) Saya tahu kebaikan mengamalkan kitar semula
- ii) Saya tahu jenis barang yang boleh dikitar semula dengan barang yang tidak boleh dikitar semula
- iii) Saya akan mengasingkan sampah sebelum buang
- iv) Saya pernah menghasilkan barang baru daripada barangan kitar semula
- v) Saya tahu kedudukan tong kitar semula di kolej
- vi) Saya pernah mengikuti program kitar semula yang dianjurkan oleh pihak kolej

### Dapatan kajian

Berikut merupakan hasil dapatan kajian yang telah dianalisis. Dapatan kajian ini ditunjukkan dalam Rajah 1 sehingga Rajah 6.



**Rajah 1: Kebaikan mengamalkan kitar semula**


Rajah 1 menunjukkan pengetahuan responden mengenai kebaikan mengamalkan kitar semula. Seramai 28 orang atau 78% bersetuju, 6 orang atau 17% tidak bersetuju manakala 2 orang atau 5% tidak pasti.



**Rajah 2: Jenis barang yang boleh dikitar semula dengan barang yang tidak boleh dikitar semula**

Rajah 2 menunjukkan pengetahuan responden mengenai jenis barang yang boleh dikitar semula dengan barang yang tidak boleh dikitar semula. Seramai 20 orang atau 56% responden bersetuju, 13 orang atau 36% responden tidak bersetuju manakala 3 orang atau 8% responden tidak pasti.






**Rajah 3: Amalan mengasingkan sampah sebelum buang**

Rajah 3 menunjukkan amalan mengasingkan sampah sebelum membuang sampah tersebut. Seramai 17 orang atau 47% responden tidak bersetuju, 12 orang atau 33% responden bersetuju manakala 7 orang atau 20% responden tidak pasti.



**Rajah 4: Menghasilkan barang baru daripada barangan kitar semula**

Rajah 4 menunjukkan pelajar menghasilkan barang baru daripada barangan kitar semula. Seramai 19 orang atau 53% responden tidak bersetuju, 11 orang atau 30% responden bersetuju manakala 6 orang atau 17% tidak pasti.



**Rajah 5: Kedudukan tong kitar semula di kolej**

Rajah 5 menunjukkan pelajar tahu tentang kedudukan tong kitar semula di kolej. Seramai 19 orang atau 53% responden tidak pasti, 15 orang atau 42% responden tidak bersetuju manakala 2 orang atau 5% responden bersetuju.



**Rajah 6: Program kitar semula yang dianjurkan oleh pihak kolej**

Rajah 6 menunjukkan penglibatan pelajar dalam program kitar semula yang dianjurkan oleh pihak kolej. Seramai 24 orang atau 67% responden tidak bersetuju, 9 orang atau 25% tidak pasti manakala 3 orang atau 8% responden bersetuju.

Hasil daripada kajian mendapati bahawa secara puratanya pelajar mengetahui dan menyedari tentang program kitar semula. Pelajar sedar bahawa kitar semula mempunyai banyak kebaikan terutamanya kepada alam sekitar. Pelajar turut menyatakan pandangan bahawa mempraktikkan kitar semula merupakan satu amalan yang baik, mulia dan terpuji. Mencintai alam sekitar dapat menjadikan para pelajar lebih bertanggungjawab serta sebagai contoh kepada orang lain. Pelajar juga dapat membezakan jenis barang yang boleh dikitar semula dengan barang yang tidak boleh dikitar semula. Kesedaran ke atas kepentingan kitar semula adalah agak tinggi di kalangan pelajar Sijil Teknologi Seni Bina Kolej Komuniti Jempol, namun untuk mempraktikkan amalan ini pada peringkat institusi adalah agak sukar. Hal ini kerana terdapat kekangan dan sikap yang menghalang mereka daripada mengamalkan kitar semula dalam kehidupan seharian.

Selain itu, pihak pengurusan kolej juga kurang menekankan mengenai kepentingan kitar semula dia kalangan pelajar. Hal ini dapat dibuktikan kerana majoriti pelajar tidak pasti dan tidak tahu di mana kedudukan tong kitar semula. Program kitar semula juga tidak dijalankan di peringkat kolej. Seharusnya, amalan kitar semula perlu bermula di peringkat pengurusan kolej kemudian mempromosi dan menggalakkan amalan kitar semula di kalangan pelajar. Namun demikian, situasi ini boleh diperbaiki dengan mengambil langkah- langkah berikut:

- i) Pihak pengurusan kolej perlu menyediakan tong kitar semula di sekitar kolej.
- ii) Pihak pengurusan kolej perlu menganjurkan program gotong- royong perdana.
- iii) Pihak pengurusan kolej perlu menganjurkan program yang berkaitan dengan alam sekitar atau kempen kesedaran kitar semula seperti pertandingan inovasi menggunakan bahan kitar semula dan hari kitar semula.
- iv) Pensyarah perlu menerapkan amalan kitar semula dalam sesi PdP kepada pelajar contohnya menggalakkan pelajar menggunakan kertas terpakai untuk membuat tugas.
- v) Pelajar perlu melibatkan diri secara aktif dengan program kitar semula yang dianjurkan oleh kolej.
- vi) Pelajar perlu menerapkan amalan kitar semula kepada ahli keluarga masing-masing.

## **Rumusan**

Kitar semula merupakan salah satu cara terbaik bagi mendapatkan kesan yang positif dalam mengurangkan jumlah sisa harian. Semua pihak perlu memainkan peranan dan menjadikan tabiat kitar semula sebagai tanggungjawab bersama. Sebagai warga Kolej Komuniti Jempol, adalah penting untuk melaksanakan amalan kitar semula ini dengan segera bagi membantu memelihara alam sekitar dan untuk kebaikan generasi akan datang.

## **Rujukan**

- Abdul Yazid Alias (2010). *Amal Kitar Semula* dlm. Utusan Malaysia, 27 Januari 2010
- Fazida Binti Haji Othman (2008). *Konsep Tong Kitar Semula Dalam Kalangan Pelajar KPLI*  
*Di IPG Kampus Pendidikan Islam : Kertas Kajian*
- Burca, D.D., Dodd, V.A. Dennison, G.J., Cullinan, N., & Madden, N. (1994) *Assessing the Role of Kerbside Recycling in Municipal Waste Management in the Dublin Region*. Proceeding of the 10 th International Conference on Solid Waste Management, Philadelphia: USA.
- Afroz, R., Hanaki, K., Tuddin, R. & Ayup, K. (2010). *A survey of recycling behaviour in households in Dhaka, Bangladesh*. Waste Management & Research, 28 (6), 552-560.
- Jereme, I.A., Siwar, C. & Alam, M.M (2015). *Waste Recycling in Malaysia: Transition from Developing to Developed Country*, Indian Journal of Education and Information Management. 4 (1), 1-14
- Haslinda Mohd Anuar, Harlida Abdul Wahab (2015). *Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam: Pengurusan dan Perundangan*. Solid Waste Solution Journal; Vol. 1 2015
- Muhamad Azahar Abas (2013). *Pelupusan Sisa Pepejal: Kajian Sistem Kitar Semulasatu Aliran Di Pusat Pengajian Sains Matematik Dansains Komputer (Bangunan G31), Universiti Sainsmalaysia, Pulau Pinang*. Tesis Sarjana Sains, Universiti Sains Malaysia.
- <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2015/08/78592/asing-sisa-pepejal-ikut-kategori-jimat-kos-rm2b-setahun>

## **KOMPETENSI KERJAYA PELAJAR PENDIDIKAN KHAS DALAM MENCEBURI DUNIA BARISTA**

**ANWAR JAAFAR**

Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka

### **Pengenalan**

Setiap insan yang dilahirkan ke dunia ini telah dijadikan oleh Allah s.w.t. dengan tujuan yang tertentu di mana dengan kewujudan manusia itu sendiri yang bergelar “khalifah” merupakan suatu amanah yang sangat besar buat semua. Syariat Islam secara zahirnya juga menuntut setiap dari kita yang telah diberikan amanah berusaha untuk menjalani serta mengisi kehidupan dengan sebaik mungkin tanpa mengira taraf seseorang itu sama ada normal mahupun orang kurang upaya (OKU). Hal ini kerana kedua-duanya memikul amanah dan tanggungjawab yang sama iaitu mencari keredhaan Allah s.w.t demi mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat sebagai mana petikan dari Abu Mas’ud Uqbah bin Amer Al Anshari Al Badri RA, Rasulullah S.A.W bersabda “Barang siapa menunjukkan kepadanya kebaikan maka baginya bahagian pahala orang yang melaksanakannya” (HR Muslim). Secara umumnya, orang kelainan upaya amat memerlukan perkhidmatan istimewa serta latihan yang khusus bagi membolehkan mereka menjalani kehidupan secara berdikari didalam sesebuah komuniti dengan sebaik mungkin.

Selain daripada membantu golongan kurang upaya ini daripada aspek fizikal dan emosi, latihan khas yang bersesuaian dengan keupayaan golongan ini juga sebenarnya mampu untuk memberi mereka lebih peluang untuk menjana pendapatan disamping menampung kos keperluan harian selain dapat memenuhi keperluan perkhidmatan industri yang berkaitan bidang perhotelan seperti hotel, restoran, kafe yang secara amnya memerlukan warga tempatan untuk mengisi kekosongan yang ada. Melalui latihan intensif yang diberikan secara khusus kepada golongan ini juga, maka usaha dan matlamat Rancangan Malaysia ke-8 untuk memastikan tenaga kerja tempatan untuk mengisi kekosongan di dalam bidang Operasi Perhotelan khususnya akan tercapai dan terlaksana.



**Rajah 1: Sesi curahan ilmu**

Di Malaysia, komitmen kerajaan dalam membantu golongan kurang upaya ke alam pekerjaan dilaksanakan melalui program pendidikan teknik dan vokasional dari peringkat sekolah sehingga ke pusat latihan vokasional dan mempunyai matlamat dimana selepas mereka tamat, mereka akan diperlengkapkan dengan kemahiran yang spesifik untuk bekerja. Bagi pihak kolej komuniti misalnya, Jabatan Pengajian Sepanjang Hayat sendiri turut mengambil inisiatif dalam membantu memberikan kursus-kursus pendek yang

bersesuaian kepada individu dan kumpulan OKU untuk mempelajari dan menambah kemahiran mereka di dalam bidang pengkhususan seperti kursus lipatan napkin, kursus etika di meja makan, kursus pembuatan moka, tetapan di meja makan dan yang terkini adalah kursus barista.

Seiring dengan gaya hidup moden dan urban masyarakat bandar, kini kopi telah menjadi satu daripada kemestian kepada hampir sebilangan besar golongan muda dan korporat di Malaysia. Kewujudan kafe hipster, restoran berasaskan kopi secara tidak langsung telah membuka ruang pekerjaan kepada masyarakat. Kini, nama Barista tidak lagi asing di kalangan masyarakat tempatan malahan menjadi satu karier yang menjadi impian sebilangan besar golongan muda masa kini. Secara istilahnya, barista adalah individu yang berkecimpung dengan dunia minuman berasaskan kopi, teh coklat serta bijirin di bar mahupun di kafe. Namun begitu, populariti kerjaya sebagai barista ini menjadi satu fenomena pada ketika ini disebabkan oleh faktor budaya masyarakat moden kini amat gemar bersantai di kafe-kafe, restoran makanan segera mahupun restoran mewah untuk bersantai sambil meminum kopi bersama kawan-kawan atau pun kenalan rapat sambil berbual dan beristirehat untuk mengisi masa lapang. Disebabkan oleh fenomena ini, maka kursus barista merupakan salah satu kursus baru yang ditawarkan oleh Kolej Komuniti Bukit Beruang dan kursus ini menjadi permintaan ramai dikalangan komuniti setempat termasuk golongan kurang upaya. Diharapkan dengan penawaran kursus pendek ini kepada golongan OKU, ianya dapat melatih mereka menjadi seorang pekerja mahir sekaligus dapat menjana pendapatan yang begitu lumayan memandangkan kepakaran sebagai seorang barista amat dikehendaki oleh industri pada masa kini.



**Rajah 2: Hasil coretan insan teristimewa**

### **Kemahiran khas yang ditawarkan**


Pada masa kini tumpuan yang diberikan adalah dengan mewujudkan program latihan khas bertujuan dalam memperkasakan kemahiran bagi golongan kurang upaya. Program ini menyasarkan pelajar kurang upaya melalui sekolah-sekolah sekitar negeri Melaka yang mempunyai pelajar-pelajar pendidikan khas yang mengalami masalah kurang upaya fizikal (KUF) dan masalah pembelajaran dari Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). PPKI secara umumnya adalah untuk mendidik murid-murid yang secara fizikalnya normal tetapi lemah dalam pembelajaran.

Pelajar-pelajar ini terpilih kerana mereka mempunyai potensi yang sangat besar untuk dilatih menjadi seorang pekerja yang mahir, walau pun mereka mempunyai masalah didalam pembelajaran serta kekurangan upaya fizikal namun mereka sangat fokus apabila

didalam bidang teknikal dan mereka lebih cenderung ke arah kerja-kerja amali seperti yang terdapat dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup (Wahab,2006). Selain itu, kursus pendek berbentuk amali dan praktikal ini juga bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar ini berkenaan dunia sebenar alam pekerjaan bagi menarik minat mereka untuk bekerja sekaligus mengajar mereka untuk berdikari.


### Isu dan cabaran anak-anak istimewa

Pada masa kini masih terdapat beberapa perkara yang perlu dilihat bagi mendapatkan maklum balas yang lebih tepat dan jelas mengenai keberkesanan pelaksanaan program latihan khas ini terhadap pelajar PPKI serta KUF sebagaimana yang telah dianjurkan dengan harapan agar perjalanan perlaksanaannya dapat dimantapkan lagi. Antara perkara yang perlu dikaji adalah berpandukan kepada rajah 3 dibawah :



Rajah 3: Cabaran yang dihadapi anak-anak istimewa .

### Hasil kesedaran dan tanggungjawab sosial terhadap anak-anak istimewa



### Hasil kesedaran dan tanggungjawab sosial terhadap anak-anak istimewa

### **Hasil curahan ilmu**

Secara keseluruhannya, hasil daripada program ini menunjukkan tahap keberkesanan kursus pramusaji kepada asas barista dalam peningkatan kemahiran pelajar kurang upaya berada pada tahap yang baik. Hal ini kerana berdasarkan maklumat yang telah dianalisis oleh setiap responden yang hadir kursus memberikan respon yang baik terhadap penerimaan dan keterbukaan setiap dari mereka terhadap kursus asas barista yang telah mereka jalani dan sekaligus ianya menunjukkan tahap penguasaan dan minat setiap pelajar-pelajar ini terhadap ilmu sebagai seorang barista. Kemahiran ini bukan sahaja sebagai persediaan mereka untuk hidup berdikari bahkan sebagai persediaan kepada kemahiran mereka untuk bekerja (Lancioni & O'Reilly, 2002; Powell, 2006).

### **Kesimpulan**

Dalam melaksanakan program inklusif ini semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung perlu tahu dan faham mengapa program inklusif ini perlu dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh. Usaha murni ini diharapkan mendapat perhatian dan menjadi panduan yang berguna kepada pihak yang berkepentingan seperti IPTA dan IPTS bagi meneruskan usaha murni ini. Memandangkan ianya mempunyai perkaitan dengan masa hadapan dan kemampuan berdikari bagi setiap individu berkeperluan khas maka adalah sangat penting perlaksanaannya diberi perhatian dan kesedaran serius terhadap tenaga pengajar agar pelajar-pelajar ini dapat turut mencapai kesempurnaan hidup yang lebih baik. Dengan adanya kajian-kajian berkaitan keberkesanan dan permasalahan yang timbul dalam melaksanakan program ini, diharap ianya akan dapat terus membekalkan maklumat berguna demi mempertingkatkan kualiti pengurusan dan pelaksanaan program inklusif ini.

### **Rujukan**

Jabatan Pembelajaran Sepanjang Hayat, Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Sabitha Marican (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Social*, Prentice Hall Pearson: Malaysia

Sabilah Wahab (2006). Persepsi Pelajar Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran Terhadap Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Di Tiga Buah Sekolah Di Daerah Johor Baru. 1-5.

Jabatan Kebajikan Masyarakat - <http://www.jkm.gov.my>

Lancioni, G.E. & O'Reilly, M.F. (2002). Teaching Food Preparation Skills to People with Intellectual Disabilities: a Literature Overview. *Journal of Applied Research in Intellectual Disabilities*. 15, 236–253

Bozkurt, F. & Gursel, O. (2005). Effectiveness of Constant Time Delay on Teaching Snack and Drink Preparation Skills to Children with Mental Retardation. *Education and Training in Developmental Disabilities*. 40(4), 390–400

# KEPERLUAN ASRAMA DI KOLEJ KOMUNITI SELANDAR, MELAKA

MOHD FAIZ BIN ABU BAKAR, SITI HUSOOSANI BINTI HUSAIN  
Kolej Komuniti Selandar

## Abstrak

*Kurang daripada 5% Kolej Komuniti di Malaysia menyediakan kemudahan asrama bagi para pelajar. Hal ini disebabkan penubuhan Kolej Komuniti pada dasarnya adalah bertujuan untuk menawarkan sistem pembelajaran separa mahir kepada komuniti setempat. Namun, atas kekangan taburan program yang tidak menyeluruh di Kolej-Kolej Komuniti ini, telah menyebabkan kemasukan pelajar ke Kolej Komuniti di Malaysia pada hari ini adalah terbuka kepada seluruh rakyat dari seluruh negara. Hal ini telah menimbulkan masalah kepada pengurusan sesebuah Kolej Komuniti dalam menyediakan penempatan yang kondusif kepada para pelajar yang datang jauh dari luar kawasan. Ini akan dirumitkan lagi apabila faktor lokasi Kolej Komuniti itu sendiri yang terletak di kawasan luar bandar, kurang kepadatan penduduk dan tidak mempunyai banyak pilihan penempatan bagi pelajar. Kolej Komuniti Selandar, Melaka adalah salah satu contoh Kolej Komuniti yang terletak di kawasan luar bandar di mana pilihan penempatan yang kondusif kepada para pelajar adalah amat terhad dan telah timbul masalah kepada pihak pengurusan amnya. Selain daripada masalah kepada pentadbiran, isu penempatan ini juga turut memberi kesan kepada bilangan enrolmen pelajar, masalah perhubungan sosial, mahupun motivasi diri kepada para pelajar itu sendiri. Disebabkan faktor-faktor ini, keperluan asrama yang ditadbir sepenuhnya oleh pengurusan Kolej Komuniti Selandar adalah sangat penting dan perlu diambil perhatian yang sewajarnya.*

**Kata kunci:** *Taburan program, penempatan kondusif, lokasi, keperluan asrama.*

## Pendahuluan

Kolej Komuniti mula diperkenalkan di Malaysia sekitar tahun 2000 dengan menggalas misi menjadi hub pendidikan yang melahirkan pekerja separa mahir. Dengan berfokuskan misi ini, sistem pengajaran dan pembelajaran Kolej Komuniti adalah menjurus kepada pendidikan teknikal dan vokasional. Bagi pemilihan lokasi premis Kolej Komuniti pula, pemilihan lokasi ini telah direncanakan mengikut taburan parlimen yang terdapat di Malaysia. Perkara ini telah dinyatakan melalui Memorandum no. 398/2225/00 yang telah dikemukakan oleh Menteri Pendidikan tentang konsep penubuhan dan pelaksanaan Kolej Komuniti di setiap kawasan parlimen pada 5 Julai 2000 kepada Jemaah Menteri (sumber:<https://www.mypolycc.edu.my>). Juga dinyatakan berdasarkan artikel “*Kolej Komuniti vs Universiti*” yang disiarkan pada 8 Februari 2020 di laman sesawang <https://ms.bccrwp.org>, salah satu kelebihan terbesar Kolej Komuniti adalah lokasinya yang berhampiran supaya para pelajar (dewasa) tidak perlu meninggalkan pekerjaan atau tempat tinggalnya untuk melanjutkan pendidikan tinggi. Oleh hal yang demikian, kemudahan asrama bagi para pelajar adalah tidak disediakan bagi kebanyakan Kolej Komuniti di Malaysia (Bahagian Hal Ehwal Pelajar JPKK,2012).

Selain itu, melalui pemilihan lokasi, menurut penerangan Kementerian Pendidikan Malaysia ([www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my),2007), penetapan program akademik yang akan ditawarkan di sesebuah Kolej Komuniti juga dilaksanakan bagi memenuhi keperluan komuniti setempat ini. Sebagai contoh, Kolej Komuniti yang terletak di kawasan perindustrian berat akan menawarkan program-program berkaitan yang sesuai seperti Sijil Automotif dan Sijil



Pemasangan Elektrik. Namun, penetapan program akademik ini juga dilihat masih tidak menyeluruh dan agak terbatas. Berikut kapasiti Kolej Komuniti itu sendiri adalah terhad, termasuk saiz fizikal premis mahupun sumber manusia. Senario penawaran program akademik yang terhad ini pula menimbulkan isu permintaan dan penawaran yang tidak selari. Kini, majoriti pelajar di sesebuah Kolej Komuniti ini berasal dari luar kawasan setempat. Fakta ini dirujuk melalui data kemasukan pelajar Kolej Komuniti melalui Sistem E-Pelajar yang menjadi medium utama penyimpanan dan pengurusan data pelajar Kolej Komuniti di seluruh Malaysia.

Pertembungan dua isu utama - tiada kemudahan asrama dan kebanjiran para pelajar dari luar kawasan lokasi Kolej Komuniti itu sendiri telah memberi cabaran kepada pengurusan kolej. Hal ini turut dihadapi di Kolej Komuniti Selandar, Melaka. Di dalam artikel ini, akan dibincangkan beberapa isu berkaitan keadaan semasa penginapan pelajar dan bagaimana situasi ini mempengaruhi keperluan kemudahan asrama di Kolej Komuniti Selandar pada masa akan datang.

## **LATAR BELAKANG KOLEJ KOMUNITI SELANDAR, MELAKA**

### **a) Lokasi**

Kolej Komuniti Selandar, Melaka terletak di mukim Selandar dalam Daerah Jasin. Ditubuhkan pada 2003, Kolej Komuniti Selandar telah menumpang operasinya di Sekolah Menengah Kebangsaan Nyalas, sebelum berpindah ke kampus tetap di Jalan Batang Melaka (Laporan Sedekad KKSL, 2013). Lokasi operasi Kolej Komuniti Selandar pada asalnya adalah di bawah Parlimen Selandar. Namun pada tahun 2008 selepas persempadan semula parlimen, Kolej Komuniti Selandar berada di bawah Parlimen Alor Gajah. Berada di kawasan luar bandar, Kolej Komuniti Selandar terletak kurang tiga kilometer dari Pekan Selandar. Di Pekan Selandar, terdapat kemudahan asas seperti Pejabat Pos, stesen minyak, Balai Polis dan sebuah pasar awam. Manakala bagi bandar terdekat adalah Bandar Jasin yang terletak dua puluh kilometer daripada Kolej Komuniti Selandar.

Kolej Komuniti Selandar di kelilingi beberapa buah kampung. Kampung Jus Permai terletak bersebelahan Kolej Komuniti Selandar, di mana ia merupakan sebuah kampung baru yang dibuka bagi penempatan semula setelah Empangan Jus dibina sekitar penghujung tahun 90an. Bagi Kampung Jus Permai ini, terdapat lebih 30 buah rumah sebuah (tidak berangkai) di atas tanah lot persendirian.

Berhadapan dengan Kolej Komuniti Selandar, terdapat sebuah taman perumahan kos rendah - Taman Jus Perdana. Taman Jus Perdana merupakan kawasan kediaman yang terhampir dari Kolej Komuniti Selandar bagi tujuan penempatan para pelajar. Taman Jus Perdana merangkumi unit rumah kediaman sebanyak 160 buah rumah persendirian yang telah mula didiami seawal tahun 2002. Penduduk di sini terdiri daripada warga tempatan yang menjalankan aktiviti ekonomi mereka sekitar negeri Melaka. Taman Jus Perdana merupakan salah satu contoh kawasan perumahan kos rendah yang dibangunkan di bawah Program Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR), Suruhanjaya Perumahan Malaysia. Ia bertujuan untuk menyediakan kemudahan perumahan yang sempurna kepada golongan berpendapatan rendah di luar bandar dan pinggir bandar di samping kemudahan-kemudahan asas dan sosial lain (Dasar Perumahan Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, 2008). Pada dasarnya, kawasan perumahan kos rendah ini mempunyai kapital kos yang minima dan menyediakan kemudahan asas yang terhad.

### **b) Pelajar Dan Program Di Kolej Komuniti Selandar Melaka.**

Terdapat empat Program yang ditawarkan di Kolej Komuniti Selandar. Program Sijil Landskap, Sijil Penyejukan dan Penyamanan Udara, Sijil Sistem Komputer dan Rangkaian dan Sijil Pengoperasian Perniagaan (*Handbook* Pelajar Kolej Komuniti Selandar,2020). Keempat-empat program ini telah diperkenalkan bagi menampung keperluan dan kehendak komuniti pada dasarnya. Syarat kemasukan bagi pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran di dalam program-program ini adalah wajib lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan merupakan warganegara Malaysia. Norma bilangan enrolmen yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) adalah seramai 60 orang bagi setiap program bagiambilan Jun dan 30 orang bagiambilan Disember dalam setahun.

Secara majoritinya, pelajar baru yang mendaftar merupakan para pelajar yang baru memperolehi keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun semasa. Berdasarkan Laporan Kajian Semula Pengurusan (KSP) Kolej Komuniti Selandar dari 2017 sehingga 2019, lebih 80% pelajar-pelajar ini menerima tawaran kemasukan melalui Sistem Permohonan UPU. Ini bermaksud proses pemilihan dan penawaran pelajar melalui sistem ini dibuat tidak berdasarkan lokaliti calon pelajar.

Berdasarkan sumber data daripada Sistem E-Pelajar Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) (<https://mytvvet.edu.my/epelajar>) sekurang-kurangnya 90% daripada para pelajar ini berumur di antara 18 hingga 20 tahun. Para pelajar ini pula berasal dari seluruh pelosok negara dan kurang 20% sahaja berasal dari kawasan berhampiran kampus Kolej Komuniti Selandar. Sebagai contoh, berdasarkan sumber Laporan Soal Selidik Program Suai Kenal KKSL sesi Jun 2019, bagiambilan tersebut, seramai 95 daripada 114 orang pelajar (atau 83% daripada jumlah enrolmen) merupakan pelajar dari luar kawasan berhampiran. Kesemua 95 orang pelajar ini memerlukan kediaman penginapan berhampiran Kolej Komuniti Selandar. Bagi melancarkan pengurusan penyediaan kediaman penginapan kepada para pelajar ni, pihak pengurusan Kolej Komuniti Selandar telah membentuk Jawatankuasa Penempatan Pelajar dengan kerjasama Unit Pembangunan Pelajar dan Koperasi Kolej Komuniti Selandar Melaka Berhad.

### **c) Jawatankuasa Penempatan Pelajar Kolej Komuniti Selandar**

Jawatankuasa Penempatan Pelajar Kolej Komuniti Selandar ini ditubuhkan adalah bertujuan sebagai inisiatif pemudahcara bagi membantu para pelajar untuk mencari kemudahan penginapan sepanjang melanjutkan pelajaran di Kolej Komuniti Selandar. Melalui kolaborasi Unit Pembangunan Pelajar (dahulu dikenali Unit Hal Ehwal Pelajar) dan Koperasi Kolej Komuniti Selandar Melaka Berhad, jawatankuasa ini mempunyai beberapa skop pengurusan yang utama. Pertama, adalah mengenal pasti rumah kediaman yang bersesuaian untuk pelajar diami. Seterusnya, jawatankuasa ini menjadi badan perantara di antara pemilik rumah dan para pelajar. Hal ini merangkumi kutipan bayaran sewaan rumah, pengurusan penyelenggaraan rumah dan menguruskan pendaftaran dan aturan para pelajar bagi setiap rumah.

Jawatankuasa ini turut terlibat dalam pemantaun disiplin dan kebajikan penghuni dalam kalangan para pelajar ini. Bagi melancarkan proses-proses ini, setiap rumah yang diuruskan oleh Jawatankuasa Penempatan Pelajar ini, akan ditempatkan seorang pegawai pemantau atau *person in charge (PIC)* yang dianggotai oleh para pensyarah dan kakitangan Kolej Komuniti Selandar sendiri. Sehingga Januari 2020, terdapat 23 buah kediaman penginapan pelajar yang diuruskan oleh jawatankuasa ini. Pecahan kediaman penginapan ini adalah seperti berikut.

**Jadual 1: Pecahan bilangan pelajar mengikut kediaman penginapan**

KAWASAN PERUMAHAN	NO RUMAH	BIL. PELAJAR LELAKI	BIL. PELAJAR PEREMPUAN
Taman Jus Perdana	JB 5350	8	
	JB 5351	6	
	JB 5366		8
	JB 5378		8
	JB 5386	8	
	JB 5397	8	
	JB 5407	8	
	JB 5409	8	
	JB 5411	6	
	JB 5412	8	
	JB 5419	6	
	JB 5425	8	
	JB 5434		8
	JB 5437		8
	JB 5452	8	
	JB 5454	8	
	JB 5455	8	
	JB 5460	8	
	JB 5483		5
	JB 5493		7
Kampung Jus Permai	Lot 914		16
	Lot 125		12
	Lot 126		12
JUMLAH		108	84
JUMLAH KESELURUHAN		108 + 84 = 192 ORANG	

Berdasarkan jadual 1, jelas menunjukkan bilangan pelajar yang kini mendiami unit kediaman sewaan di bawah seliaan Jawatankuasa Penempatan ini adalah tinggi dan seimbang di antara kedua jantina pelajar. Bilangan ini juga sentiasa bertambah dari masa ke semasa selari dengan enrolmen pelajar baru setiap semester.

## **ISU PENEMPATAN PELAJAR KOLEJ KOMUNITI SELANDAR**

### **a) Sosiobudaya kejiiran**

Kedua-dua kawasan perumahan yang menempatkan kediaman penginapan para pelajar Kolej Komuniti Selandar ini merupakan kawasan kejiiran berkeluarga, di lokasi kategori luar bandar dan umumnya penduduk daripada golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Hal ini menjadi satu isu yang memberi cabaran kepada para pelajar khususnya yang terdiri daripada remaja berusia 18 hingga 20 tahun untuk menyesuaikan diri. Para pelajar yang kebanyakannya pertama kali berjauhan daripada keluarga ini terpaksa memulakan kehidupan bersama-sama rakan sebaya, telah memberikan impak yang ketara dalam kehidupan seharian mereka menurut kajian (Ismail, Muhamad Nasir and Mohd Noor, Norani, 2010). Pertembungan sikap, tahap toleransi dan semangat kejiiran yang kurang memuaskan telah menimbulkan banyak salah faham dan ketidakselesaan kepada kedua-dua belah pihak.

Pihak pengurusan Jawatankuasa Penempatan sering menerima aduan daripada pihak komuniti setempat dan juga para pelajar itu sendiri. Antara aduan yang biasa diterima daripada penduduk setempat adalah seperti para pelajar membuat bising, pergaulan antara

pelajar lelaki dan perempuan serta masalah sikap para pelajar yang tidak menghormati warga tempatan (Laporan Kajian Semula Pengurusan 2019, 2019). Sementara itu, bagi pihak pelajar pula, pihak jawatankuasa sering menerima aduan di mana para pelajar (perempuan) sering diganggu oleh penduduk tempatan, pencerobohan kawasan kediaman dan layanan kurang mesra komuniti. Isu-isu ini boleh menyebabkan institusi kejurangan serta profesionalisme pihak pengurusan terganggu dan memberi kesan yang negatif.

#### **b) Fizikal kediaman**

Memasuki tahun 2020 ini, usia struktur kediaman di kawasan perumahan ini, telah melangkaui 15 tahun. Dengan struktur perumahan kos rendah yang kebiasaannya adalah di tahap yang minima, keadaan fizikal unit-unit kediaman ini telah mula menurun dan memberikan masalah kepada para pelajar. Melalui Jawatankuasa Penempatan yang mempunyai keupayaan yang terhad, kerosakan yang muncul secara semulajadi ini telah menimbulkan masalah yang sukar diatasi. Tugas Jawatankuasa Penempatan adalah terhad pada dasarnya sebagai badan perantara di antara pelajar dan pemilik kediaman sahaja. Sebarang penambahbaikan fizikal kediaman pelajar ini adalah memerlukan persetujuan dan kos yang tinggi daripada pemilik kediaman itu sendiri. Proses birokrasi dan kadangkala tiada sefahaman antara ahli jawatankuasa dan pemilik kediaman telah memburukkan lagi keadaan dan menyumbang kepada penambahan masalah pengurusan sedia ada.

#### **c) Masalah pembayaran sewa**

Selain itu, masalah dalaman yang ketara di dalam pengurusan Jawatankuasa Penempatan ini adalah apabila para pelajar mempunyai masalah dalam pembayaran sewaan kediaman mereka. Antara faktor yang dikenal pasti adalah apabila para pelajar gagal menguruskan kewangan mereka dengan baik termasuk ibu bapa pelajar ini sendiri mempunyai masalah kewangan. Isu ini telah menyebabkan pihak Jawatankuasa Penempatan menghadapi cabaran yang besar dengan pihak pemilik kediaman yang disewa. Pelbagai usaha telah dijalankan oleh pihak pengurusan dalam mengatasi masalah ini. Namun, isu kewangan ini agak sensitif apabila diperdebatkan, terutamanya apabila melibatkan integriti dan tanggungjawab ibu bapa. Seandainya masalah ini berlarutan, ia bukan sahaja memberi kesan kepada sistem penempatan ini sendiri, malah turut memburukkan imej pengurusan tertinggi di mata masyarakat setempat.

#### **d) Kekurangan pilihan dan kapasiti kediaman**

Saban tahun, bilangan pelajar yang mendaftar di Kolej Komuniti Selandar adalah bertambah dan menunjukkan perkembangan positif (Laporan Hari Pendaftaran, 2017-2019). Namun, ia amat bercanggah dengan sistem pengurusan penempatan pelajar yang mempunyai bilangan unit kediaman yang terhad. Bermula tahun 2017, setiap unit kediaman di Taman Jus Perdana telah ditempatkan dengan lapan orang pelajar. Angka ini adalah tinggi jika dibandingkan kepada kapasiti selesa rumah kediaman ini. Namun begitu, langkah ini terpaksa dilaksanakan bagi menampung pertambahan bilangan pelajar yang tidak selari dengan jumlah unit rumah sedia ada. Bertempat di kawasan luar bandar, kawasan persekitaran Kolej Komuniti Selandar tidak menunjukkan perkembangan positif dalam penambahan perumahan kediaman baru yang kondusif. Hal ini seandainya berterusan akan memberi impak yang negatif kepada perkembangan Kolej Komuniti Selandar itu sendiri dan seterusnya menimbulkan pelbagai kesan luaran lain secara tidak langsung.

## **Kesimpulan**

Secara kesimpulan, Kolej Komuniti Selandar amat memerlukan kemudahan asrama yang sepenuhnya milik kerajaan dan dibawah pengurusan pihak kolej. Dengan adanya kemudahan asrama ini, ia bukan sahaja dapat menyelesaikan masalah kebajikan pelajar, malah langkah ini dapat memperbaiki hubungan di antara pelajar, pihak pengurusan dan komuniti setempat. Isu kurang kesefahaman di kalangan pelajar dan penduduk tempatan yang jika dibiarkan akan terus menjejaskan reputasi dan misi asal penubuhan Kolej Komuniti itu sendiri.

Kajian dan langkah-langkah rasmi akan terus dipertingkatkan dalam memastikan usaha pihak pengurusan ini dapat diketengahkan. Pihak Kolej Komuniti Selandar akan terus komited dalam merealisasikan impian ini. Semoga persekitaran yang kondusif yang diharapkan, mampu mencorak masyarakat yang lebih positif dan seterusnya menyumbang kepada kemajuan dan kemakmuran negara yang kita cintai ini.

## **Rujukan**

- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. (2008). *Dasar Perumahan Negara*. Suruhanjaya Perumahan Malaysia.
- Ismail, Muhamad Nasir and Mohd Noor, Norani. (2010). *Kesan Berjauhan Daripada Keluarga Terhadap Amalan Pembelajaran Pelajar IPT*. Majlis Dekan Pendidikan IPTA.
- Unit Pembangunan Pelajar. (2019). *Laporan Soal Selidik Program Suaikenal KKSL Sesi Jun 2019*. Kolej Komuniti Selandar.
- Unit Pengambilan Pelajar. (2017-2019). *Laporan Hari Pendaftaran Pelajar*. Kolej Komuniti Selandar.
- Unit Kualiti Kolej Komuniti Selandar. (2019). *Laporan Kajian Semula Pengurusan 2019*. Kolej Komuniti Selandar.
- Bahagian Pembangunan Pelajar. (2012). *Garis Panduan Pengurusan Hal Ehwal Pelajar Kolej Komuniti*. Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti.
- Unit Penerangan Kolej Komuniti Selandar. (2013). *Laporan Sedekad KKSL*. Kolej Komuniti Selandar.
- Unit Akreditasi - MQA. (2020). *Handbook Pelajar Kolej Komuniti Selandar*. Kolej Komuniti Selandar.
- Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti. (2019). *E-Pelajar Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK)* daripada <https://mytvvet.edu.my/epelajar>.
- Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti. (2020). *Pengenalan dan Maklumat Korporat (JPPKK)* daripada <https://www.mypolycc.edu.my>
- Bahagian Pendidikan Vokasional. (2007). *Maklumat Am Kolej Komuniti*. Kementerian Pendidikan Malaysia daripada <https://www.moe.gov.my>
- Artikel. (2020). *Kolej Komuniti vs Universiti*. daripada <https://ms.bccrwp.org>

# **PENGGUNAAN KOD RESPONS PANTAS (KOD QR) BAGI AKTIVITI PROMOSI PENGAMBILAN PELAJAR**

**NOOR SUHAINA BT. ABD AZIS, MOHD KHAIROL NIZAM B. MOHD ANUAR, MOHD ISKANDAR B. MOHD YATIM**  
Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka

## **Abstrak**

*Kod QR adalah sejenis kod bar generasi kedua. Ia merupakan sejenis penyimbolan dua dimensi yang telah dibangunkan oleh sebuah syarikat Jepun iaitu Denso Wave dan telah dikeluarkan pada tahun 1994. Kod QR dapat menyimpan maklumat lebih banyak daripada kod bar UPC biasa kerana ia mengandungi maklumat secara menegak serta mendatar. Kod ini terdiri daripada modul hitam (titik segi empat) disusun dalam pola segi empat pada latar putih. Penggunaan kod QR membolehkan maklumat dihantar dari dunia fizikal ke alat mudah alih. Proses pengambilan pelajar sepenuh di Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka (KKBBM) dibuat dua kali setahun iaitu pada ambilan Julai dan Disember. Aktiviti-aktiviti promosi pula dijalankan pada sepanjang tahun mengikut pada tarikh yang dirancang di dalam takwim akademik KKBBM dan berdasarkan jemputan dari pihak luar sekitar negeri Melaka. Ambilan perdana ke KKBBM lazimnya berlaku pada ambilan Jun iaitu selaras dengan penawaran oleh UPU. Sebelum ambilan perdana ini berlangsung, para pensyarah dan staf akan ditugaskan untuk mengadakan promosi ke sekolah-sekolah sekitar negeri Melaka apabila keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) diumumkan. Sambutan yang amat menggalakkan pada waktu ini seringkali menyukarkan proses pengisian permohonan pelajar baharu kerana faktor kesuntukan masa dan kekangan bilangan borang permohonan yang dibawa ke aktiviti promosi ini. Justeru, Unit Pembangunan Pelajar KKBBM telah mengambil inisiatif dengan membangunkan sistem rekod pengumpulan data dengan menggunakan Kod QR selaras dengan pernyataan Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam (PKPA) yang menggalakkan penjimatan kos dan masa.*

**Kata kunci:** *Kod QR, Pengambilan Pelajar, PKPA*

## **Pengenalan**

Aktiviti promosi yang kerap diadakan dalam setahun seringkali menyukarkan pihak pengurusan dan staf KKBBM untuk merekod data permohonan pelajar baharu. Kaedah konvensional yang digunakan iaitu pengisian borang permohonan secara manual memakan masa yang agak lama selain menggunakan kos yang tinggi. Selain itu, keciciran borang permohonan yang telah diisi oleh calon pelajar juga telah memberi kesan kepada norma ambilan pelajar. Justeru, penggunaan Kod QR dalam permohonan kemasukan ke KKBBM amatlah membantu mengatasi masalah-masalah ini. Fokus kajian adalah kepada pegawai dan staf Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka yang telah mengikuti aktiviti promosi kemasukan sempena pengumuman keputusan SPM 2018 di sekolah sekitar negeri Melaka.



**Rajah 1: Kelebihan Menggunakan Kod QR**

### **Kajian Literatur**

Proses pengambilan pelajar sepenuh di Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka dibuat dua kali setahun iaitu pada ambilan Jun dan Disember. Aktiviti-aktiviti promosi pula dijalankan pada sepanjang tahun mengikut pada tarikh yang dirancang di dalam takwim akademik KKBBM dan berdasarkan jemputan dari pihak luar sekitar negeri Melaka. Ambilan perdana ke KKBBM lazimnya berlaku pada ambilan Jun iaitu selaras dengan penawaran oleh UPU. Sebelum ambilan perdana ini berlangsung, para pensyarah dan staf akan ditugaskan untuk mengadakan promosi ke sekolah-sekolah sekitar negeri Melaka apabila keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) diumumkan. Sambutan yang amat menggalakkan pada waktu ini seringkali menyukarkan proses pengisian permohonan pelajar baharu kerana faktor kesuntukan masa dan kekangan bilangan borang permohonan yang dibawa ke aktiviti promosi ini. Justeru, Unit Pembangunan Pelajar KKBBM telah mengambil inisiatif dengan membangunkan sistem rekod pengumpulan data dengan menggunakan Kod QR selaras dengan pernyataan Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam (PKPA) yang menggalakkan penjimatan kos dan masa.

Penggunaan Kod QR dibangunkan bertujuan untuk melihat manfaat yang boleh didapati ketika aktiviti promosi kemasukan dan seterusnya memudahkan pengumpulan data permohonan kemasukan pelajar baharu ke Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka. Kod QR merupakan singkatan daripada perkataan *Quick Response Code* kerana dapat menterjemah isi kandungan Kod QR dengan cepat. Fungsi utama Kod QR ialah mengubah data bertulis ke dalam bentuk kod dua dimensi yang kecil dan ringkas. Perkembangan teknologi pintar ketika ini menggalakkan lagi penggunaan Kod QR dalam pelbagai bidang termasuk dalam bidang pendidikan. Kamera telefon pintar dapat digunakam untuk membaca isi kandungan Kod QR menerusi aplikasi Kod QR *Reader*, Rouillard, (2008), [1].

Penggunaan Kod QR juga boleh menghasilkan pelbagai statistik dan laporan berdasarkan maklumat yang telah direkod atau tersimpan di dalam sistem ini. Tambahan pula, sistem ini dibangunkan untuk menggantikan cara manual untuk menyimpan data permohonan kemasukan pelajar dan menambahbaik kaedah permohonan kemasukan pelajar yang sedia ada. Dengan perkembangan pesat teknologi maklumat pada masa ini, penggunaan komputer semakin meluas, begitu juga dengan telefon bimbit yang semakin hari semakin canggih dilengkapi dengan warna, resolusi yang tinggi, akses tanpa wayar dan pemprosesan berkelajuan tinggi. Teknologi ini dapat memberikan motivasi kepada calon dan digunakan pada bila-bila masa dan keadaan. Antara kelebihan teknologi ini adalah fleksibel, murah, saiz yang kecil dan mesra pengguna.

Menurut Massis, (2011), [2], aspek praktikal yang terdapat pada aplikasi Kod QR adalah aplikasi ini boleh dimuat turun secara percuma ke dalam *mobile device*. Pengguna hanya perlu mencari kata kunci seperti Kod *QR Reader* dan pelbagai pilihan aplikasi pengimbas boleh di muat turun oleh pengguna. Pengguna hanya perlu menekan butang aplikasi pada skrin peranti pintar dan mengimbas Kod QR yang boleh didapati secara percuma.

### **Kaedah Penyelidikan**

Pendekatan kuantitatif telah digunakan dalam kajian ini bagi mengenal pasti tahap pemahaman dan penerimaan penggunaan Kod QR ketika aktiviti promosi kemasukan ke Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka. Kaedah pengumpulan data yang digunakan untuk kajian ini adalah kaedah soal selidik kerana menurut Sabitha Marican, (2005), [3], penggunaan soal selidik adalah lebih berkesan dan juga praktikal kerana penggunaannya dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran maklum balas yang diberikan sampel. Hal ini adalah disebabkan ia tidak dipengaruhi oleh gerak laku penyelidik. Populasi kajian melibatkan 40 orang pegawai dan staf yang terlibat dalam aktiviti promosi kemasukan ke Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka sempena pengumuman keputusan SPM 2018 di sekolah sekitar negeri Melaka. Saiz sampel yang dipilih bagi mewakili populasi adalah seramai 37 orang responden sebagaimana yang dicadangkan dalam Jadual Krecie dan Morgan (1970), [4]. Soal selidik yang digunakan untuk kajian ini telah diadaptasi daripada soalan kajian yang dibangunkan oleh Mohammad Hafiz Zaini dan Saedah Siraj (2016), [5]. Soal selidik terdiri daripada 15 soalan dengan darjah persetujuan. Di samping itu juga, soalan tertutup lebih mudah kerana keseragaman jawapan daripada responden dan ia lebih mudah untuk dianalisis. Borang soal selidik ini menggunakan skala Likert 5 mata. Ketepatan kajian ini bergantung kepada keterbukaan responden dalam memberikan jawapan mereka secara ikhlas dan jujur tanpa sebarang prejudis.

Bagi menguji kebolehpercayaan dan kesahahan soal selidik yang dibina, sebanyak 15 borang soal selidik diedarkan sebelum kajian kepada 15 orang pegawai yang telah mengikuti aktiviti promosi sebelumnya untuk memastikan item soalan yang dibangunkan mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi atau sebaliknya. Seterusnya ujian *Alpha Cronbach* telah dijalankan dengan menggunakan perisian *Statistic Packages for the Social Sciences (SPSS)* versi 23.0 Menurut Ghazali (2011), [6], nilai alpha yang melebihi nilai 0.70 menunjukkan soal selidik sesuai digunakan sebagai instrumen kajian.

### **Interpretasi Tahap**


Bagi mengukur tahap kompetensi bagi konstruk kelebihan dan kefahaman penggunaan Kod QR, analisis deskripsi dilakukan dengan merujuk jadual skor min dan interpretasi tahap yang dicadangkan oleh Kamarulzaman (2009).



## Dapatan dan Perbincangan

### a) Demografi Responden

Rajah menunjukkan peratus demografi responden. Secara keseluruhannya, seramai 37 orang responden telah terlibat dalam kajian ini. Berikut adalah pecahan responden yang menggunakan Kod QR.



Rajah 2: Demografi Responden

### b) Manfaat Penggunaan Kod QR

Menerusi dapatan kajian dan analisa yang telah dibuat, didapati bahawa responden memberi maklum balas yang positif terhadap manfaat penggunaan Kod QR ketika aktiviti promosi dilakukan dengan kecenderungan tinggi iaitu purata min 4.5367. Item d) Aktiviti promosi lebih menjimatkan kos berbanding penggunaan borang manual/konvensional mempunyai nilai skor min paling tinggi iaitu 4.6212, selaras dengan pernyataan Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam (PKPA) yang menggalakkan penjimatan kos dan masa. Manakala item g) Penggunaan pengimbas Kod QR adalah mengujakan menunjukkan nilai skor min paling rendah iaitu 4.4054. Penggunaan Kod QR menjamin data yang diperolehi berbanding penggunaan kaedah konvensional. Ini kerana data yang diperolehi disimpan secara elektronik dapat mengelakkan berlakunya kehilangan data seperti kecaciran. Hal ini disokong dengan item f apabila memperoleh skor min yang sangat tinggi iaitu 4.5135.



**Rajah 2: Kelebihan Penggunaan Kod QR**

### **Kesimpulan**

Dapatan kajian ini secara keseluruhannya menunjukkan bahawa penggunaan Kod QR ketika aktiviti kemasukan ke Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka memberi manfaat yang tinggi kepada pegawai dan staf yang terlibat. Kajian ini memberi petunjuk bahawa penggunaan Kod QR juga memudahkan aktiviti promosi selain meminimalkan penggunaan peralatan promosi konvensional yang melibatkan penggunaan kertas yang banyak. Penggunaan Kod QR juga adalah mesra pengguna dan mudah untuk difahami dan digunakan oleh pegawai dan staf. Oleh hal yang demikian, pengkaji mencadangkan agar penggunaan Kod QR ketika aktiviti promosi perlu diteruskan kerana ianya memberi manfaat kepada pegawai dan staf Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka. Namun begitu, kajian ini lebih tertumpu kepada maklum balas penggunaan Kod QR. Bagi membuktikan bahawa ianya memberi kesan yang optimum, kajian perbandingan keberkesanan kaedah konvensional dan penggunaan Kod QR perlu dilaksanakan untuk membuktikan maklum balas positif.

### **Rujukan**

- J. Rouillard. (2008). *Contextual QR codes*. (pp. 50-55).
- B. E. Massis. (2011). *QR Codes in the Library*. **112**. (9/10), 466-469.
- R. V. Krejcie, D. W. Morgan. (1970). *Determining Sample Size for Research Activities*. **30**, 607-610.
- M. H. Zaini, S. Siraj. JuKu UM. (2016). *Kebolehlaksanaan Penggunaan Kod Quick Response Terhadap Pembelajaran Herba Kesihatan Dalam Kalangan Pelajar Institut Pengajian Tinggi Di Malaysia*. **4 No 2**, 20-30.
- I. Ghozali. (2011). *Aplikasi Analisis Multivariate dengan Program SPSS*.
- K. Moidunny. (2009). *Keberkesanan Program Kelayakan Profesional Keperawatan Kebangsaan (NPQH)*. Tesis Doktor Falsafah.
- Kerajaan Malaysia. *Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 1 Tahun 1999*. Dimuat turun pada 30 Januari 2020 daripada <https://www.mampu.gov.my/ms/pekeliling/category/58-1999>

# KEBERKESANAN PENGGUNAAN KIT PdP PENCAHAYAAN & BAYANGAN GRAFIK SENI BINA

NOR SAMSI LA BINTI ISMAIL, MUHAMMAD SYAWAL BIN YAAKOB  
Kolej Komuniti Jempol

## Abstrak

*Kit PdP Pencahayaan & Bayangan Grafik Seni Bina ini merupakan alat yang dihasilkan bagi memudahkan dan menyelesaikan permasalahan yang dihadapi oleh pelajar Sijil Teknologi Senibina yang mempelajari subjek Grafik Senibina. Masalah utama yang dihadapi adalah apabila pelajar sukar untuk memahami konsep bagaimana bayang- bayang terbentuk dan bagaimana untuk melakar bentuk bayang- bayang tersebut. Keadaan ini menjadikan pensyarah yang mengajar subjek Grafik Seni Bina untuk membawa lampu suluh ke dalam kelas bagi menunjukkan bagaimana bayang- bayang terbentuk dan memberi kefahaman kepada pelajar. Dengan adanya kit ini, ianya memudahkan pensyarah yang mengajar dan menambahkan pemahaman pelajar terhadap topik Pencahayaan & Bayangan. Hasil kajian ini didapati; sebelum menggunakan kit PdP, sebanyak 65% pelajar kurang memahami bentuk bayangan yang dihasilkan oleh objek. Tetapi selepas menggunakan kit ini, ianya dapat membantu pelajar untuk memahami pembentukan bayang- bayang dengan peratusan sebanyak 83%.*

**Kata kunci:** Cahaya, Bayang, Pelajar dan Kit PdP Pencahayaan dan Bayangan

## Pendahuluan

Alat bantu mengajar (ABM) yang mana juga dikenali sebahagian daripada media pengajaran ditakrifkan sebagai audio visual dan bahan-bahan yang berkaitan dengannya yang berfungsi dalam pelaksanaan sesuatu pengajaran (Sallehin, Halim, Pendidikan, Tun, & Onn, 2015). Demi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dengan lancar, Alat Bantu Mengajar (ABM) amat penting bagi pendidik untuk memastikan pengajaran yang disampaikan dapat diikuti dengan baik oleh pelajar. ABM yang berkesan mampu untuk meningkatkan tahap pemahaman pelajar seterusnya dapat menjamin peningkatan penguasaan pelajar dalam pembelajaran yang disampaikan di dalam kelas.

## Kit PdP Pencahayaan & Bayangan Grafik Seni Bina

Kit ini digunakan sebagai ABM bagi subjek Grafik Senibina dalam topik lakaran bagi subjek STS 1025 - Grafik Seni Bina. Dalam modul ini terdapat sub-topik Pencahayaan & Bayangan. Maka, kit ini boleh digunakan sebagai ABM bagi topik tersebut. Kit ini berbentuk sebuah kotak yang di dalamnya terdapat sebiji lampu LED yang berfungsi untuk pencahayaan. Di bahagian tengah kotak tersebut boleh diletakkan sebarang objek yang mewakili bentuk contohnya model bangunan, manusia, pokok dan sebagainya. Lampu LED tersebut boleh dilaraskan kedudukannya mengikut tahap yang dikehendaki supaya cahaya yang terhasil terpancar ke arah objek dan menghasilkan bayang- bayang yang dikehendaki dan pelajar akan diarahkan untuk melakar objek berserta dengan bayang-bayang tersebut. Oleh itu, pelajar tidak mengalami masalah dalam membayangkan objek dan bayang-bayang yang terhasil daripada pantulan cahaya.

### **Pernyataan Masalah**

Bagi topik Pencahayaan & Bayangan, pelajar menghadapi masalah untuk memahami konsep bagaimana bayang- bayang terbentuk secara visual (Ismail, 2015) dan bagaimana untuk melakar bentuk bayang- bayang tersebut. Untuk menghasilkan suatu reka bentuk yang menarik, pelajar memerlukan kemahiran kognitif, memori dan persepsi yang baik.(Ramlie, Tahir, & Mohd Shuib, 2018) Selain itu ABM yang bersesuaian diperlukan untuk mengajar topik ini. Ini memaksa pensyarah yang mengajar subjek Grafik Seni Bina membawa lampu suluh ke dalam kelas untuk menunjukkan bagaimana bayang- bayang terbentuk dan memberi kefahaman kepada pelajar. Skop kajian adalah pelajar STS Semester 1 yang mengambil subjek STS 1025 - Grafik Senibina.

### **Objektif**

- i. Memudahkan pelajar untuk memahami konsep pencahayaan dan bayangan di dalam subjek STS 1025 - Grafik Senibina
- ii. Membantu pelajar dalam memberi gambaran bayangan objek secara visual.
- iii. Membantu pelajar untuk melakar lakaran bayangan dengan lebih mudah.

### **Metodologi**


Proses pembinaan kit ini adalah menggunakan '*Acrylic Box*' bagi menghasilkan kotak seperti saiz yang diinginkan. Lampu LED pula digunakan bagi tujuan pencahayaan. Manakala objek seperti manusia, pokok dan bangunan digunakan bagi menghasilkan bayangan Rujuk Rajah 1.



**Rajah 1: Kit PdP Pencahayaan & Bayangan Grafik Senibina**

#### 4.1 Bahan dan Alatan

Bahan dan Alatan	Gambar
'Acrylic Box'	
Lampu 'LED'	
Peralatan Memotong dan Menampal (Gam, Pisau, Pembaris, <i>Cutting Mat</i> dan <i>Masking Tape</i> )	
Model Bangunan/ Pokok/ Kotak	  
Pembaris	



### Impak Inovasi

Kesan daripada penggunaan Kit PdP Pencahayaan dan Bayangan Grafik Senibina sebagai ABM di dalam kelas ini, kami dapati objektif inovasi yang dilakukan ini dapat dicapai dengan jayanya iaitu:

- i. Pelajar dapat memahami konsep pencahayaan dan bayangan.
- ii. Pelajar dapat memahami gambaran secara visual dengan betul.
- iii. Pelajar dapat memahami dan melakar bayangan dengan teknik yang betul.

### Analisa Data Tahap Keberkesanan

Maklum balas pelajar dalam pelaksanaan penggunaan Kit PdP adalah menggunakan borang maklum balas yang diedarkan pada setiap pelajar.

- i. Analisa data yang pertama adalah penggunaan alat bantu mengajar (Kit PdP Pencahayaan & Bayangan) membantu pelajar meningkatkan kefahaman teknik penghasilan bayang.
- ii. Analisa data yang kedua adalah penggunaan alat bantu mengajar (Kit PdP Pencahayaan & Bayangan) menarik minat pelajar untuk melakar lakaran bayangan.
- iii. Analisa data yang ketiga adalah penggunaan alat bantu mengajar (Kit PdP Pencahayaan & Bayangan) dapat membantu pelajar memahami tentang pembentukan bayang- bayang .
- iv. Analisa data yang keempat adalah penggunaan alat bantu mengajar (Kit PdP Pencahayaan & Bayangan) dapat memberi pelajar gambaran secara visual
- v. Analisa data yang kelima adalah pensyarah subjek Grafik Senibina berjaya menghidupkan suasana pembelajaran melalui kaedah ini

Analisa data yang pertama adalah penggunaan alat bantu mengajar (Kit PdP Pencahayaan & Bayangan) membantu pelajar meningkatkan kefahaman teknik penghasilan bayang.

**Jadual 1: Tahap pemahaman pelajar mengenai penghasilan bayang sebelum menggunakan Kit PdP Pencahayaan & Bayangan**

Alternatif jawapan	Sebelum	
	Jumlah	Peratus
Sangat setuju	0	0
Setuju	0	0
Kurang setuju	13	57%
Tidak setuju	9	39%
Sangat tidak setuju	1	4%
Total	23 pelajar	100%

**Jadual 2: Tahap pemahaman pelajar mengenai penghasilan bayang selepas menggunakan Kit PdP Pencahayaan & Bayangan**

Selepas		
Alternatif jawapan	Jumlah	Peratus
Sangat setuju	19	83%
Setuju	4	17%
Kurang setuju	0	0
Tidak setuju	0	0
Sangat tidak setuju	0	0
Total	23 pelajar	100%

Jadual 1 menunjukkan kekerapan tahap pemahaman pelajar mengenai penghasilan bayang sebelum menggunakan Kit PdP Pencahayaan & Bayangan Grafik Seni Bina. Jadual tersebut didapati majoriti pelajar adalah kurang bersetuju dalam membantu meningkatkan kefahaman teknik penghasilan bayang dengan peratusan 57% atau bersamaan dengan 13 orang pelajar.

Manakala bagi jadual 2 pula, ia menunjukkan kekerapan tahap pemahaman pelajar mengenai penghasilan bayang selepas menggunakan Kit PdP Pencahayaan & Bayangan Grafik Seni Bina. Daripada jadual tersebut didapati majoriti pelajar adalah pada tahap sangat setuju dalam membantu meningkatkan kefahaman teknik penghasilan bayang dengan peratusan 83% atau bersamaan dengan 19 orang pelajar. Analisis data Penggunaan alat bantu mengajar (Kit PdP Pencahayaan & Bayangan) menarik minat pelajar untuk melakar lakaran bayangan.

**Jadual 3: Tahap menarik minat pelajar untuk melakar lakaran bayangan sebelum menggunakan Kit PdP Pencahayaan & Bayangan**

SEBELUM		
Alternatif jawapan	Jumlah	Peratus
Sangat setuju	0	0
Setuju	0	0
Kurang setuju	1	4%
Tidak setuju	8	35%
Sangat tidak setuju	14	61%
Total	23 pelajar	100%

**Jadual 4: Tahap menarik minat pelajar untuk melakar lakaran bayangan selepas menggunakan Kit PdP Pencahayaan & Bayangan**

Selepas		
Alternatif jawapan	Jumlah	Peratus
Sangat setuju	21	91%
Setuju	2	9%
Kurang setuju	0	0
Tidak setuju	0	0
Sangat tidak setuju	0	0
Total	23 pelajar	100%

Jadual 3 menunjukkan kekerapan tahap menarik minat pelajar untuk melakar lakaran bayangan sebelum menggunakan Kit PdP Pencahayaan & Bayangan Grafik Seni Bina. Daripada Jadual tersebut didapati majoriti pelajar adalah sangat tidak setuju dalam membantu meningkatkan minat pelajar untuk melakar lakaran bayangan dengan peratusan 61% atau bersamaan dengan 14 orang pelajar.

Manakala bagi jadual 4 pula, ia menunjukkan kekerapan tahap menarik minat pelajar untuk melakar lakaran bayangan selepas menggunakan Kit PdP Pencahayaan & Bayangan Grafik Seni Bina. Daripada jadual tersebut didapati majoriti pelajar adalah pada tahap sangat setuju dalam membantu menarik minat pelajar untuk melakar lakaran bayangan dengan peratusan 91% atau bersamaan dengan 21 orang pelajar.

6.3 Analisis data Penggunaan alat bantu mengajar (Kit PdP Pencahayaan & Bayangan) dapat membantu pelajar memahami tentang pembentukan bayang- bayang

**Jadual 5: Tahap pemahaman pelajar memahami pembentukan bayang-bayang sebelum menggunakan Kit PdP Pencahayaan & Bayangan**

Sebelum		
Alternatif jawapan	Jumlah	Peratus
Sangat setuju	0	0
Setuju	0	0
Kurang setuju	3	12.9%
Tidak setuju	5	22%
Sangat tidak setuju	15	65%
Total	23 pelajar	100%



**Jadual 6: Tahap pemahaman pelajar memahami pembentukan bayang-bayang selepas menggunakan Kit PdP Pencahayaan & Bayangan**

Alternatif jawapan	Selepas	
	Jumlah	Peratus
Sangat setuju	19	83%
Setuju	4	17%
Kurang setuju	0	0
Tidak setuju	0	0
Sangat tidak setuju	0	0
Total	23 pelajar	100%

Jadual 5 menunjukkan kekerapan tahap pemahaman pelajar memahami pembentukan bayang-bayang sebelum menggunakan Kit PdP Pencahayaan & Bayangan Grafik Seni Bina. Jadual tersebut didapati majoriti pelajar adalah sangat tidak setuju dalam membantu pelajar memahami pembentukan bayang-bayang dengan peratusan 65% atau bersamaan dengan 15 orang pelajar.

Manakala bagi jadual 6 pula, ia menunjukkan kekerapan tahap pemahaman pelajar memahami pembentukan bayang-bayang selepas menggunakan Kit PdP Pencahayaan & Bayangan Grafik Seni Bina. Daripada jadual tersebut didapati majoriti pelajar adalah pada tahap sangat setuju bahawa Kit PdP Pencahayaan & Bayangan Grafik Seni Bina dapat membantu pelajar untuk memahami pembentukan bayang-bayang dengan peratusan 83% atau bersamaan dengan 19 orang pelajar

6.4 Analisis data Penggunaan alat bantu mengajar (Kit PdP Pencahayaan & Bayangan) dapat memberi pelajar gambaran secara visual.

**Jadual 7: Tahap pelajar dapat memberi gambaran secara visual sebelum menggunakan Kit PdP Pencahayaan & Bayangan**

Alternatif jawapan	Sebelum	
	Jumlah	Peratus
Sangat setuju	0	0
Setuju	1	4%
Kurang setuju	4	17%
Tidak setuju	4	1%
Sangat tidak setuju	14	61%
Total	23 pelajar	100%

**Jadual 8: Tahap pelajar dapat memberi gambaran secara visual selepas menggunakan Kit PdP Pencahayaan & Bayangan**

Selepas		
Alternatif jawapan	Jumlah	Peratus
Sangat setuju	17	74%
Setuju	6	26%
Kurang setuju	0	0
Tidak setuju	0	0
Sangat tidak setuju	0	0
Total	23 pelajar	100%

Jadual 7 menunjukkan tahap kekerapan sebelum menggunakan Kit PdP Pencahayaan & Bayangan Grafik Seni Bina dapat memberi gambaran secara visual kepada pelajar. Jadual tersebut didapati majoriti pelajar adalah sangat tidak setuju menyatakan bahawa dapat memberi gambaran secara visual kepada pelajar dengan peratusan 61% atau bersamaan dengan 14 orang pelajar.

Manakala bagi jadual 8 pula, ia menunjukkan kekerapan tahap memberi gambaran secara visual kepada pelajar selepas menggunakan Kit PdP Pencahayaan & Bayangan Grafik Seni Bina. Jadual tersebut didapati majoriti pelajar adalah pada tahap sangat setuju bahawa Kit PdP Pencahayaan & Bayangan Grafik Seni Bina dapat membantu mereka memberi gambaran secara visual dengan peratusan 74% atau bersamaan dengan 17 orang pelajar.

6.5 Analisis data Pensyarah Berjaya menghidupkan suasana pembelajaran melalui kaedah Kit PdP bagi subjek Grafik Seni Bina.

**Jadual 9: Tahap pensyarah dapat menghidupkan suasana pembelajaran sebelum menggunakan Kit PdP Pencahayaan & Bayangan**

Sebelum		
Alternatif jawapan	Jumlah	Peratus
Sangat setuju	0	0
Setuju	0	0
Kurang setuju	0	0
Tidak setuju	7	31
Sangat tidak setuju	16	69%
Total	23 pelajar	100%

**Jadual 10: Tahap pensyarah dapat menghidupkan suasana pembelajaran selepas menggunakan Kit PdP Pencahayaan & Bayangan**

SELEPAS		
ALTERNATIF JAWAPAN	JUMLAH	PERATUS
SANGAT SETUJU	19	83%
SETUJU	4	17%
KURANG SETUJU	0	0
TIDAK SETUJU	0	0
SANGAT TIDAK SETUJU	0	0
TOTAL	23 PELAJAR	100%

Jadual 9 menunjukkan tahap kekerapan sebelum menggunakan Kit PdP Pencahayaan & Bayangan Grafik Seni Bina dapat membantu pensyarah menghidupkan suasana pembelajaran kepada mereka. Jadual tersebut didapati majoriti pelajar adalah sangat tidak setuju dengan peratusan 69% atau bersamaan dengan 16 orang pelajar.

Manakala bagi jadual 10 pula, ia menunjukkan kekerapan tahap dapat menghidupkan suasana pembelajaran kepada pelajar selepas menggunakan Kit PdP Pencahayaan & Bayangan Grafik Seni Bina. Jadual tersebut didapati majoriti pelajar adalah pada tahap sangat setuju bahawa Kit PdP Pencahayaan & Bayangan Grafik Seni Bina dapat membantu pensyarah menghidupkan suasana pembelajaran kepada pelajar dengan peratusan 83% atau bersamaan dengan 19 orang pelajar.

### **Kesimpulan**

Secara kesimpulannya, pelaksanaan projek inovasi ini berjalan dengan lancar seperti yang dirancang dan memudahkan pelajar untuk memahami konsep pencahayaan dan bayangan. Selain daripada itu, kit PdP ini dapat membantu pelajar dalam memberi gambaran secara visual dan membantu pelajar untuk teknik melakar lakaran bayangan. Pada masa yang sama, projek inovasi yang dinamakan Kit PdP Pencahayaan & Bayangan Grafik Seni Bina ini telah berjaya mencapai matlamat yang diimpikan dengan jayanya. Namun begitu, Kit PdP Pencahayaan & Bayangan Grafik Seni Bina ini masih lagi boleh ditambah baik pada masa akan datang bagi memaksimumkan lagi penggunaannya dalam PdP.

### **Rujukan**

- Abdul Rahim Abdul Rashid, Abdul Azizi Abdul Talib, Abdul Ghafar Md Din Mohamada Harun (1992). Panduan Latihan Mengajar. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Mohd Majid Konting (2015). Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ismail, F. B. (2015). *KEMAHIRAN MENVISUALISASI RUANG DALAM KALANGAN PELAJAR BAGI MATA PELAJARAN PENDIDIKAN SENI VISUAL*. 49(23–6), 23–34.
- Ramlie, M. K., Tahir, H. M., & Mohd Shuib, A. S. (2018). Kepentingan Imajinasi dan Persepsi Dalam Merekabentuk Imej 3D. *Ideology*, 3(2) 110-120, 3(November), 110–120.
- Sallehin, S. A., Halim, A., Pendidikan, F., Tun, U., & Onn, H. (2015). Penggunaan alat bahan bantu mengajar berasaskan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran di Sekolah Menengah Zon Benut. *Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*, 1–7.

# KAEDAH PEMASARAN TEKNOKAFE “GOAT2GO FARM”

NAZUHA BINTI MOHD ZAHARI  
Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka

## Abstrak

*Sejajar dengan pembangunan teknologi maklumat yang pesat, banyak pembaharuan dan perlaksanaan yang boleh dilakukan oleh peniaga makanan dan minuman untuk memasarkan produk makanan dan minuman yang dijual. Begitu juga dengan Teknokafe “Goat2Go Farm”, yang terletak di MAEPS, Seri Kembangan. Beberapa kaedah pemasaran telah digunakan oleh Teknokafe “Goat2Go Farm” untuk memasarkan produk kambing perap mereka yang merupakan menu utama di Teknokafe “Goat2Go” Farm, MAEPS. Memilih kaedah pemasaran yang betul adalah sangat penting agar pihak “Goat2Go Farm” dapat mempengaruhi pengguna untuk membeli produk makanan dan minuman yang disediakan. Selain daripada itu, melalui penulisan ini juga, diharapkan agar pelanggan sedar akan kewujudan Teknokafe “Goat2Go” Farm.*

**Kata kunci:** *Kaedah Pemasaran, Promosi, Makanan dan Minuman*

## Pengenalan

Pemasaran merupakan elemen yang penting dalam sesebuah perniagaan termasuk perniagaan yang melibatkan makanan dan minuman. Strategi pemasaran yang berjaya akan dapat menarik bakal pelanggan menggunakan produk atau menikmati perkhidmatan yang ditawarkan, seterusnya dapat meningkatkan jualan dan keuntungan perniagaan (Kotler dan Keller, 2009).

Lazimnya, pelanggan cenderung membeli produk yang mempunyai jenama yang terkenal dan kukuh di pasaran. Aktiviti pemasaran pula sinonim dengan syarikat-syarikat yang besar dan terkenal. Dalam industri makanan dan minuman, syarikat gergasi Mc.Donalds dan KFC menjadi contoh terbaik dalam strategi pemasaran produk makanan dan minuman mereka. Sebaliknya, melalui tinjauan secara umum, produk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) kurang mendapat sambutan di pasaran.

Oleh itu, kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji strategi pemasaran pakej kambing perap di Teknokafe “Goat2Go Farm”, yang terletak di MAEPS, Seri Kembangan, Selangor.

## Latar belakang masalah

Kajian ini dilaksanakan atas beberapa masalah yang dijangka dihadapi oleh pihak pemasaran di Teknokafe “Goat2Go”, Farm MAEPS iaitu:

- i. Kurang kesedaran pelanggan terhadap produk dan pakej kambing perap yang boleh didapati di Teknokafe “Goat2Go” Farm, MAEPS.
- ii. Pelanggan lebih cenderung untuk membeli produk yang mempunyai jenama yang terkenal dan kukuh di pasaran.

## Objektif

Objektif umum kajian ini dijalankan adalah bagi mengkaji strategi pemasaran pakej kambing perap dan produk makanan dan minuman di Teknokafe “Goat2Go” Farm, yang terletak di MAEPS, Seri Kembangan, Selangor. Manakala secara khusus, kajian ini akan menfokus kepada:

- i. Mengetahui strategi pemasaran yang digunakan oleh Teknokafe “Goat2Go” Farm untuk memasarkan produk dan pakej kambing perap yang merupakan menu utama mereka.
- ii. Mengetahui faktor yang mempengaruhi pelanggan untuk membeli produk makanan dan minum.

## Metodologi kajian

Dalam mencapai objektif kajian, kaedah kuantitatif iaitu kaedah siasatan menggunakan borang kaji selidik digunakan.

## Lokasi Dan Persampelan Data

Lokasi persampelan data ialah di Teknokafe “Goat2Go” Farm, Jalan MAEPS 4/3, 43400 Seri Kembangan, Selangor. Sebanyak 40 orang pelanggan yang pernah membeli produk kambing perap di lokasi ini diberikan borang kaji selidik bagi mengumpulkan maklumat dan data yang diperlukan.

## Kaedah Pengumpulan Data

### Kaedah *Primary*

Dalam kajian ini data dikumpulkan dengan menggunakan kaedah *primary* iaitu kaedah analisis dari borang kaji selidik yang telah diedarkan kepada pelanggan Teknokafe “Goat2Go” Farm. Responden telah diberikan borang kaji selidik menerusi talian internet. Borang kaji selidik yang mengandungi soalan-soalan yang menjurus kepada tajuk kajian dirangka sebelum diberikan kepada responden. Responden perlu menjawab semua bahagian A, B dan C, di dalam borang kaji selidik.

Borang soal selidik yang mempunyai TIGA (3) bahagian iaitu:


**Jadual 1** :Jadual jenis kaedah yang digunakan, bahagian soalan, dan skop kaji selidik

JENIS KAEDAH	BAHAGIAN SOALAN	SKOP SOAL SELIDIK
Kaedah <i>Primary</i>	Bahagian A	Kaji selidik berkaitan demografi pelanggan
	Bahagian B	Kaji selidik pengetahuan pelanggan mengenai kewujudan Teknokafe “Goat2Go” Farm, MAEPS
	Bahagian C	Kaji selidik pelanggan mengenai kecenderungan/ faktor yang mempengaruhi mereka untuk membeli sesuatu produk
		Temuduga terhadap responden yang merupakan kakitangan Teknokafe “Goat2Go” Farm.

## Analisa Data/ Hasil Kajian


Selepas proses pengumpulan data dilakukan, analisis hasil kajian dilakukan berdasarkan soalan di setiap bahagian borang kaji selidik.

### Maklumat Demografi – Umur




Rajah 1: Data yang dianalisis bagi soalan 1 bahagian A

### Maklumat Demografi – Jantina




Rajah 2: Data yang dianalisis bagi soalan 2 bahagian A

## Kesedaran Pelanggan – Kewujudan produk dan syarikat




Rajah 3: Data yang dianalisis bagi soalan 3 bahagian B

## Maklumat Kesedaran Pelanggan – Maklumat tentang produk



Rajah 4: Maklumat Kesedaran Pelanggan – Maklumat tentang produk

## Faktor Membeli



Rajah 5 : Data yang dianalisis bagi soalan 7 bahagian C

## **Perbincangan**

Hasil penelitian menunjukkan mutu dan kesegaran produk merupakan faktor utama yang mempengaruhi pelanggan untuk membeli sesuatu produk makanan dan minuman dengan peratusan yang paling tinggi iaitu 67.5% atau seramai 27 orang pelanggan (Rajah 4). Harga pula merupakan faktor kedua tertinggi yang mempengaruhi pelanggan untuk membeli iaitu dengan peratusan sebanyak 20% atau seramai 8 orang. Manakala kepelbagaian bahagian daging kambing dan variasi topping merupakan faktor yang seterusnya dengan peratusan sebanyak 7.5% dan 5% dengan jumlah responden seramai 3 dan 2 orang. Hal ini menunjukkan bahawa pelanggan sanggup membayar dengan harga yang agak tinggi asalkan mereka dapat makanan yang bermutu tinggi dan kesegaran dijaga. Ini sejajar dengan konsep kambing perap “Goat2Go” Farm yang menyediakan kambing segar dari ladang dan disembelih mengikut permintaan dan keperluan stok.

Dari segi kesedaran pelanggan terhadap produk dan syarikat pula, dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan pelanggan “Goat2Go” Farm mengenali produk dan syarikat mereka melalui kenalan (Rajah 3). Ini kerana, maklumat yang diterima daripada pemilik “Goat2Go” Farm sendiri iaitu Tuan Haji Nordin Bin Mat. Beliau berpendapat bahawa strategi marketing melalui “Word of Mouth” lebih berkesan dengan syarat, produk yang ditawarkan memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan. Selain daripada itu, beliau juga turut memaklumkan bahawa sasaran pelanggan mereka adalah diantara golongan yang berpendapatan sederhana dan tinggi yang kebanyakannya telah bekerja. Hal ini dapat dibuktikan daripada hasil kajian yang ditunjukkan di dalam carta 1 yang menunjukkan kebanyakan responden adalah terdiri daripada pelanggan yang berumur 33 – 39 tahun yang kebanyakan mereka telah bekerja dan mempunyai pendapatan yang tetap.

## **Cadangan penyelesaian dan penambahbaikan**

Antara penyelesaian yang dapat dicadangkan ialah:

Syarikat “Goat2Go” Farm perlu mempromosikan dan memberi kesedaran tentang produk kambing perap dan kewujudan Teknokafe “Goat2Go” Farm mereka dengan lebih agresif dengan menggunakan media sosial seperti *Facebook*, *Instagram*, *Twitter* dan lain-lain medium pemasaran supaya dapat menarik pelanggan luar dari negeri Selangor. Justeru itu, pelanggan luar dari Negeri Selangor akan dapat membeli produk makanan dan minuman mereka dan seterusnya dapat meningkatkan jualan dan keuntungan perniagaan

## **Kesimpulan**

Kesimpulan yang dapat dibuat melalui kajian ini ialah produk dan pakej kambing perap yang disediakan di Teknokafe “Goat2Go” Farm telah diterima oleh pelanggan dan mempunyai strategi pemasaran tersendiri yang menumpukan kepada sasaran pelanggan atau golongan yang tertentu. Kebanyakan pelanggan mereka terdiri daripada mereka yang berpendapatan sederhana dan tinggi yang telah mempunyai kerja tetap dan sanggup membayar harga yang tinggi untuk mendapatkan produk makanan yang bermutu dan kesegarannya terjamin. Melalui hasil kajian juga, kita dapat membuat kesimpulan bahawa kebanyakan pelanggan adalah dari kawasan yang berdekatan iaitu di Seri Kembangan dan sekitar negeri Selangor sahaja.



## **Rujukan**

- Kim, H. Y., & Chung, J. E. (2011). Consumer Purchase Intention for Organic Personal Care Products. *Journal of Consumer Marketing*, 28(1), 40-47.
- Kotler, P., & Keller, K. L. (2009). *Marketing Management* (13th ed.) New Delhi: Prentice-Hall.
- Lim, W. M., Yong, J. L., & Kherina Suryadi. (2014). Consumers' Perceived Value and Willingness to Purchase Organic Food. *Journal Global Marketing*, 27, 298-307.
- Nurulhuda Che Abdullah, & Ramlee Mustapha. (2009). Kajian Kes Usahawan Tani Industri Kecil Sederhana (IKS) Bumiputera di Negeri Terengganu. *Jurnal Pendiakn Malaysia* 34(2), 143-165.
- Thackeray, R., Neiger, B. L., Hanson, C. L., & McKenzie, J. F. (2008). Enhancing Promotional Strategies Within Social Marketing Programs: Use of We 2.0 Social Media. *Social Marketing and Health Communication*, 9(4), 338

# PENERIMAAN PELANGGAN TERHADAP KEK *FONDANT ICING* BAGI MAJLIS PERKAHWINAN

**HAIRINA BINTI ZAINAL**

Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka

## **Abstrak**

*Fondant* merupakan salah satu jenis aising yang menjadi pilihan ramai terutamanya bagi majlis pertunangan dan perkahwinan kerana kemasan dan bentuk yang dapat dihasilkan, akan tetapi terdapat aduan yang negatif dari pelanggan menyebabkan Syarikat Cupcake Land mengambil jalan bagi mengetahui selanjutnya tentang penerimaan pelanggan. Oleh hal yang demikian, satu kajian telah dilaksanakan terhadap 25 pelanggan Syarikat Cupcake Land sebagai responden dengan menggunakan kaedah primer iaitu soal selidik. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan pelanggan mengenai kek *fondant icing* bagi majlis perkahwinan (1) mengesan bajet pelanggan dalam pemilihan kek *fondant icing* bagi majlis perkahwinan (2) mengukur tahap penerimaan pelanggan terhadap kek *fondant icing* bagi majlis perkahwinan (3). Hasil dari data analisis, kebanyakan responden berminat dan ingin memilih kek *fondant icing* bagi majlis perkahwinan, akan tetapi, mereka tidak sanggup mengeluarkan bajet yang tinggi.

**Kata kunci:** Kek, *fondant icing*, bajet, majlis perkahwinan

## **Pengenalan**

Kek dan majlis perkahwinan sememangnya tidak dapat dipisahkan. Tidak lengkap sesebuah majlis perkahwinan tanpa acara memotong kek. Tidak kira kecil atau besar, tradisional atau moden sesebuah perkahwinan itu, kek perkahwinan akan menjadi penyeri dan menjadi salah satu aturcara majlis yang ditunggu-tunggu oleh para tetamu. Pemilihan aising bagi menghiasi kek sangat penting kerana ia dapat mengubah keseluruhan rasa dan penampilan kek itu sendiri ke satu tahap yang lebih tinggi.

Bagi melengkapi setiap kek asas yang pilih oleh pelanggan, Syarikat Cupcake Land menawarkan pelbagai jenis aising seperti *buttercream*, *chocolate ganache*, *fresh cream*, *fondant* dan lain-lain. *Fondant* merupakan salah satu jenis aising yang menjadi pilihan ramai terutamanya bagi majlis pertunangan dan perkahwinan kerana kemasan dan bentuk yang dapat dihasilkan, akan tetapi terdapat aduan yang negatif dari pelanggan menyebabkan Syarikat Cupcake Land mengambil jalan bagi mengetahui selanjutnya tentang penerimaan pelanggan. Projek ini dilaksanakan bertujuan untuk melihat penerimaan pelanggan terhadap kek *fondant icing* bagi majlis perkahwinan.

## **Pernyataan Masalah**

Kajian ini dilaksanakan atas beberapa masalah yang dihadapi oleh pihak pengurusan Syarikat Cupcake Land. Antara masalah-masalah tersebut adalah kurang pemahaman pelanggan terhadap aising yang akan dipilih, kos kek *fondant* yang agak tinggi, rasa kek *fondant* aising lebih manis berbanding aising yang lain dan cabaran bagi menjelaskan perbezaan kek *fondant* dengan aising lain.

### **Tujuan Kajian**

Objektif umum kajian ini adalah bagi mengkaji penerimaan pelanggan terhadap pemilihan kek *fondant icing* bagi majlis perkahwinan. Secara khusus objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- a) Mengetahui tahap pengetahuan pelanggan mengenai kek *fondant icing* bagi majlis perkahwinan.
- b) Mengetahui bajet pelanggan dalam pemilihan kek *fondant icing* bagi majlis perkahwinan.
- c) Mengukur tahap penerimaan pelanggan terhadap kek *fondant icing* bagi majlis perkahwinan.

### **Limitasi Kajian**

Kajian yang dijalankan adalah terhadap kepada pelanggan-pelanggan yang pernah menempah kek dari Syarikat Cupcake Land di kawasan Ayer Keroh, Melaka terdahulu. Sebanyak 25 orang pelanggan yang mempunyai ciri-ciri yang khusus telah dipilih bagi melengkapkan borang kaji selidik bagi mengumpulkan data dan maklumat yang diperlukan.

### **Metodologi Kajian**

Kaedah kajian yang digunakan ialah kajian sains sosial dimana data dan maklumat diperolehi dengan cara membentuk borang soal selidik yang menepati ciri-ciri piawaian yang diperlukan dan diserahkan kepada responden. Data dan maklumat yang dimaksudkan adalah data dari pelanggan-pelanggan yang pernah menempah kek perkahwinan dari Syarikat Cupcake Land terdahulu.

Secara asasnya, borang soal selidik yang diberikan kepada semua pelanggan Syarikat Cupcake Land tidak terstruktur dan bersifat terbuka di mana pengkaji memberikan informasi secara terbuka mengenai tujuan pelaksanaan kajian sehingga responden dapat menjawab soalan dengan jelas bagi setiap pertanyaan. Persampelan data dan maklumat dipilih adalah terhadap kepada pelanggan-pelanggan yang pernah menempah kek daripada Syarikat Cupcake Land di sekitar kawasan Ayer Keroh, Melaka. Oleh hal yang demikian, responden yang dipilih adalah bukan secara rawak kerana ia bertujuan untuk pengumpulan data dan maklumat yang khusus terhadap kek *fondant icing*. Persampelan secara rawak akan menyebabkan data yang dikumpul mungkin terganggu.

Pada waktu yang sama, persampelan data yang dilaksanakan adalah tinjauan secara individu (*self-administered questionnaires*) dimana borang kaji selidik dihantar secara terus, melalui pos dan menghubungi pelanggan-pelanggan Syarikat Cupcake Land secara terus dari rumah ke rumah. Oleh hal yang demikian, tinjauan sebegini dilaksanakan bagi memberi peluang kepada responden menjawab tanpa takut dan sangsi.

### **Kaedah Pengumpulan Data**


Dalam kajian ini, data dikumpulkan dengan menggunakan kaedah primer (*raw data*) iaitu data yang berasal dari sumber asli atau pertama dan data yang dikumpul khususnya untuk menjawab persoalan kajian. Bagi kajian ini, pengkaji menggunakan borang kaji selidik atau *questionnaires* sebagai kaedah mengumpulkan data dan maklumat.

**Jadual 1: Jadual kaedah pengumpulan data**


JENIS KAEDAH	BAHAGIAN SOALAN	SKOP SOAL SELIDIK
Kaedah Primer	Bahagian A	Kaji selidik demografi pelanggan.
	Bahagian B	Kaji selidik pengetahuan mengenai kek <i>fondant icing</i> bagi majlis perkahwinan.
	Bahagian C	Kaji selidik bajet pelanggan terhadap kek <i>fondant icing</i> bagi majlis perkahwinan.
	Bahagian D	Kaji selidik penerimaan pelanggan terhadap kek <i>fondant</i> bagi majlis perkahwinan.

**Dapatan dan Perbincangan**

**1. Demografi Responden**




**Rajah 1: Peratusan pelanggan berdasarkan jantina**




**Rajah 2 : Peratusan pelanggan berdasarkan umur**

Melihat kepada rajah profil jantina diatas, pelanggan perempuan mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 64% diikuti lelaki 36%. Bagi umur pelanggan pula, dapat dilihat bahawa pelanggan berumur 21-30 tahun adalah responden tertinggi iaitu sebanyak 52% diikuti 31-40 tahun (32%), responden 40 tahun keatas (13%) dan responden yang berumur 20 tahun ke bawah merupakan peratusan pelanggan yang terendah.



**Rajah 3: Peratusan pelanggan berdasarkan bangsa**



**Rajah 4: Peratusan pelanggan berdasarkan pendapatan**

Bagi analisis profil pelanggan mengikut bangsa pula, Melayu merupakan pelanggan tertinggi sebanyak 76% manakala kedua tertinggi bangsa Cina 16%. Bangsa India dan lain-lain bangsa memcatatkan peratusan yang sama iaitu 4%. Jumlah pelanggan yang mempunyai jumlah pendapatan bulanan RM 3000 – RM 3500 menunjukkan analisis tertinggi iaitu 44% diikuti RM1500 – RM 2500 sebanyak 36%, RM 4000 keatas 16% dan yang terendah RM1000 sebanyak 4%.

## 2. Tahap Pengetahuan Pelanggan

Maklumat kajian bahagian B adalah melibatkan pengumpulan data dari 25 responden yang dikumpul berdasarkan tiga soalan kaji selidik. Hasil kajian boleh dinyatakan menerusi jadual di bawah:

**Jadual 2: Pengetahuan mengenai kek *fondant icing***

SOALAN	PERKARA	YA	%	TIDAK	%	JUMLAH	JUMLAH PERATUSAN
1.	Saya pernah melihat cara pembuatan kek <i>fondant icing</i> .	16	64%	9	36%	25	100%
2.	Saya mengetahui kesukaran pembuatan kek <i>fondant icing</i> .	15	60%	10	40%	25	100%
3.	Saya dapat membezakan kek menggunakan <i>fondant icing</i> berbanding kek <i>icing</i> lain.	19	76%	4	16%	25	100%

Jadual diatas menunjukkan maklumat data yg diperolehi daripada 3 soalan dimana soalan pertama iaitu para pelanggan pernah melihat cara pembuatan kek *fondant icing*, sebanyak 64% responden menjawab ya, manakala 36% menjawab tidak.

Ini diikuti pula soalan kedua sama ada responden mengetahui kesukaran pembuatan kek menggunakan *fondant icing*. Sebanyak 60% dari jumlah responden menjawab ya dan 40% menjawab tidak. Bagi soalan ketiga pula, sebanyak 76% responden dapat membezakan kek menggunakan *fondant icing* berbanding kek *icing* lain manakala 16% responden lagi tidak.

### 3. Bajet pelanggan dalam pemilihan kek *fondant icing* bagi majlis perkahwinan.

**Jadual 3: Bajet pelanggan terhadap kek *fondant icing***

SOALAN	PERKARA	YA	%	TIDAK	%	JUMLAH	JUMLAH PERATUSAN
1.	Adakah anda sanggup mengeluarkan peruntukan yang tinggi bagi menempah kek <i>fondant icing</i> bagi majlis perkahwinan?	5	20 %	20	80%	25	100%
2.	Adakah anda rasa berbaloi mengeluarkan wang untuk menempah kek <i>fondant icing</i> bagi majlis perkahwinan?	15	60 %	10	40%	25	100%
3.	Adakah anda sanggup mengeluarkan bajet RM 500-RM 800 untuk kek <i>fondant icing</i> bagi majlis perkahwinan?	8	32 %	17	68%	25	100%

Berdasarkan jadual 3 diatas, bagi soalan pertama, hanya 20% sahaja responden sanggup mengeluarkan peruntukan yang tinggi bagi menempah kek *fondant icing* bagi majlis perkahwinan manakala 80% lagi menjawab tidak.

Bagi soalan yang kedua pula, sebanyak 60% responden merasakan berbaloi sekiranya mereka mengeluarkan wang untuk menempah kek *fondant icing* bagi majlis perkahwinan manakala 40% lagi menjawab tidak.

Berdasarkan soalan ketiga pula, sebanyak hanya 32% pelanggan sahaja sanggup memperuntukan RM 500 – RM 800 bajet bagi kek *fondant icing* untuk majlis perkahwinan manakala 68% pelanggan menyatakan tidak.

### 4. Tahap penerimaan pelanggan terhadap kek *fondant icing* bagi majlis perkahwinan.

**Jadual 4: Penerimaan pelanggan terhadap kek *fondant icing***

SOALAN	PERKARA	YA	%	TIDAK	%	JUMLAH	JUMLAH PERATUSAN
1.	Saya telah memilih kek <i>fondant icing</i> .	15	60%	10	40%	25	100%
2.	Saya berminat untuk menempah kek <i>fondant icing</i> sebagai kek untuk majlis.	16	64%	9	36%	25	100%
3.	Secara keseluruhannya, saya akan memilih kek <i>fondant icing</i> bagi majlis perkahwinan.	16	64%	9	36%	25	100%

Berbandukan jadual 4 diatas, soalan pertama mencatatkan 60% responden menjawab ya kerana telah memilih kek *fondant icing* untuk majlis perkahwinan dan 40% menjawab tidak.

Bagi soalan kedua pula, sebanyak 64% berminat untuk menempah kek *fondant icing* sebagai kek untuk majlis perkahwinan manakala 36% lagi menjawab tidak. Berhubung dengan soalan ketiga, 64% responden menyatakan mereka akan memilih kek *fondant icing* bagi majlis perkahwinan manakala sebanyak 36% lagi tidak.

### **Perbincangan dan Rumusan**

Secara dasarnya, tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji penerimaan pelanggan terhadap kek *fondant icing* bagi majlis perkahwinan. Seramai 25 responden dipilih bukan secara rawak dan mempunyai persamaan di mana mereka adalah pelanggan terdahulu Syarikat Cupcake Land.

Melalui hasil analisa dari setiap soalan yang telah dijawab oleh responden, pihak Syarikat Cupcake Land terdapat beberapa cadangan penyelesaian dan penambahbaikan yang mungkin boleh digunakan di masa hadapan iaitu menyediakan pakej bajet bagi kek *fondant icing* untuk majlis perkahwinan kerana rata-rata responden menginginkan kek *fondant icing* tetapi mempunyai bajet yang kecil untuk dikeluarkan. Selain itu, pihak Cupcake Land juga akan menyediakan sampel setiap jenis kek dan aising yang ditawarkan untuk 'cake testing' supaya pelanggan lebih yakin dengan pemilihan kek mereka serta menerangkan dengan lebih terperinci tentang setiap jenis kek dan aising yang ditawarkan. Secara keseluruhannya, dapatlah dirumuskan bahawa pelanggan menerima dan memilih kek *fondant icing* bagi majlis perkahwinan mereka.

### **Rujukan**

- Aaron, M (1995). *Cakes, Tortes and Gateau of the World : Exotic and Delightful Recipes, Icings, Toppings and Decorations*. United State : HarperCollins.
- Anderson. M (2018, April 15). *Buttercream vs. Fondant*. Retrieved from <https://www.thespruceeats.com>
- Wilson. D (2005). *Wedding Cakes You Can Make*. United State : John Wiley & Sons Incorporated.

# PENGUNAAN BAHAN ALTERNATIF DALAM LATIHAN *LATTE ART*

SITI NORAKMA BINTI ABD MUIN

Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka

## Abstrak

*Barista merupakan salah satu bidang kerjaya yang semakin mendapat tempat dalam industri makanan dan minuman pada masa kini. Untuk menjadi Barista yang baik, seseorang itu perlulah mempunyai asas dalam mengendalikan mesin kopi menyediakan espresso dan milk frosting serta menguasai teknik free pour bagi menghasilkan corak pada minuman latte. Bagi menghasilkan kepelbagaian corak seperti hati dan daun fern, latihan yang berterusan sangat diperlukan bagi menghasilkan corak tersebut. Berdasarkan kepada pengalaman daripada latihan yang lepas beberapa bahan telah digunakan sebagai alternatif bagi mengurangkan kos latihan, bahan alternatif telah digunakan iaitu coffee puck dan sabun pencuci pinggan telah digunakan sebagai ganti bahan sebenar. Penulisan ini dapat membantu pihak pengurusan untuk mengurangkan kos latihan Barista dan seterusnya membuka peluang kepada pelatih meningkatkan lagi kemahiran mereka dalam membina kerjaya pada masa hadapan.*

**Kata kunci:** *Coffee puck , Sabun pencucui pinggan, Pelatih Barista*

## Pendahuluan

Minuman kopi telah menjadi satu budaya dalam masyarakat pada masa kini. Menurut Mintel (2012), orang muda terutamanya berumur 18-20 tahun minum kopi untuk memberikan rangsangan sepanjang hari. Ekoran daripada budaya ini, wujudlah kedai kopi yang menawarkan pelbagai jenis kopi seperti *Latte*, *Cappuccino*, *Americano* dan lain-lain lagi. Menurut kajian Remiasa & Lukman (2007) *coffee shop* ini bukan sahaja menjual minuman kopi tetapi sebagai tempat berkumpul dan bersosial, bertukar fikiran dan idea, meluaskan hubungan dan juga sebagai salah satu tempat prospek perniagaan. Secara tidak langsung, telah membuka ruang pekerjaan kepada masyarakat dalam bidang Barista.

Barista merupakan salah satu bidang kerjaya yang semakin mendapat tempat dikalangan masyarakat, Barista secara teknikalnya adalah orang yang telah dilatih secara profesional dalam menyediakan espresso dan juga kepelbagaian jenis *coffee* yang lain seperti *latte* ataupun *cappuccino*. Pada kebiasaanya *latte* yang dihasilkan akan mempunyai pelbagai corak seperti bentuk hati dan daun fern melalui teknik *free pour*. Walau bagaimanapun, teknik ini memerlukan latihan yang berterusan kerana teknik ini hanya menggunakan gerakan tangan Barista sahaja bagi mendapatkan hasil yang baik dan cantik. Penggunaan bahan sebenar akan menimbulkan beberapa masalah seperti:





**Rajah 1: Kekangan yang dihadapi ketika latihan Barista**

Bagi mengurangkan masalah tersebut, melalui pengalaman dan pemerhatian, penggunaan bahan sebenar bagi latihan boleh digantikan dengan *coffee puck* dan juga sabun pencuci pinggan. *Coffee puck* merupakan bahan buangan hasil daripada serbuk kopi yang telah digunakan. Untuk itu, satu kajian telah dijalankan bagi melihat penerimaan penggunaan bahan alternatif seperti *coffee puck* dan sabun sebagai alat bantuan latihan kepada pelatih sebelum mereka membuat latihan dengan menggunakan bahan sebenar.

### **Kepentingan Latihan**

Latihan yang berterusan diharapkan dapat membantu para pelatih meningkatkan lagi kemahiran mereka dalam bidang Barista seterusnya membolehkan para pelatih bersaing dalam merebut peluang pekerjaan. Selain itu, pelatih yang dikeluarkan lebih berkualiti dan dapat memenuhi keperluan industri. Kajian ini juga diharapkan dapat membantu pihak pengurusan dalam mengurangkan kos latihan *latte art*.

### **Kemahiran *latte art* dalam kalangan pelatih**

Melalui kajian kes yang telah dibuat keatas pelatih Barista di KKBBM, mendapati lebih daripada 60% pelatih mampu menghasilkan *espresso* dan *milk frosting* dengan baik melalui hasil latihan yang berterusan. Selain itu, 69% pelatih boleh mengendalikan *coffee machine* dengan baik dan dapat mengenal pasti peralatan yang perlu digunakan ketika penyediaan coffee. Melalui latihan yang berterusan dapat meningkatkan lagi kemahiran pelatih.

Oleh itu, para pelatih bersetuju untuk menambah waktu latihan bagi memantapkan kemahiran mereka. Selain itu, mereka berpendapat bahawa penggunaan bahan alternatif seperti sabun dan *coffee puck* sangat membantu, melalui kajian dengan peratus sebanyak 66.7%. Hal ini kerana mereka boleh membuat latihan secara berulang kali tanpa merisaukan kekangan dalam bahan mentah seperti susu dan serbuk kopi yang kita maklum kos pembelian adalah sangat tinggi. Penggunaan bahan alternatif juga akan memberi peluang kepada semua pelatih untuk membuat latihan tanpa ragu dan takut jika tidak mencapai hasil yang diperlukan. Lambakan hasil *latte* juga akan menimbulkan masalah kepada penyimpanan kerana kita maklum minuman bersusu seperti *latte* adalah mudah rosak.

### **Proses Latihan Dalam Penghasilan *Milk Frosting* Dan *Espresso***

Bagi menghasilkan *milk frosting* yang baik, pelatih perlu belajar mendapatkan suhu yang betul ketika proses pemanasan susu bagi memastikan buih susu dihasilkan dengan mencukupi bagi membuat *latte art*. Oleh itu, bagi mengelakkan kos susu meningkat ketika latihan, penggunaan sabun basuh pinggan telah digunakan dalam latihan ini. Manakala penggunaan *coffee puck* yang dicampur dengan sedikit air panas mampu menghasilkan cecair seakan espresso. Ketika latihan *free pour* dalam menghasilkan *latte art*, cecair ini akan digunakan bersama dengan bancuhan air sabun tadi. Berikut adalah contoh bahan alternatif yang digunakan dalam latihan Barista.



**Rajah 1: *Coffee puck* – terhasil daripada serbuk kopi yang telah digunakan untuk menghasilkan *espresso*.**



**Rajah 2: Bancuhan air sabun yang digunakan bagi melatih pelatih membuat *milk frosting* sebelum menggunakan susu sebenar, ini supaya pelatih dapat mengetahui suhu yang betul bagi menghasilkan *milk frosting***



**Rajah 3: Milk frosting hasil daripada sabun**



**Rajah 4:** *Coffee puck* yang dijadikan espresso



**Rajah 5:** Hasil *latte* dengan menggunakan *milk frosting* dengan *coffee puck*

## **Kesimpulan**

Diharapkan penulisan ini dapat membantu pihak pengurusan dalam mengurangkan kos latihan yang perlu ditanggung dalam memberi latihan yang berterusan kepada pelatih. Seperti yang diketahui kos untuk latihan bagi membuat coffee sangat tinggi iaitu untuk membeli biji kopi dan juga susu segar. Pelatih pula dapat meningkatkan lagi kemahiran mereka dalam teknik free pour dan dapat menghasilkan lagi pelbagai corak selain daripada bentuk hati dan juga daun fern. Para pelatih mungkin dapat menghasilkan corak-corak yang baru dan menjana pemikiran yang lebih kreatif. Peningkatan kemahiran sangat membantu para pelatih untuk bersaing dalam mendapatkan tempat dalam bidang makanan dan minuman. Bidang makanan dan minuman dilihat sebagai bidang yang sangat menguntungkan kerana menjadi trend masyarakat pada masa kini menjadikan kedai kopi sebagai tempat bersosial. Dengan kemahiran yang mereka ada, para pelatih boleh menjadi usahawan atau bekerja dalam bidang makanan dan minuman.

Peluang latihan juga mungkin boleh diberikan kepada pelatih lain dari kursus yang berbeza seperti pelatih dari bidang kulinari. Disebabkan kos yang tidak tinggi lagi, peluang latihan seperti ini dapat memberikan mereka kemahiran tambahan dan menambah nilai dalam diri pelatih. Seperti yang dilihat pada masa kini, pekerja yang mempunyai pelbagai kemahiran sangat diperlukan dalam industri. Walaupun tidak mahir, sekurang-kurangnya mereka telah diberikan pendedahan berkaitan dengan bidang Barista dan membolehkan mereka bersaing dalam pasaran kerja pada masa kini yang semakin mencabar.

## **Rujukan**

Marcus Remiasa & Yenny Lukman, 2007, Analisis Persepsi Pelanggan Terhadap Kualitas Layanan coffee Shop Asing dan Coffee Shop Lokal, Jurnal Manajemen Perhotelan, Vol. 3, No.2, September 2007: 70-79.  
Mintel (2012) Coffee Shop: UK. February 2012.London: Mantel group  
Instagram @baristaswag

## MASAK SENDIRI ATAU MAKAN DI LUAR?

NURUL NORFADILA BINTI ADNAN

Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka

### Pengenalan

Pada masa kini, wanita bekerjaya merupakan insan yang berperanan penting dalam institusi keluarga, komuniti dan negara. Kebanyakan wanita di Malaysia memiliki pendidikan dan terlibat di dalam pekerjaan sama ada di sektor kerajaan, swasta dan perniagaan. Menurut keratan akhbar Utusan Malaysia yang dikeluarkan pada 28 April 2018, Laporan Kajian Tenaga Buruh 2017 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) wanita adalah sebanyak 54.7 peratus pada 2017. Hakikatnya, di samping wanita melaksanakan pelbagai tugas dan memberi komitmen terhadap kerjaya yang diamanahkan, mereka juga perlu memberi perhatian dan melaksanakan peranan terhadap keluarga dan rumahtangga. Kesibukan di tempat kerja mendorong wanita bekerjaya memilih untuk makan di luar selepas waktu pejabat. Kewujudan premis makanan bagai cendawan tumbuh selepas hujan memberi pilihan yang lebih pelbagai kepada wanita bekerjaya memilih premis makanan untuk santapan bersama keluarga. Pemilihan premis makanan yang betul bukan sahaja dapat menyenangkan urusan golongan ini malah dapat memberi impak positif dari segi kesihatan dan kehidupan.

### Kebaikan Masak Sendiri di Rumah

#### a) Tahap kebersihan yang diyakini

Semestinya jika kita masak di rumah, tahap kebersihan makanan, peralatan dan dapur terjaga dan mengikut tahap yang diinginkan. Tidak seperti makan di luar yang kita sendiri tidak tahu tahap kebersihannya. Namun, semua ini bergantung kepada cara hidup seseorang. Jika kita sendiri tidak menjaga kebersihan, bagaimana nak masak makanan yang bersih?

#### b) Kepuasan menikmati makanan sendiri dan lebih jimat

Masak sendiri di rumah dapat memuaskan hati sendiri dan ahli keluarga yang lain. Bukan itu sahaja, kita juga dapat makan makanan tersebut berulang kali dan ini dapat memberi penjimatan kepada perbelanjaan keluarga. Masak sekali, makan berulang kali.

#### c) Mengeratkan ikatan kekeluargaan

Makan di rumah bersama keluarga dapat mengeratkan lagi ikatan kekeluargaan sesama ahli keluarga. Kita bukan sahaja dapat makan bersama, namun dapat juga bertukar cerita tentang aktiviti seharian masing-masing. Masa yang berkualiti ini juga dapat digunakan oleh ibu bapa untuk meluangkan masa bersama anak-anak tanpa kehadiran orang luar.

#### d) Menepati citarasa sekeluarga

Apabila kita masak sendiri untuk keluarga, masakan yang terhasil semestinya dari penuh kasih sayang dan keikhlasan. Masakan yang datang dari jiwa ini bukan sahaja dapat mengenyangkan ahli keluarga, malah semestinya mengikuti citarasa masing-masing. Sebagai seorang ibu atau bapa, kita sedia maklum dengan

citarasa anak-anak. Semestinya kita akan memasak makanan kesukaan mereka dan mengikut selera mereka bagi memastikan mereka gembira menikmati makanan hasil air tangan kita. Inilah salah satu tanda kasih seorang ibu atau ayah kepada anak-anaknya.

### **Kenapa Makan di Luar Jadi Pilihan?**

#### **a) Pelbagai jenis restoran sedia menanti kedatangan anda**

Pada masa kini, pelbagai jenis restoran yang tumbuh bagai cendawan selepas hujan di seluruh Malaysia. Peredaran semasa juga membawa restoran hipster ke dalam pasaran negara. Jadi kita sebagai pembeli mempunyai pelbagai pilihan restoran dan menu yang boleh dipilih mengikut citarasa masing-masing. Pilih sahaja yang mana suka. Semuanya ada belaka. Hanya perlu pesan, makan dan bayar sahaja!

#### **b) Dapur kemas dan tidak berkecah**

Salah satu sebab makan luar menjadi pilihan sesetengah pihak adalah kerana tidak perlu mengemas dapur selepas memasak dan makan. Dah kenyang makan, tak perlu susah-susah ambil giliran untuk bersihkan dapur, cuci pinggan mangkuk dan kemas semua barang yang digunakan untuk memasak serta perlu kemas meja sebaik habis makan. Bagi yang penat bekerja seharian di pejabat, lepas pulang hanya perlu mandi dan tidur.

#### **c) Tidak perlu pening memikirkan menu setiap hari**

Jangan tambah kepenatan seharian di pejabat dengan memikirkan menu apa yang ingin di masak di rumah bagi makan malam. Anda boleh memilih pelbagai menu yang disediakan di setiap restoran berdekatan anda. Jangan tak tahu, ada di antara kita yang sanggup merantau ke negeri tertentu bagi memenuhi keinginan untuk makan. Cuba bayangkan selepas waktu kerja di Kuala Lumpur, anda ke Melaka hanya untuk Makan Asam Pedas Kota Laksamana. Tak boleh bayang? Jom cuba!

#### **d) Tak buang masa untuk memasak**

Jika ingin menyediakan makanan di rumah, semestinya kita perlu keluar mencari bahan mentah, membuat persediaan memasak, memasak dan ini akan mengambil masa yang lama untuk makan. Silap-silap makan malam hanya boleh dinikmati selepas pukul 9 malam. Semestinya mereka yang bekerjaya tidak mahu melalui situasi sebegini. Jadi, bagi memudahkan pengurusan masa keluarga, mereka lebih cenderung untuk makan di luar.

### **Wanita Bekerjaya Pilih Yang Mana: Makan di Luar atau Masak di Rumah?**

Satu kajian ringkas telah dilaksanakan dalam kalangan staf wanita Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka bagi pilihan mereka antara menyediakan juadah di rumah selepas bekerja atau mereka lebih selesa makan di luar.

a) Demografi

b) UMUR	c) BIL. RESPONDEN
d) 26 tahun – 30 tahun	e) 1
f) 31 tahun – 35 tahun	g) 13
h) 36 tahun – 40 tahun	i) 16
j) JUMLAH	k) 30

Jadual di atas menunjukkan bilangan responden mengikut umur. Hanya seorang responden berumur di antara 26 tahun hingga 30 tahun, 13 orang responden berumur 31 hingga 35 tahun manakala seramai 16 orang responden berumur antara 36 hingga 40 tahun.



Daripada 30 responden yang menjawab kajian ini, 26 orang daripadanya telah berkahwin dan 4 orang selebihnya masih bujang.

a) Faktor yang Menyumbang kepada Aktiviti Makan Luar



Faktor utama staf wanita KKBBM memilih untuk makan di luar selepas waktu pejabat adalah kerana kesuntukan masa untuk menyediakan juadah di rumah. Seperti yang sedia maklum, wanita bekerjaya lebih banyak menghabiskan masa di pejabat berbanding di rumah. Kesibukan di pejabat menyebabkan kebanyakan staf wanita terpaksa bekerja lebih masa dan pulang lewat ke rumah. Faktor ini membuatkan staf wanita KKBBM tidak mempunyai masa untuk menyediakan juadah di rumah dan memilih untuk makan di luar sahaja.

### 3.3 Faktor Pemilihan Premis



Sebagai kesimpulan dari data yang dianalisa, hampir keseluruhan responden mementingkan faktor kebersihan dalam pemilihan premis makanan semasa makan di luar selepas waktu pejabat. Semestinya kebersihan adalah faktor utama yang harus dititikberatkan bagi mengelak perkara yang tidak diinginkan berlaku seperti keracunan makanan dan lebih menakutkan jika membawa kematian.

Selain itu, jika premis makanan tersebut bersih dan kemas, semestinya makanan dan minuman yang disediakan adalah bersih, selamat dan boleh dimakan seisi keluarga.

#### Makan Luar VS Masak di Rumah



Responden menyatakan bahawa makan di luar selepas waktu pejabat lebih menjimatkan masa berbanding menyediakan juadah di rumah. Bagi wanita bekerjaya, waktu pengurusan rumah tangga selepas waktu pejabat agak singkat dan menyukarkan mereka untuk menyediakan juadah makan malam di rumah. Bagi memudahkan pengurusan keluarga, staf wanita KKBBM lebih cenderung untuk makan di luar berbanding menyediakan juadah di rumah.



### **Kesimpulan**

Kesimpulan dari kajian ini, terdapat staf wanita KKBBM yang lebih selesa memilih untuk maka di luar dan terdapat juga yang lebih suka menyediakan juadah dan menikmatinya bersama keluarga di rumah sahaja. Kedua-dua pilihan ini mempunyai kelebihan dan kekurangan masing-masing namun ini semua bergantung kepada penerimaan individu itu sendiri.

### **Rujukan**

Norhafzan, J. & Syalikha, S. (2017, September). *Wanita dalam sektor pekerjaan 54.3 peratus*.

Dimuat turun daripada

<https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2017/09/321572/wanita-dalam-sektor-pekerjaan-543-peratus>

Che Wan Jasimah, W.M.R. (2009). *Budaya Pemakanan Masyarakat Malaysia Dari Perspektif Agama, Polisi, Sains Dan Teknologi Dengan Rujukan Khusus Kepada Pengaruh Islam Dalam Penghasilan Makanan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

# PENILAIAN SENSORI DALAM INDUSTRI PEMBUATAN MAKANAN DAN MINUMAN

NUR FARHANI RAMLI, ANWAR JAAFAR  
Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka

## Abstrak

*Penilaian sensori merupakan aspek penting dalam penilaian mutu produk dalam industri makanan dan minuman pada masa kini. Setiap jenis produk makanan mempunyai ciri-ciri makanan dan bahan-bahan yang berbeza dari segi tekstur, aroma, rasa dan warna. Pengguna mengharapkan makanan yang di beli haruslah berkualiti dan sedap. Penilaian sensori berdasarkan takrifan Institut Teknologi Makanan Amerika Syarikat (IFT 1975) ialah satu disiplin sains yang digunakan untuk merangsang, mengukur, menganalisis dan menginterpretasi tindak balas ciri-ciri makanan dan bahan-bahan apabila ianya dinilai oleh deria lihat, bau, rasa, sentuh dan dengar. Penilaian sensori memainkan peranan penting dalam dari segi kawalan kualiti, penentuan jangka hayat, pembangunan produk, penyusunan semula produk, profil produk, pemetaan produk, penerimaan produk, dan penanda aras produk. Oleh itu, kepentingan pemilihan kaedah untuk mengukur persepsi atribut makanan atau reaksi terhadap makanan tersebut amat penting untuk menghasilkan sesuatu produk yang berkualiti dan diterima oleh pengguna. Secara umumnya, terdapat 3 metode ujian sensori iaitu Ujian Diskriminatif (perbezaan), Ujian deskriptif (perihal) dan Ujian Afektif (penerimaan). Hasil proses penilaian ini bermula dengan proses persepsi, interaksi sampel dengan ahli panel sensori sehinggalah tahap akhir proses di mana penilaian mengenai sampel akan dibuat menghasilkan produk yang berkualiti dan diterima oleh pengguna.*

**Kata kunci:** Penilaian Sensori, Ujian Sensori, Ahli Panel

## Apa Itu Penilaian Sensori Makanan

Penggunaan penilaian sensori terus berkembang mengikut keperluan industri makanan pada masa kini. Penilaian sensori sering digunakan dalam pengembangan produk makanan baharu, iaitu dengan menentukan atribut apa yang dominan dalam produk ini dan digunakan sebagai parameter yang akan dinilai oleh panelis menggunakan skala tertentu. Penilaian sensori merupakan satu teknik yang penting dalam pengukuran ciri-ciri sesuatu produk dan menentukan penerimaan produk tersebut. Ia meliputi analisis dan interpretasi maklum balas yang menghubungkan pembangunan satu produk baharu dengan pemasaran atau penerimaan pengguna. Proses penilaian sensori memainkan peranan yang penting dalam penyelidikan dan pembangunan produk, pemeriksaan dan kawalan kualiti, reka bentuk produk dan eksploitasi pemasaran terutama dalam bidang industri makanan dan minuman. Justeru itu, teknik ini telah digunakan secara meluas dalam proses perkembangan produk khususnya dalam industri makanan sama ada untuk menghasilkan produk baharu, memasuki pasaran baharu atau bersaing di pasaran sedia ada.



**Rajah 1 Peranan Penilaian Sensori**

### **Kaedah Penilaian Sensori Makanan**

Penilaian sensori ialah satu disiplin sains yang digunakan untuk merangsang, mengukur, menganalisis dan menginterpretasi tindak balas ciri-ciri, makanan dan bahan-bahan. Kenyataan ini turut disokong oleh Ivani Putri (2017) di dalam jurnalnya menyatakan bahawa Penilaian sensori adalah kaedah saintifik yang digunakan untuk memperoleh, mengukur, menganalisis dan mentafsirkan tindak balas yang dirasakan suatu produk melalui deria manusia. Penilaian deria boleh dibahagikan kepada dua kategori, iaitu ujian objektif dan subjektif.



**Rajah 2.0 Pancaindera manusia**  
( sumber:<http://www.cpe.rutgers.edu>)

Menurut Evin Siekierski (2002) menyatakan bahawa teknik penilaian sensori adalah berdasarkan anggapan pada proses persepsi neurofisiologi yang boleh dibahagikan kepada tiga (3) tahap iaitu fenomena persekitaran yang bertindak balas pada reseptor sensori dalam menimbulkan stimulus; Stimulus mewujudkan rangsangan pada saraf dan dihantar kepada sistem saraf utama sensori (*Sensory central nervous system*); Signal kemudian ditafsirkan pada otak. Kaedah penilaian sensori berkait rapat dengan tindak balas manusia kerana kaedah ujian sensori lazimnya dilakukan dengan menggunakan lima pancaindera iaitu mata, lidah, hidung, telinga dan kulit. Kelima-lima kelebihan ini digunakan untuk menilai atribut sensori sesuatu produk seperti warna, rupa bentuk, rasa dan tekstur (Aminah, 2002). Penilaian sensori juga dikenali sebagai penilaian organ leptik merupakan cara pengujian dengan menggunakan indra manusia iaitu gabungan rasa, tekstur, astringen dan aroma digunakan sebagai alat utama untuk pengukuran daya penerimaan terhadap produk.

### Tujuan Penilaian Sensori

Tujuan penilaian sensori adalah untuk mengetahui respon atau kesan yang diperoleh daripada pancaindera manusia terhadap suatu ransangan yang telah dianalisis. Secara umumnya penilaian ini digunakan untuk mendapat maklumat mengenai kualiti sesuatu produk, perbezaan diantara produk serta penerimaan produk. Proses penilaian sensori ini dijalankan adalah untuk mengumpul informasi tentang penilaian dan penganalisan dari segi kawalan kualiti, penentuan jangka hayat, pembangunan produk, penyusunan semula produk, profil produk, pemetaan produk, penerimaan produk dan penanda aras produk bagi mempertingkatkan lagi kualiti produk tersebut. Oleh itu, adalah wajar pendekatan penilaian sensori digunakan lebih 30 tahun dalam industri makanan dan minuman bukan sahaja sebagai alat untuk menentukan ciri-ciri produk dan penerimaan pengguna malahan untuk pengawalan kualiti makanan serta meningkatkan produk hasilan dalam syarikat makanan itu sendiri.




Rajah 3: Tujuan Penilaian Sensori

### Asas-Asas Rasa Dalam Penilaian Sensori Makanan

Rasa asas diklasifikasikan sebagai deria kimia yang disebabkan oleh lima (5) rasa asas yang mempunyai ciri-ciri kimia yang berbeza (Shallenberger, 1997). Penilaian deria adalah satu disiplin saintifik yang digunakan untuk menghasil, mengukur, menganalisis dan menterjemah tindak balas ciri-ciri makanan dan bahan makanan sebagaimana yang dinilai oleh deria penglihatan, bau, rasa, sentuhan dan pendengaran. Penilaian deria adalah satu disiplin saintifik yang digunakan untuk menghasil, mengukur, menganalisis dan menterjemah tindak balas ciri-ciri makanan dan bahan makanan sebagaimana yang dinilai oleh deria penglihatan, bau, rasa, sentuhan dan pendengaran. Selain itu, atribut deria merupakan penilaian sensori yang menggambarkan ciri-ciri deria di dalam produk makanan, termasuk warna, penampilan, bentuk, rasa, dan tekstur (Hayati ddk, 2012). Terdapat 5 rasa asas yang ditemui setakat ini iaitu manis, masam, masin, umami dan pahit. Rasa masin kebiasaannya seringkali dikaitkan dengan pengawalan hemostasis ion dan air di dalam tubuh manusia. Manakala, rasa manis dan umami pula berfungsi untuk menggambarkan kandungan tenaga dalam makanan terutama karbohidrat dan asid amino (Aminah, 2000). Bagi rasa masam dan pahit pula kedua-duanya bertindak

sebagai satu amaran mekanisme bagi mengelakkan pengambilan buah-buahan yang belum matang atau pengambilan toksin (Jelen, 2012). Di samping itu, rasa masam juga membantu dalam penjagaan pengambilan asid yang sederhana bagi mengelakkan ketidakseimbangan asid dalam badan (Jelen, 2012). Oleh hal yang demikian, penampilan produk adalah atribut penting dalam pemilihan sesuatu produk di dalam industri pembuatan makanan mahupun minuman. Hal ini kerana penampilan produk yang baik dianggap mempunyai rasa yang sedap dan berkualiti tinggi.



**Rajah 4: Bahagian Lidah**  
( sumber: <http://www.cpe.rutgers>)

### **Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Dalam Menjalankan Aktiviti Penilaian Sensori Makanan**

1. Penyediaan Makmal
 

Kawasan ujian mestilah dilakukan di dalam makmal atau bilik berasingan di mana persekitaran boleh dikawal dan sebaik-baiknya berhawa dingin, bebas dari bunyian dan bebas dari bau benda asing
2. Susun atur
  - i. Susun atur mestilah menempatkan ahli panel pada satu jarak tertentu supaya penilaian panel tidak dipengaruhi oleh rakan bersebelahan
  - ii. Elakkan susunan panel berhadapan antara satu sama lain. Hal ini bertujuan supaya panel dapat membuat penilaian tanpa dipengaruhi
3. Cahaya
  - i. Pencahayaan dalam makmal hendaklah cerah dan berwarna putih supaya sampel dapat dilihat dengan jelas
  - ii. Mereka bentuk susun atur makmal penilaian deria
  - iii. Makmal penilaian deria lazimnya mempunyai tempat persediaan yang diasingkan dari kawasan penilaian.
  - iv. Kawasan penilaian dilengkapi dengan ruangan yang menempatkan ahli panel secara berasingan.
  - v. Makmal ini mestilah sentiasa bersih kerana ia merupakan tempat dimana makanan dihidang.

- vi. Kawasan persediaan mestilah dilengkapi dengan singki, peti sejuk, dapur, oven dan kabinet untuk menyimpan alat-alat seperti gelas, pinggan, mangkuk, sudu, dulang dan lain-lain keperluan ujian.
  - vii. Kawasan persediaan ini diasingkan daripada kawasan penilaian dan ahli panel dilarang berada di kawasan persediaan ini.
  - viii. Bebas dari bau asing sama ada dari tong sampah/bauan dari bilik penyediaan.
4. Penyediaan sampel
- i. Suhu Makanan yang lazimnya dimakan dalam keadaan panas disediakan dalam keadaan panas tetapi tidak melecurkan mulut ahli panel dan sebaliknya. Contoh: suhu makanan panas 37°C-40°C.
  - ii. Sampel makanan panas dalam *sand bath* (dulang mengandungi pasir bersih, dipanaskan dan dibiarkan dalam ketuhar mikro gelombang)
  - iii. Bekas dan peralatan Bekas tidak mengeluarkan atau mempengaruhi bau atau rasa produk yang diuji.
  - iv. Bekas yang sama perlu digunakan untuk setiap sampel untuk mengelakkan bias.
  - v. Bekas yang digunakan mestilah berwarna putih dan bersih.
  - vi. Kuantiti sampel yang diberi mestilah sama banyak bagi setiap pelakuan dan setiap ahli panel.
  - vii. Setiap ahli panel mestilah diberi sampel yang cukup untuk membolehkannya menilai beberapa kali dan seterusnya mampu membuat keputusan
  - viii. Dalam kebanyakan ujian, sampel kawalan diperlukan tidak lebih daripada 5 sampel diuji pada satu masa .
  - ix. Untuk mengelakkan kekeliruan dan kebosanan kepada ahli panel yang boleh menyebabkan kebolehpercayaan keputusan adalah lemah.
5. Penyediaan sampel Pemilihan Kod Sampel dari
- i. Jadual nombor rawak sampel mesti dikodkan dengan nombor rawak 3 digit (Contoh: 238, 826) dan mesti dilabel pada bekas sampel.
  - ii. Ia bertujuan untuk memastikan ahli panel tidak bias terhadap mana-mana produk
6. Penyediaan sampel pembilas mulut.
- i. Lazimnya air bertapis pada suhu bilik digunakan sebagai pembilas mulut kerana rasanya yang neutral.
  - ii. Air suam digunakan sekiranya makanan yang diuji adalah makanan berlemak
  - iii. Selain dari air, bahan-bahan berikut seperti kraker, epal, seleri, roti dan jus limau boleh juga digunakan untuk menyingkir perisa dari mulut

## Pemilihan Ahli Panel Sensori



Rajah 5 : Pemilihan Ahli Panel

Penggunaan ahli panel dalam penilaian sensori adalah sebagai populasi (alat makmal) untuk mempelajari sampel makanan dan bukannya panel sebagai subjek kajian sebagaimana pendekatan kajian psikofizik. Dengan kata lain, tujuan penilaian sensori adalah untuk mencari maklumat mengenai makanan dan bukannya orang yang makan makanan (Aminah,2004). Pada asasnya, antara kriteria yang perlu dipertimbangkan bagi pemilihan panel termasuklah minat, kesihatan, integriti, sikap, motivasi, faktor bias, memahami arahan dan faktor peribadi. Setelah mempunyai sekumpulan ahli panel yang berpotensi untuk dilatih, kebiasaannya latihan dimulai dengan pengenalan empat rasa asas iaitu masin, masam, pahit dan manis.

Meskipun kemampuan atau sensitiviti individu terhadap rasa asas dalam larutan tidak mempunyai kaitan dengan prestasi menilai makanan atau minuman, namun kaedah ini mampu mendedahkan subjek kepada persoalan mengenai kaedah penilaian dan penggunaan skala untuk menilai keamatan (Aminah,2004). Secara umumnya, terdapat tiga jenis panel iaitu panel terlatih (*highly trained*), panel separa terlatih (*experienced*) dan panel pengguna (*untrained*). Ketiga-tiga jenis panel ini berbeza dari aspek jumlah panel yang mengambil bahagian semasa penilaian dan kaedah pemilihan dan latihan panel. Pengkelasan ahli panel penilaian sensori adalah seperti berikut:

1. Pengelasan Ahli Panel Pengguna (*untrained*)
  - Lebih daripada 100 orang.
  - Dilakukan semasa produk berada di pasaran.
  - Sampel diberikan kepada orang ramai di pasaraya-pasaraya tertentu.
2. Separa Terlatih (*experienced*)
  - Seramai 25-30 orang ahli panel.
  - Lulus ujian penapisan am tetapi tidak dilatih secara spesifik kepada produk tertentu.
3. Panel Terlatih (*highly trained*)
  - 6- 10 orang ahli panel sahaja.

- Telah lulus ujian penapisan am dan telah dilantik secara spesifik kepada produk tertentu sahaja

### **Jenis-Jenis Ujian Sensori**

Secara umumnya, terdapat 3 kaedah ujian sensori yang dilakukan dalam menguji produk makanan iaitu Ujian Diskriminatif (perbezaan) , Ujian deskriptif (perihal) dan Ujian Afektif (penerimaan) yang di gunakan dalam industri.



**Rajah 6.0 : Pemilihan Ahli Panel**  
(sumber: *University of British Columbia*)

### **Ujian Diskriminatif**

Ujian deskriminatif dilakukan untuk menguji perbezaan ciri-ciri sensori produk dinilai secara kaedah bandingan pasangan, *duo-trio*, segi tiga, penyusunan, penilaian perbezaan dan perbezaan skala berbanding dengan kawalan. Ujian ini dapat berfungsi misalnya untuk mengetahui tiada perbezaan di antara rasa suatu produk jika bahan utamanya diganti dengan jenis yang lain. Contoh ujian penilaian sensori diskriminatif adalah ujian segitiga, ujian *duo-trio*, dan ujian pasangan

Ujian segitiga (*triangle test*) merupakan salah satu ujian perbezaan yang paling kerap digunakan dalam industri makanan dan kadangkala disamakan dengan penilaian sensori. Bagi ujian ini, tiga sampel berkod diberi pada satu masa dan tugas panel ialah menentukan dua sampel berkod yang sama atau satu sampel berkod yang berbeza.

Ujian pasangan (*paired comparison*) adalah uji dimana para panel diminta untuk menyatakan apakah ada perbezaan antara dua contoh yang disajikan. Contohnya soalan yang mana lebih lembut?

Ujian *duo-trio* adalah ujian dimana ada 3 jenis contoh (dua sama, satu berbeza) disajikan dan para panel diminta untuk memilih contoh yang sama dengan standard. Selain itu, ujian rangking (*rank order*) yang meminta para panel untuk mengelaskan sampel-sampel berkod sesuai urutannya untuk suatu sifat sensori tertentu. Ujian kepekaan terdiri daripada ujian yang dilakukan secara rambang dan para panel dikehendaki untuk mengesan ukuran had pengesanan suatu bahan atau mengenali suatu zat pada tahap had pengesanan. Ujian lain adalah ujian pembubaran yang mengukur dalam larutan sebilangan kecil bahan yang dapat dikesan. Kedua-dua jenis ujian di atas boleh menggunakan ujian pembezaan untuk menentukan had pengesanan.



### **Ujian Deskriptif**

Ujian deskriptif dirancang untuk mengenal pasti dan mengukur sifat deria. Dalam kumpulan pengujian ini, penilaian atribut kualiti disertakan di mana atribut kualiti dikategorikan oleh kategori skala (keterangan yang menjelaskan intensiti atribut kualiti) atau besarnya atribut kualiti dianggarkan berdasarkan salah satu sampel, menggunakan kaedah skala nisbah. Ujian deskriptif adalah ujian yang memerlukan kepakaran khusus dalam penilaiannya kerana dalam ujian ini panelis mesti dapat menjelaskan perbezaan antara produk yang diuji. Untuk melaksanakan ujian ini, diperlukan pemeriksa terlatih. Ujian deskriptif terdiri daripada memberi skor atau memberikan ujian skala. Kedua-dua ujian tersebut dilakukan dengan menggunakan pendekatan skala atau skor yang dikaitkan dengan keterangan khusus mengenai atribut kualiti produk. Dalam sistem pemarkahan, angka digunakan untuk menilai intensiti produk dalam urutan yang meningkat atau menurun.

### **Ujian Afektif**

Ujian hedonik dijalankan untuk menentukan sama ada produk itu disukai atau tidak oleh pengguna. Ujian afektif adalah ujian yang dijalankan untuk mengetahui produk mana yang disukai pemeriksa dan produk mana yang tidak disukai oleh penguji. Salah satu contoh ujian afektif adalah ujian hedonik. Ujian hedonik boleh dilakukan oleh pemeriksa terlatih atau pengguna biasa. Tujuan kaedah ini adalah untuk mengukur tahap keutamaan di kalangan pengguna atau penguji terhadap sesuatu produk. Skala yang tersedia untuk ujian hedonik berkisar dari sangat tidak suka hingga sangat menyukai sampel yang diberikan. Penguji diminta untuk menilai setiap sampel produk dan menentukan pilihan mereka terhadap sampel produk tersebut. Ujian ini biasanya dilakukan oleh panel umum, baik terlatih dan tidak terlatih.

### **Penutup**

Dalam industri makanan dan minuman penilaian sensori merupakan salah satu komponen yang penting dalam penghasilan sesuatu produk itu. Penilaian sensori mesti mengambil kira perbezaan atribut sensori produk memandangkan pemilihan produk banyak dipengaruhi dalam menghasilkan produk baru dan penerimaan pengguna. Proses penilaian ini bermula dengan proses persepsi, interaksi sampel dengan ahli panel sensori sehinggalah tahap akhir proses di mana penilaian mengenai sampel akan dibuat. Dalam kajian penilaian sensori, manusia dilihat sebagai alat untuk menentukan sifat-sifat produk untuk memastikan produk yang dihasilkan mestilah berkualiti.

## **Rujukan**

- Aminah, A. (2000). Panduan Makmal Penilaian Sensori. Bangi Penerbit  
Universiti Kebangsaan Malaysia
- Aminah, A. (2004). Prinsip Penilaian Sensori. Bangi: Penerbit  
Universiti Kebangsaan Malaysia
- Evin F, Siekierski E (2002) Sensory evaluation of heating and air conditioning systems. Energy Buildings 34(6): 647–651.
- Hayati, R, Marliah, A, dan Rosita, F. (2012). Sifat kimia dan evaluasi sensori bubuk kopi arabika.  
Jurnal Florstek, 66-75
- Ivani Putri, T. (2017). Comparative Study of Sensory Attributes and Brand Awareness in Food  
Product Jurnal Pangan dan Agroindustri Vol.5 No.2:66-73.
- Jelen, H. (2012). Food Flavors chemical, Sensory dan Technological Properties. USA:  
Taylor & Francis Group
- Shallenberger, R.S. (1997). Taste recognition chemistry. Pure and Applied Chemistry, 69(4): 659-666.

## SOLAT: ISU DAN CABARAN REMAJA MASA KINI

NORHAYATI BINTI ALI

Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka.

### Abstrak

*Solat merupakan salah satu daripada Rukun Islam yang wajib dilaksanakan oleh setiap orang yang beragama Islam. Solat menurut bahasa adalah doa manakala menurut syarak pula solat adalah perbuatan yang dimulai dengan takbir dan disudahi dengan salam.*

***“Solat adalah tiang agama, sesiapa yang mendirikan solat, sesungguhnya dia telah menegakkan agama dan barangsiapa yang meninggalkan solat, sesungguhnya dia telah meruntuhkan agama.”***

***(Sabda Rasulullah s.a.w)***

*Solat lima waktu merupakan satu kewajipan umat Islam yang berakal dan baligh. Solat juga merupakan amalan pertama yang akan dihitung di akhirat kelak. Jika solat kita baik dan sempurna maka baiklah seluruh amalan kita yang lain. Dari Abdullah bin Qurt, ia berkata bahawa Rasulullah s.a.w bersabda “Yang pertama dihisab dari seorang hamba di Hari Kiamat adalah solatnya. Apabila solatnya baik maka seluruh amalannya tetapi jika solatnya rosak, rosaklah seluruh amalannya.” Oleh yang demikian, solat merupakan ibadah utama yang wajib dilaksanakan sepertimana yang dinyatakan di dalam Rukun Islam, maka meninggalkannya dengan sengaja adalah berdosa kerana mengabaikan tanggungjawab dan kewajipan sebagai seorang muslim.*

### Kewajipan Solat

Solat merupakan ibadat yang amat penting bagi setiap Muslim yang mukallaf kerana ia adalah fardu ain.

***“Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat, dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang yang rukuk.”***

***(surah Al-Baqarah ayat 43)***

Hal ini menjelaskan kepada kita bahawa orang yang menunaikan solat sebenarnya telah menunaikan tanggungjawabnya dan dikasihi oleh Allah dan rasul-Nya kerana mengikut ajaran Islam. Namun demikian, masyarakat hari ini didapati tidak solat dan menganggap ia adalah satu perkara yang remeh. Terdapat ramai umat Islam yang tidak konsisten dalam menunaikan solat lebih-lebih lagi dalam kalangan remaja. Menurut Shukri, Wan Abdul Rahman, Mediha dan Shahril (2014) menunjukkan penghayatan solat dalam kalangan remaja masih pada tahap yang rendah di mana pelaksanaan solat tidak dianggap penting dan bukan keutamaan.

### Membangun Modal Insan

Memang tidak dapat dinafikan bahawa golongan remaja merupakan modal insan ataupun aset berharga kepada nusa dan bangsa. Kejayaan dalam pendidikan akademik dan akhlak yang terpuji merupakan salah satu platform yang amat penting untuk melahirkan modal insan yang berkualiti. Bagi membentuk modal insan yang berkualiti ia bukanlah sesuatu yang mudah. Pembinaan negara yang kuat dan hebat pada masa akan hendaklah berasaskan masyarakat yang berakhlak. Peribadi yang unggul sebegini hanya dapat dibentuk melalui solat. Sesungguhnya solat itu dapat membentuk peribadi yang mulia sehingga mampu meninggalkan sesuatu yang keji dan mungkar sepertimana Firman Allah:

***“Sesungguhnya solat itu mencegah daripada perbuatan yang keji dan mungkar.”***

**(surah Al-Ankabut ayat 45)**

Remaja hari ini adalah pemimpin di masa hadapan. Untuk menjadi pemimpin yang hebat yang dapat mengemudi negara dengan baik sudah tentu dapat dilatih melalui amalan solat. Solat adalah medium yang terbaik dalam membentuk insan yang berdisiplin tinggi. Justeru itu, kecenderungan seseorang menjaga solat merupakan faktor yang amat penting dalam menjadikan seseorang itu pemimpin yang baik dalam sesebuah negara.

Selain itu, solat juga dapat mendidik seseorang menepati masa. Hal ini juga merupakan aspek penting bagi melahirkan pemimpin yang hebat. Kepekaan terhadap waktu solat ini secara tidak langsung dapat melatih orang Islam menepati dan menghargai masa. Golongan yang menepati masa pastinya akan beroleh kejayaan di dunia mahupun di akhirat.

Mengikut Imam Bukhari dan Muskim, sahabat Abdullah ibn Mas'ud pernah bertanya kepada Nabi:

***“Apakah amalan yang paling Allah sukai?”***

***“Solat tepat pada waktu.”***

### **Realiti Solat Remaja Kita**

Solatkah remaja kita hari ini? Persoalan ini amat membimbangkan kita. Kajian Hasna Bidin (2016) mendapati bahawa pelajar mempunyai pengetahuan yang tinggi tentang solat tetapi masih belum menghasilkan amalan solat yang konsisten dalam kehidupan seharian mereka. Hal ini menunjukkan masalah penguasaan solat telah membarah dalam kalangan remaja masa kini. Ini boleh membantutkan usaha kerajaan dalam melahirkan generasi unggul yang berakhlak tinggi sebagai pemangkin kecemerlangan ummah. Malah sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud:

***“Siapa yang mendirikan solat, maka dia telah mendirikan agama.”***

Persoalannya mengapakah masih terdapat remaja yang tidak solat sedangkan kebanyakan anak-anak pada hari ini telah dihantar ke tadika seawal 4 tahun. Jika dilihat pada jadual persekolahan tadika itu sendiri mempunyai jadual Solat Dhuha seawal jam 8.00 pagi sebelum bermulanya pembelajaran yang lain. Jelas sekali ianya bukanlah kerana mereka tidak dapat pendedahan tentang solat tetapi sikap remaja itu sendiri yang merasakan solat itu satu perkara yang remeh sahaja. Mereka tidak menanamkan dalam jiwa mereka bahawa solat adalah satu tanggungjawab yang wajib dilaksanakan sebagai seorang hamba Allah di atas muka bumi ini.

Wahai remaja yang beriman, *“solatlah kamu sebelum kamu disolatkan”*. Kata-kata ini sering diucapkan sebagai satu peringatan buat kita semua supaya menunaikan kewajipan solat. Mendirikan solat adalah tanda kepatuhan kita kepada Allah yang maha Esa yang juga merupakan kesan daripada keimanan yang tinggi kepada Allah S.W.T. Apabila iman yang teguh menghiasi diri seseorang, kesannya adalah dalam bentuk perbuatan iaitu dengan melaksanakan segala perintahNya demi mengharapkan keredhaanNya.

Tepuk dada tanyalah iman wahai remajaku. Sesungguhnya hati yang yakin dan bersaksi dengan hakikat keimanan terhadap Allah s.w.t. akan menjadi 'peguam' yang berhujah dalam

kehidupan seseorang terhadap segala tindakannya. Malah, iman berperanan mencorakkan kehidupan sebenar umat Islam dan mengikis kehidupan Jahiliah. Iman juga akan meletakkan seseorang di atas " *siratal mustaqim* " yang mengamalkan perintah Allah s.w.t dan menjauhi laranganNya. Iman tidak sesekali dapat diwarisi dari ayah mahupun seorang ibu yang bertaqwa. Iman bukan sahaja meyakini dalam hati akan tetapi perlu dibuktikan dengan perkataan (lisan) dan perbuatan. Maka solat adalah tanda keimanan seseorang terhadap Allah s.w.t. Pembangunan kerohanian merupakan aspek penting dalam pembangunan modal insan yang sebenar yang dapat membangunkan negara Islam dengan baik.

***“Sesungguhnya telah berjayalah orang-orang yang beriman. (Iaitu) mereka yang khusyuk dalam solat mereka... dan mereka yang memelihara solat-solat mereka.”***  
**(Surah Al-Mukminun ayat 1,2 & 9)**

### **Isu Dan Cabaran**

Pada abad ke-21 yang lebih rumit, penuh dengan ketidakpastian serta pelbagai cabaran ini sudah pastinya permasalahan tentang remaja itu sendiri menjadi persoalan. Oleh kerana pembangunan fizikal begitu pantas sekali pada hari ini sehingga persoalan tentang akhlak telah jauh tertinggal di belakang. Perubahan yang begitu pantas dari segi kebendaan di sesebuah negara khususnya Malaysia meninggalkan kesan yang tidak stabil dan mengelirukan. Kekeliruan ini menyebabkan remaja kita tenggelam dalam arus kemodenan. Masalah keruntuhan akhlak menjadi tajuk perbincangan yang sangat hangat diperkatakan. Di akhbar-akhbar mahupun laman internet tidak putus-putus memaparkan masalah keruntuhan akhlak remaja seperti berpeleseran, melepak, lumba haram, pembuangan bayi dan sebagainya.

Dimanakah maruah mereka sebagai seorang yang beragama Islam? Tidakkah mereka merasa malu berkelakuan sedemikian rupa? Malu merupakan salah satu daripada cabang iman. Jika perasaan malu telah hilang, dimanakah pula letaknya iman mereka? Iman merupakan tunjang utama bagi seseorang yang beragama Islam. Cukupkah sekadar mereka mengaku beriman kepada Allah S.W.T tetapi tidak melaksanakan perintah Allah malah melakukan laranganNya pula.

Cabaran globalisasi melalui teknologi maklumat dan multimedia merupakan alat ampuh kepada penularan penjajahan pemikiran barat yang menyebabkan minda dan jiwa umat Islam terancam. Penyalahgunaan media sosial ternyata amat berleluasa pada masa kini. Bencana bertitik tolak daripada gaya hidup dan pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan semakin merebak ke serata dunia termasuk negara kita sendiri yang majoriti penduduknya beragama Islam.

Melihat kepada permasalahan ini, secara terang-terangan remaja Melayu dan beragama Islam telah dilanda krisis sosial yang cukup meruncing dalam pembentukan seorang remaja Islam yang sempurna. Remaja Islam menjadi tidak berharga dan hilang nilai harga diri. Perkara ini sudah tentu memberikan implikasi yang negatif terhadap pembangunan negara Islam.

Antara faktor utama yang menyebabkan remaja melakukan perbuatan yang dilarang oleh Allah adalah lemahnya pegangan mereka terhadap agama Islam. Kajian Nur Faridah (2016) juga ada menyatakan bahawa tahap pengamalan murid dalam melaksanakan solat masih pada tahap sederhana dan kurang memuaskan. Sepertimana yang kita sedia maklum bahawa orang yang tidak solat seperti meruntuhkan agamanya. Istiqamah melakukan solat adalah

merupakan benteng utama yang dapat menghindarkan diri remaja daripada melakukan perkara yang tidak bermoral.

### **Kesimpulan**

Amalan solat merupakan suatu kewajipan bagi umat Islam. Ia juga adalah amalan yang mulia di sisi Allah S.W.T yang dapat mendidik jiwa dan rohani seseorang. Justeru itu setiap remaja perlu mengamalkan cara hidup Islam. Istiqamah melaksanakan solat merupakan tanggungjawab sebagai seorang muslim. Remaja mestilah mengukuhkan diri mereka dengan unsur kerohanian yang mantap sehingga berupaya berjihad menangani segala cabaran di masa hadapan dengan lebih hebat.

### **Rujukan**

- H. Bidin (2016). *Pelaksanaan Solat dalam Kalangan Pelajar Muslim di Kolej Komuniti Negeri Johor*. Universiti Teknologi Malaysia. Johor
- I.Kamus, M.A. A. Hamid (2013). *Indahnya Hidup Bersyariat*. Telaga Biru Sdn. Bhd. Kuala Lumpur
- N.F. Abdullah (2016). *Amalan Solat Fardhu Tahun Tiga Di Sekolah Rendah*. Universiti Sains Islam Malaysia, Negeri Sembilan
- S. Ahmad, Y. Don, W. A. R. Abdullah, M. Ibrahim & S.F. Hussain (2014). *Penghayatan Solat Dan Pengimarahannya Masjid: Kajian Dalam Kalangan Pelajar Universiti Utara Malaysia*. Proceeding of the Social Sciences Research ICSSR 20

# PANDEMIK COVID-19: KEGANASAN DALAM RUMAH TANGGA

ASMAK BINTI IBRAHIM, TAN PEY PEY

Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka

## Abstrak

*Pandemik Covid-19 juga dikenali sebagai pandemik koronavirus merupakan salah satu musibah dahsyat yang tidak pernah dialami dalam sejarah moden dunia. Ia berpunca daripada koronavirus sindrom pernafasan akut teruk 2 (SARS-CoV-2). Wabak ini mula dikesan pada pertengahan Disember 2019 di bandaraya Wuhan, Hubei, China. Akibat musibah ini, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah diisytihar di seluruh dunia dan dilaporkan terdapat peningkatan sebanyak tiga kali ganda kes keganasan rumah tangga sejak perintah kawalan pergerakan dilaksanakan. Di Malaysia, berlaku peningkatan sebanyak 3.6 dan 3.4 kali sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan berbanding pada bulan Februari 2020. Oleh hal yang demikian, kajian ini dijalankan bagi menganalisis sejauhmana peruntukan undang-undang yang ada di Malaysia bagi menangani kes keganasan rumah tangga. Kajian ini berbentuk kajian perpustakaan dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Hasil kajian menunjukkan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 memperuntukkan keganasan rumah tangga merupakan satu jenayah di bawah Kanun Keseksaan.*

## Pengenalan

Wabak Coronavirus yang melanda seluruh dunia telah memberikan impak yang besar kepada pelbagai sektor seperti ekonomi, pendidikan, pelancongan dan sebagainya. Angka kematian akibat pandemik COVID-19 meningkat lebih tujuh ribu kes dalam tempoh 24 jam. Statistik *Johns Hopkins University* menunjukkan, jumlah kumulatif kematian global akibat wabak itu kini sebanyak 783,333 kes. Amerika Syarikat terus kekal merekodkan jumlah kematian tertinggi dengan lebih 172,945 kes, diikuti Brazil dengan 109,088 kes korban dan Mexico dengan 57,774 kematian. Manakala bagi negara-negara lain masih merekodkan angka korban di bawah 20,000 kes. <http://www.astroawani.com/berita-dunia/covid-19-angka-kematian-seluruh-dunia-cecah-783-000-255981>

Sehubungan itu, Arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dikeluarkan bermula 18 Mac lalu secara tidak lansung mengganggu kesejahteraan dan emosi sebahagian masyarakat. Mereka mengalami tekanan (*stress*) dengan keadaan yang berbeza-beza antara satu sama lain dan pada setiap hari. Walaupun tekanan ini adalah tindak balas normal dalam keadaan krisis, ia tidak harus sehingga membawa kepada masalah kesihatan mental seperti kemurungan (*depression*), keresahan (*anxiety*), kecelaruan bipolar (*bipolar disorder*) dan skizofrenia (*schizophrenia*). Paling dikhuatiri sekiranya keadaan ini berterusan tanpa suatu langkah yang menyeluruh dan berkesan untuk menanganinya, masalah seperti sakit jiwa, mencederakan diri sendiri, bunuh diri, lari dari rumah, kecelaruan identiti, perceraian dan keganasan rumah tangga yang sering dikaitkan dengan masalah kesihatan mental akan menunjukkan peningkatan jumlahnya sebaik sahaja PKP ini ditamatkan nanti. (Eikhwan Ali & Mahirah A Rashid, 2020).

Menurut Pengarah Eksekutif Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO), V Sumitra menunjukkan laporan mengenai keganasan rumah tangga di Malaysia berlakunya peningkatan sebanyak 3.6 dan 3.4 kali sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan berbanding pada bulan Februari. (Nur Farhana Abdul Manan, 2020). Peningkatan kes ini juga turut berlaku di Selangor yang mana 90 kes keganasan rumah

tangga dilaporkan pada bulan Mac dan April iaitu sepanjang pelaksanaan (PKP) dikuatkuasakan berbanding tempoh sebelumnya. (BERNAMA, 2020)

Menurut Eikhwan Ali & Mahirah A Rashid, 2020 lagi seperti yang berlaku di Perancis, kes keganasan rumah tangga meningkat sebanyak 32 peratus dalam tempoh seminggu sahaja setelah perintah berkurung mula dikuatkuasakan sejak dua minggu lalu. Di beberapa bandar di China antaranya Xian dan Dazhou pula, jumlah penceraiian dalam tempoh perintah berkurung dikuatkuasakan dilaporkan meningkat secara mendadak. Di Sichuan sahaja, 300 pasangan mendaftarkan penceraiian sejak 24 Februari hingga 13 Mac 2020. Ini merupakan angka pendaftaran tertinggi bagi sesebuah pejabat pendaftaran perkahwinan.

### **Keganasan Dalam Rumah Tangga**

Menurut kajian 2014 yang dijalankan oleh Pusat Penyelidikan Wanita dan Gender (KANITA) di Universiti Sains Malaysia, sembilan peratus daripada wanita yang pernah berpasangan di Semenanjung Malaysia mengalami keganasan rumah tangga pada suatu ketika dalam hidup mereka. Hal ini bermakna lebih lapan ratus ribu wanita di Malaysia yang berkemungkinan besar telah mengalami keganasan. (Natasha Dandavati, 2017)

Di Malaysia, terdapat beberapa peruntukan undang-undang berhubung dengan isu keganasan rumah tangga. Antaranya termasuklah:

- Akta Keganasan Rumahtangga (1994) Pindaan 2012
- Kanun Kesiksaan
- Akta Perempuan Bersuami (1957) Pindaan 1990 & 1994.
- Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984.
- Akta Memperbaharui Undang-Undang (Perkahwinan & Perceraian) 1976.
- Tatacara Mal Mahkamah Syariah WP 1998
- Akta Kanak-Kanak 2001
- Akta Keganasan Rumahtangga 1994 Pindaan 2012 (AKRT) yang berkuatkuasa pada Jun 1996 telah dipinda pada Feb. 2012. Bertujuan memberi perlindungan kepada mangsa tidak kira bangsa, agama dan keturunan. Akta ini perlu dibaca bersama Kanun Kesiksaan dan Kanun Prosedur Jenayah seperti yang diperuntukan dalam seksyen 3 AKRT. Keganasan Rumahtangga mengikut S.2 Akta Keganasan Rumahtangga (AKRT):
- Apabila seseorang itu menyebabkan kecederaan fizikal kepada mangsa.
- Secara bersengaja atau dengan sedar meletak atau cuba meletakkan mangsa dalam keadaan ketakutan kecederaan fizikal.
- Memaksa atau mengancam mangsa untuk melakukan apa-apa perbuatan seksual yang mana mangsa berhak untuk tidak melakukannya.
- Mengurung atau menahan mangsa tanpa kerelaannya.
- Melakukan khianat atau kemusnahan atau kerosakan kepada harta dengan niat untuk menyebabkan atau dengan disedari bahawa ia berkemungkinan menyebabkan kesedihan atau kekusaran kepada mangsa.
- Melakukan penderaan secara psikologi termasuklah penderaan emosi.
- Menyebabkan mangsa berada dalam keadaan khayal kerana kesan bahan yang memabukkan yang diberikan kepada mangsa secara paksaan.
- Jika mangsa adalah kanak-kanak, juga menyebabkan mangsa berada dalam keadaan khayal kerana kesan bahan yang memabukkan.



Keganasan rumahtangga merangkumi kes-kes pembunuhan dan kecederaan seperti rogol, serangan seksual, rompakan, dan keganasan fizikal lain yang dilakukan oleh pasangan (Nurul Hasna' Hazni, 2017)

**Jadual 1 : Jumlah Kes Keganasan Rumah Tangga dan Keganasan Seksual yang Dilaporkan (2011-2017), <https://www.wccpenang.org/statistics-research/>)**

Tahun	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	
Kes Keganasan Rumah Tangga	3,277	3,488	4,123	4,807	5,014	5,796	5,513	
<b>Jumlah Kes</b>	<b>32,018</b>							

Berdasarkan Jadual 1 menunjukkan jumlah kes keganasan rumah tangga dan keganasan seksual yang dilaporkan bagi tahun 2011 hingga 2017. Kes tertinggi dilaporkan iaitu pada tahun 2016 iaitu dengan 5,796 manakala kes terendah iaitu pada tahun 2011 dengan jumlah kes sebanyak 3,277.

**Jadual 2 : Pecahan Kes Keganasan Rumah Tangga Melibatkan Wanita (2017-2020), PDRM**

	2017	2018	2019	hingga Apr 2020
<b>Jumlah Kes</b>	4,026	3,947	3,435	930

Jika dilihat kepada jadual 2 di atas berkaitan pecahan kes keganasan rumah tangga melibatkan wanita, berlakunya peningkatan kes pada tahun 2020 berbanding tahun sebelumnya kerana sehingga 30 April 2020 sahaja terdapat 930 kes. Perkara ini disokong dengan pendapat Datuk Siti Zailah Mohd Yusoff yang merupakan Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melaporkan sebanyak 1,986 kes keganasan rumah tangga berlaku dalam tempoh 18 Mac hingga 20 Ogos 2020.

Menurut Fadilah Ismail (2016), faktor penderaan mental dan fizikal merupakan salah satu faktor perceraian yang berlaku dalam kalangan suami isteri. Antara item yang paling tinggi nilai min yang dikaitkan dengan penderaan mental dan fizikal ialah suka memuji orang lain di depan pasangan (M=3.64). Item-item lain juga dikaitkan dengan penderaan fizikal dan mental iaitu memaki hamun pasangan (M=2.50), mengurung tanpa kerelaannya (M=2.48), suka memaksa (M=2.47) dan meletakkan pasangan dalam keadaan ketakutan (2.45). Selain daripada itu, terdapat juga item yang menuduh pasangan tanpa usul periksa (M=2.38), tidak menyokong pasangan dalam pelbagai hal (M=2.36), memburukkan pasangan di depan orang lain (M=2.35), dan menyebabkan kecederaan fizikal kepada pasangan (M=2.38). Hal ini menunjukkan terdapat elemen keganasan rumah tangga yang menyumbang kepada perceraian dalam kalangan suami isteri.

### **Badan-badan yang bertanggungjawab**

Antara badan-badan penting yang bertanggungjawab memainkan peranan dalam kes-kes keganasan dalam rumah tangga ialah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Subseksyen 19 (1) Akta 521 memperuntukkan bahawa Pegawai Penguatkuasa bertanggungjawab untuk, antaranya;

- a. Membantu mangsa keganasan rumah tangga untuk memfailkan suatu permohonan bagi IPO (Interim Protection Order - Perintah Perlindungan Interim) di mahkamah (Seksyen 12 Akta 521 dengan jelas memberikan kuasa kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat untuk memfailkan permohonan IPO secara *ex-parte* bagi pihak mangsa.)
- b. Mengadakan atau mengaturkan pengangkutan bagi mangsa itu ke kediaman alternatif/tempat selamat/tempat berlindung, jika perlu;

- c. Mengadakan atau mengatur pengangkutan bagi mangsa itu ke hospital /tempat kemudahan perubatan yang terdekat bagi rawatan kecederaan jika perlu.
- d. Menjelaskan kepada mangsa tentang hak untuk mendapatkan perlindungan terhadap keganasan rumah tangga dan
- e. Menemankan mangsa ke kediaman mangsa itu atau kediaman sebelumnya untuk mengambil barang-barang kepunyaannya.

Selain itu, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) / Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) juga antara badan-badan penting yang bertanggungjawab memainkan peranan dalam kes-kes keganasan dalam rumah tangga. Subseksyen 11(1) Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521] memperuntukkan bahawa dalam apa-apa permohonan untuk mendapatkan PO, Mahkamah boleh membuat suatu perintah untuk merujuk pihak-pihak yang berkenaan kepada satu badan pendamai sebagai ganti atau sebagai tambahan kepada PO tersebut. Manakala, subseksyen 11(4) Akta 521 pula mentafsirkan “badan pendamai” sebagai meliputi badan yang mengadakan perkhidmatan kaunseling yang ditubuhkan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat dan, dalam hal di mana pihak itu, adalah orang islam meliputi juga badan yang ditubuhkan di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam yang berkenaan. Berdasarkan kepada subseksyen 11(4) tersebut, Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) juga turut memainkan peranan penting dalam mencegah keganasan rumah tangga yang berlaku di kalangan orang islam dengan berperanan sebagai badan pendamai melalui Unit Runding Cara atau Khidmat Nasihat Kekeluargaan di Jabatan Agama Islam negeri-negeri.

### **Kesimpulan**

Berdasarkan perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dilaksanakan bagi mengawal penularan Pandemik Covid-19 telah memberikan kesan kepada kenaikan kes keganasan dalam rumah tangga. Masalah ini amat membimbangkan jika ianya diambil ringan dan akan memberikan impak yang besar khususnya kepada institusi keluarga di Malaysia. Oleh hal yang demikian, pihak yang berkuasa dengan kerjasama anggota masyarakat perlu memainkan peranan bagi membanteras masalah dengan berkesan sebelum menjadi lebih serius bagi menjamin keharmonian dalam sesebuah masyarakat.

### **Rujukan**

- Eikhwan Ali & Mahirah A Rashid. (2020). *Pandemik COVID-19: Mendepani Impak Psikososial*. Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS). TSIS Lead, Inspire.
- Fadilah Ismail. (2016). *Faktor Keharmonian dan Keruntuhan Rumah Tangga*. *Prosiding PERKEM Ke-11*. Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussien Onn Malaysia. 394 – 399
- <http://www.astroawani.com/berita-dunia/covid-19-angka-kematian-seluruh-dunia-cecah-783-000-255981> diakses pada 20 Ogos 2020.
- <https://www.astroawani.com/video-malaysia/punca-masalah-keganasan-rumah-tangga-ketika-pkp-adalah-kewangan-1864418> diakses pada 30 Oktober 2020
- <https://www.bharian.com.my/wanita/lain-lain/2020/07/710299/kes-keganasan-rumah-tangga-tinggi-ketika-pkp>, BERNAMA. 2020 diakses pada 30 Oktober 2020.
- <https://www.sinarharian.com.my/article/87263/BERITA/Nasional/Laporan-keganasan-rumah-tangga-meningkat>, Nur Farhana Abdul Manan, 11 Jun 2020 diakses pada 30 Oktober 2020.

- Mariny Abdul Ghani, Sabasiah Husin & Azizul Mohamad, t.t. *Isu Keganasan Rumahtanga: Keberkesanan Perkhidmatan kaunseling Berdasarkan Perspektif Klien Wanita Mangsa Penderaan. Jurnal Kemanusiaan Vol. 25, Iss. 2.* University Teknologi Malaysia.
- Natasha Dandavati. (2017). *Perspektif Mengenai Keganasan Rumah Tangga. Petaling Jaya: Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO).*
- Nurul Hasna' Hazni. (2017). *Pembubaran Perkahwinan Akibat Keganasan Seksual Dalam Rumahtangga: Kajian Di Mahkamah Syariah Negeri-Negeri Utara Malaysia Sarjana Sastera (Pengajian Islam), Universiti Utara Malaysia.*

## TENAGA SURIA MENJANA PENDAPATAN PASIF


Ts. AZAHARI BIN ABU, HJ MD EMRAN BIN SAIDI

Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka

### Pengenalan

Tenaga solar adalah teknologi yang dicipta untuk mendapatkan tenaga daripada cahaya matahari. Tenaga matahari ini telah digunakan dalam banyak teknologi tradisional sejak beberapa abad yang lepas secara meluas. Antara contoh penggunaan tenaga matahari adalah (pemanasan air, pemanasan bangunan dan juga dalam masakan). Malah, tenaga matahari juga boleh menghasilkan tenaga elektrik melalui enjin pemanasan dan fotovolta. – Wikipedia.

Melalui teknologi terkini, penghasilan daripada solar panel boleh menghasilkan tenaga elektrik setiap hari. Sekarang, sudah banyak rumah, kilang dan industri yang memasang solar panel untuk menghasilkan tenaga elektrik sama ada untuk tujuan perniagaan ataupun untuk kegunaan sendiri. Tidak hairan mengapa tenaga solar ini menjadi sumber tenaga boleh diperbaharui penting pada masa hadapan. Hal ini kerana faktor perubahan cuaca di bumi dan berlakunya pencemaran serta kekurangan sumber bekalan tenaga elektrik akan semakin berkurangan pada masa hadapan. Oleh sebab itu, kebanyakan negara termasuk Malaysia berusaha keras untuk mendidik rakyat Malaysia agar lebih menjimatkan penggunaan tenaga elektrik dalam kehidupan seharian dan juga mendidik masyarakat untuk memasang solar panel di rumah atau bangunan agar dapat menyediakan sumber tenaga boleh baharu yang mencukupi pada masa hadapan untuk seluruh rakyat Malaysia.



## **Solar Sumber Pendapatan**

*Feed in Tariff* (FIT) telah diperkenalkan pada tahun 2011 dalam belanjawan negara 2010 dan merupakan langkah yang signifikan bagi negara Malaysia dalam menuju era penggunaan tenaga hijau dan mampan. FIT merupakan suatu kekejaan apabila dibandingkan dengan peningkatan kadar harga tenaga elektrik sedia ada. Kebanyakan premis perumahan dengan sistem 12kW mampu menjana pendapatan sebanyak 2.5 kali lebih tinggi bagi setiap kW yang dibayar dalam bil-bil elektrik.

SEDA (*Sustainable Energy Development Authority*) agensi dibawah Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim bersama-sama dengan Kerajaan Malaysia telah membangunkan suatu mekanisme yang mengenakan levi tenaga sebanyak 1% terhadap semua premis perumahan yang merekodkan perbelanjaan melebihi RM 75 pada bil elektrik masing-masing. Hasil pungutan levi ini digunakan untuk membayar premis perumahan yang mempunyai Perjanjian Perkongsian Bekalan Tenaga Boleh Baharu (REPPA) dengan TNB. Levi ini akan meningkat dengan kadar 2% pada masa yang akan datang.

Jumlah pendapatan yang boleh dijana akan berubah dari tahun ke tahun kerana SEDA telah menetapkan suatu Kadar Penurunan ke atas FIT. Pada tahun ini, para pemilik premis perumahan dapat menikmati purata sebanyak RM 0.93 bagi setiap kW jam selama 21 tahun, di mana pihak TNB mengenakan cas sebanyak RM 0.2188 bagi tariff domestik 200kW pertama dan RM 0.435 bagi tariff perniagaan. Sebuah sistem 6kW boleh memberikan pulangan sebanyak RM 151,000 sepanjang tempoh kontrak 21 tahun bersama TNB. Kos modal bagi sistem sebegini hanya berjumlah RM 40,000.00. Secara amnya, anda dapat menikmati pulangan sebanyak 16% - 22% setahun.

## **Siapa Yang Boleh Memohon Untuk Fit?**

Sesiapa sahaja yang memiliki sebuah premis perumahan ataupun komersial boleh memohon untuk FIT. Pemohon perlu mendaftar melalui syarikat yang dilantik SEDA bagi tujuan cabutan undi serta permit pemasangan solar dalam program FIT ini. Walaupun begitu, FIT tidak dapat dimohon oleh pemegang hak milik starta (rumah pangsa), mereka masih boleh menggunakan Sistem *Off Grid* bagi menggantikan sumber tenaga elektrik mereka. Banyak syarikat kini dapat membekalkan teknologi terkini penstoran tenaga di dalam bateri bagi membantu pemilik hakmilik strata untuk memiliki sistem solar.

**Jadual 1 : Kadar Fit Bagi Solar Pv (Bagi 21 Tahun Dari Tarikh Perjanjian)**

<b>Keterangan Mengenai Kelayakan Pemasangan Tenaga Boleh Dibaharui</b>	<b>Kadar FiT (RM per kWj)</b>	
	<b>2014</b>	<b>2015</b>
<b>(A) Kadar Asas FIT dengan Kapasiti Pemasangan :</b>		
(i) Sebanyak dan termasuk 4kW	1.0184	0.9166
(ii) Melebihi 4kW sehingga dan termasuk 24kW	0.9936	0.8942
(iii) Melebihi 24kW sehingga dan termasuk 72kW		0.7222
<b>(B) Syarat bagi Mendapatkan Kadar Bonus FIT :</b>	<b>2014</b>	<b>2015</b>
(i) Digunakan dalam pemasangan bangunan atau struktur bangunan	+0.2153	+0.1722
(ii) Digunakan sebagai bahan binaan	+0.2070	+0.1656
(iii) Menggunakan modul-modul Solar PV yang diperbuat atau dipasang di dalam negara	+0.0500	+0.0500
(iv) Menggunakan inverter solar yang diperbuat atau dipasang di dalam negara	+0.0500	+0.0500

#### **Kos pemasangan serta penyelenggaraan**

Kos pemasangan agak tinggi, sebagai contoh pemasangan ini 6KWp bernilai RM 42000.00 paking minima bergantung pada jenis peralatan import atau tempatan. Maklumat tepat dan penjelasan mengenai butir-butir teknikal termasuk jaminan oleh pihak pembekal perkhidmatan yang dilantik oleh pihak SEDA. Sementara kos penyelenggaraan adalah kecil dan sebahagian besar daripada kos ini adalah untuk pembersihan panel PV suria dari masa ke semasa. Struktur kediaman menjadi faktor penting dalam kutipan cahaya janaan mengenai kedudukan panel PV suria dengan keadaan bumbung rumah selari atau tidak dengan kedudukan matahari turun dan naik. Ianya tidak menjadi masalah apabila pembekal perkhidmatan mencadangkan pemasangan Panel PV suria di bumbung yang optimum bagi kutipan cahaya dengan kecondongan 15 darjah pada rangka yang dipasang di atas bumbung berkenaan.

Hasil dari pemasangan ini, penjanaan pasif setiap bulan dalam kadaran RM 500 – 700 dengan tanpa berbuat apa-apa. Seperti di atas, pulangan pelaburan (ROI) 15% - 22% sangat tinggi jika kita membuat pinjaman dengan institusi kewangan.

Jadual 2 : Contoh Bil Pendapatan Bulanan Peserta Fit

**NOTIS PEMAKLUMAN BAYARAN / SLIP PEMBAYARAN TENAGA BOLEH BAHARU**

No. Akaun : 230000323807



AZAHARI BIN ABU  
 15, 1557, JALAN DEBEMAN UTAMA 3



**TNBCareLine**  
 1 300 88 9494 (perumahan di & akuan)  
 15104 | gangguan bulanan |  
 tbcareline@tnb.com.my  
 www.tnb.com.my  
 www.facebook.com/tnbcardline

**Jumlah Bayaran : RM 698.14** Tarikh Notis / Slip Pembayaran : 01.04.2020

Jumlah Notis / Slip Pembayaran : 698.14  
 Pelarasan (RM) : 0.00  
 Jumlah Bayaran (RM) : 698.14



Untuk daftar MyTNB dan semak Inbois / slip pembayaran. Sila layari <http://www.mytnb.com.my>

**NOTIS PEMAKLUMAN BAYARAN / SLIP PEMBAYARAN TENAGA BOLEH BAHARU TERDAHULU**

Tarikh : 01.03.2020  
 Jumlah Bayaran (RM) : RM 616.82

**NOTIS PEMAKLUMAN BAYARAN / SLIP PEMBAYARAN TENAGA BOLEH BAHARU SEMASA**

No. Notis / Slip : 832473220  
 Tempoh Notis / Slip Pembayaran : 01.03.2020 - 31.03.2020  
 Bilangan Hari : 31 Hari  
 Kod Bacaan : Bacaan Sebenar

TNB MELAKA TIMUR  
 JB 3636, JLN MELAKA, JASIN  
 77000 JASIN  
 MELAKA

Tel: 06-5294049  
 Fax: 06-5292001

**KETERANGAN JUMLAH PENJANAAN SEMASA**

Keterangan Penjanaan	Penjanaan (kWh)	Kadar (RM)	Jumlah (RM)
Kadar Displaced Cost (DC) ↔ 100% DAA	764.00	0.3100	236.84
Kadar Differential (DF) ↔ 100% DAA	764.00	0.6038	461.30
Kadar Displaced Cost (DC) 100% - 110%	-	0.3100	-
Tiada Kadar > 110% DAA	-	-	-

**JUMLAH SLIP PEMBAYARAN SEMASA (RM) : 698.14**

**MAKLUMAT PEMEGANG KELULUSAN GALAKAN**

No. Tel : 0136134136 Tempoh Baki Kontrak : 19 Tahun  
 Email : azakbb@yahoo.com Kod Tarif : RE Solar (4KW-24KW)  
 Teknologi : Solar Kadar Tarif : 0.9138  
 Kapasiti : 6.00 Penyambungan : 400 V OPC  
 No. Kontrak : 6000550896 Tarikh Mulatugas / IOD : 31.10.2017  
 No. Aplikasi : S2016120481 Tarikh FITCD : 31.10.2017

**BACAAN PENJANAAN SEMASA**

No. Meter	Bacaan Meter		Penjanaan	Unit
	Dahulu	Semasa		
M 216429491	18,634.00	19,398.00	764.00	kWh
<b>Jumlah Penjanaan Semasa</b>			<b>764.00</b>	<b>kWh</b>

DECLARED ANNUAL AVAILABILITY (DAA) - kWh 2020 : 8,870.00  
 Jumlah Penjanaan (kWh) - 2020 hingga bacaan semasa : 2,093.00  
 Jumlah Penjanaan (kWh) - 2021 hingga bacaan semasa : -

Tenaga Nasional Berhad  
 No. 129, TNB Building, Jalan Bangsar, 50732 Kuala Lumpur

**NOTIS PEMAKLUMAN PENTING**  
 Slip pembayaran ini akan dibayar kepada Pemegang Kelulusan Galakan (PKG)

## **Kesimpulan**

Pemilik rumah di bawah skim FIT masih membayar bil tenaga elektrik. Pengalaman dalam dunia pendidikan kejuruteraan elektrik mendorong saya untuk memandang skim FIT dalam sudut positif dan saling menguntungkan. “Saya tertarik kerana semua orang boleh menjadi penjana kuasa bebas selagi mereka mempunyai bumbung rumah. Kedua-dua pihak akan mendapat manfaat. Kita dapat mengurangkan bil elektrik (jika untung dari FIT diambil kira dalam kos elektrik), dan kerajaan pula dapat mengurangkan perbelanjaan modal (untuk membina loji jana kuasa). Hal ini baik untuk negara dan baik untuk kita.

## **Rujukan**

- S. Ahmad, R. Mat, F. Muhammad-sukki, A. Bakar and R. Abdul. (2015). “*Role of feed-in tariff policy in promoting solar photovoltaic investments in Malaysia : A system dynamics approach,*”  
“*Statistic & Monitoring CO2 Avoidance,*” *Sustainable Energy Development Authority (SEDA) Malaysia Portal, 2017 : [www.seda.gov.my](http://www.seda.gov.my)*  
*Re FIT (2018), Solar Panel Installation Packages. Affordable Solar Power for Every Home. Retrieved from <https://www.solarmalaysia.com.my>*





KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI



KOLEJ KOMUNITI  
BUKIT BERUANG

*Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka*  
Kementerian Pengajian Tinggi



eISBN 978-967-16553-3-7



9 789671 655337